



KOLEKSI

Pantun Alam Sekitar

Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama



KOLEKSI

Pantun Alam Sekitar

Buku Koleksi Pantun Alam Sekitar
Jabatan Alam Sekitar

ISBN 9789672845102

Diterbitkan oleh:
Jabatan Alam Sekitar
Aras 3, Podium 3, Wisma Sumber Asli
No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4,
62574 Wilayah Persekutuan,
MALAYSIA.

Laman Web: www.doe.gov.my
Edisi pertama 2023

Penyunting
Bahagian Komunikasi Strategik
Jabatan Alam Sekitar
Malaysia

Hak cipta Jabatan Alam Sekitar
Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula,
disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekali pun
tanpa izin daripada penerbit.

Rekabentuk dan Cetakan oleh:
Cetak Jitu Sdn. Bhd.
No. 11, Jalan 24/56, Kawasan J,
Keramat Wangsa, Ampang Ulu Klang,
54200 Kuala Lumpur.



KOLEKSI

Pantun Alam Sekitar

Sekapur Sirih

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Pantun merupakan seni khazanah melayu dari zaman ke zaman. Pantun merupakan hasil kreatif manusia Melayu terawal. Di samping itu, pantun merupakan khazanah silam yang amat bernilai yang melambangkan kepintaran manusia Melayu yang tinggi nilai sasteranya. Malah pantun mempunyai nilai dokumentari yang tiada tandingannya. Pantun juga merupakan salah satu genre asli kesusasteraan yang menjadi wahana bagi pengucapan dalam pelbagai jurusan aktiviti kehidupan masyarakat. Tidak ketinggalan pantun juga dijadikan alat ekspresi bagi kehidupan yang lebih tinggi, iaitu moral dan agama, aspek-aspek yang lebih kompleks yang membawa kepada pemikiran kosmologi dan kosmogoni yang lebih bersifat abstrak berbanding dengan kehidupan seharian. Istimewanya pantun kerana dapat merakam cara hidup dan aktiviti kehidupan, dibayangkan dengan mengeksploitasi unsur-unsur alam yang melatari dan melingkungi persekitaran setempat. Berdasarkan tanggapan dan pandangan tersebut, maka pantun perlu hadir bersama-sama pembangunan negara sebagai asas pembentukan tamadun dan budaya. Sesungguhnya fungsi pantun terlalu tinggi darjatnya.

Setinggi-tinggi syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, buku Pantun Alam Sekitar ini berjaya diterbitkan. Buku ini merupakan kompilasi hasil idea dan pemikiran warga Jabatan Alam Sekitar kepada warga Malaysia. Sehubungan dengan hal itu, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua warga Jabatan Alam Sekitar atas buah pemikiran ini. Semoga buku panduan ini dapat dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh semua.

*Keindahan alam memukau mata,
Gemersik alunan alam berirama,
Jangan lupa peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.*

DATO' WAN ABDUL LATIFF BIN WAN JAFFAR
Ketua Pengarah Alam Sekitar





KOLEKSI

Pantun Alam Sekitar

Setulus Kasih



Alhamdulillah, kami menzahirkan rasa penuh kesyukuran yang tidak terhingga kepada Allah SWT, kerana dengan izin-Nya penulisan himpunan pantun alam sekitar ini dapat diterbitkan.

Buku ini merupakan bingkisan idea himpunan pantun warga Jabatan Alam Sekitar sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 2020. Interpretasi alam sekitar melalui pantun ini diharapkan dapat mengekalkan warisan budaya Melayu yang “Tak Lapuk Dek Hujan, Tak Lekang Dek Panas.”

Menerusi penerbitan buku ini, kami berharap dapat memberikan manfaat kepada semua masyarakat dalam melestarikan alam sekitar serta menjaga kepentingan penjagaan alam sekitar dalam kehidupan seharian.



Kandungan

7	PENGURUSAN
17	JABATAN ALAM SEKITAR
22	ALAM SEKITAR
94	PENCEMARAN
116	SUNGAI DAN LAUTAN
127	BUMI
141	UDARA
155	PENGUATKUASAAN
164	E-WASTE DAN KITAR SEMULA

PENGURUSAN

“Tidak ada hari yang lebih mulia pada pandangan Allah dan tidak ada amalan yang lebih dikasihi Allah selain dari apa yang ada dalam sepuluh hari ini. Oleh itu ucapkanlah tahlil (Lailahaillallah), takbir (Allahu Akbar) dan tahmid (Alhamdulillah) banyak-banyak dalam hari-hari tersebut”

CATATAN SI PENJAGA ALAM KITA DAN ALAM

Langit nan biru kian berjerebu,
Sungai yang deras kini mengalir lesu,
Hutan menghijau akhirnya lengang berdebu,
Hujan lebat pasti membawa lumpur kelabu,

Apakah lagi yang kau cari wahai manusia,
Puaskah hati mu melihat alam binasa,
Hingga tiada apa tersisa,
Untuk kau tinggalkan kepada waris tercinta,

Para pentadbir dan pembuat keputusan,
Gunakanlah kuasamu penuh kebijaksanaan,
Usah wang ringgit saja jadi pertimbangan,
Harta benda takkan berkekalan,

Wahai usahawan tetapkan wawasan,
Tiap pembangunan harus ada keseimbangan,
Jangan poketmu saja jadi ukuran,
Derita masyarakat tidak kau hiraukan,

Kepada hartawan juga dermawan,
Hulurlah tanganmu memberi bantuan,
Pasti gembira melihat alam sempurna jagaan,
Budi baikmu nescaya ada balasan,

Kepada ilmuwan inginku pesan,
Dadamu penuh pelbagai pengetahuan,
Taburlah jasamu memberi bimbingan,
Ilmu bermanfaat jangan kau simpan,

Wahai para penguasa berjawatan,
Yang baik kau hulurlah penghargaan,
Yang jelik kau susulilah tindakan,
Sampai masa amanah itu akan dipersoalkan,

Pesanan ikhlas buat adik-adikku,
Jangan kau alpa akan perananmu,
Kerana generasimu bakal jadi penentu,
Dalam tanganmu terletak halatuju,

Aku, dia dan kamu ada peranan,
Memasti bumi kekal dalam kelestarian,
Moga timbul satu kesedaran,
Di sanubari setiap insan.

*[Sharifah Zakiah binti Syed Sahab]
JAS Pulau Pinang*

Indahnya alam tanpa pelita,
Nampak si kelip terbang lama,
Janganlah lupa peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar

Hembusan angin bayu terasa,
Sejuknya rasa hingga terpana,
Janganlah kita membuang sisa,
Kelak binasa bumi merana.

Nukilan: Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar

Hidangan di jamu nampak berkilau,
Jangan terfikir hendak bermogok,
Marilah menanam pepohon hijau,
Sahut cabaran cintai pokok.

Nukilan: Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar

Pohon mengkudu si pohon jati,
Di hutan belantara susah nak cari,
Hijau daun menyejukkan hati,
Gundah gelana hilang ketepi.

Nukilan: Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar

Rumah melayu adanya para,
Rumah kecil perannya lima,
Kitar semula kempen negara,
Kesannya alam jadi taruhan.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Kecanggihan dunia menguasai diri,
Manusia hidup berhutankan batu,
Punca pencemaran masih dicari,
Pencemaran berlaku mengapa begitu.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Doa restu bersama dipohon,
Jangan riak bersifat takbur,
Ayuh kita jaga pepohon,
Agar air mengalir dan tanah subur.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Bersama jiran berehat sebentar,
Makanan diambil sebelum melangkah;
Kembalikan kesegaran alam sekitar,
Dengan mengambil pelbagai langkah.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Pohon kenanga di pinggir bandar,
Jadi tumpuan untuk berehat;
Pokok bunga cantikkan alam sekitar,
Kembalikan kehijauan sesuatu tempat.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Pakai semutar di simpang tiga,
Duduk seorang di waktu petang;
Alam sekitar seharusnya dijaga,
Untuk sekarang dan akan datang.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Pohon pelaga di tepi pelantar;
Ada perkara patut dilakukan,
Untuk menjaga alam sekitar.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Bersama rakan duduk sebentar,
Minum manis makan berangan;
Dedahkan penjagaan alam sekitar,
Melalui pengurusan sisa buangan.

Nukilan: Dr. Norhazni binti Mat Sari

Malaysia terletak di Asia Tenggara,
Berada di utara negara Singapura;
Pastikan kenderaan sentiasa diselenggara,
Udara bersih, alam sekitar terpelihara.

Nukilan: Mashitah binti Darus

Naik kereta menuju ke muara,
Singgah sebentar di simpang tiga;
Kenderaan motor perlu diselenggara,
Agar tiada asap berjelaga.

Nukilan: Mashitah binti Darus

Alam sekitar tanggungjawab bersama,
tidak kira usia tua atau muda;
Karbon monoksida dan hidrokarbon gas berbahaya,
Asap hitam kenderaan menyakitkan mata.

Nukilan: Mashitah binti Darus

Bunga cina jambangan cina,
Dijadikan hiasan beria ia,
Bumi tercemar dek tangan durjana,
Bersama bersatu perangi ia.

Nukilan: Norlin binti Jaafar

Pandangan malam berbala balam,
Bintang bersinar tampak beribu,
Keindahan sungan khazanah alam,
Pencemaran alam mengapa begitu.

Nukilan: Norlin binti Jaafar

Gemalai tarian si penari,
Meliuk lentuk di mata lensa,
Jangan dibiarkan alam dicemari,
Kalau dibiarkan rosak binasa

Nukilan: Norlin binti Jaafar

Buah berangan masaknya merah,
Merah warnanya rasanya manis,
Bukit bukau habis ditarah,
Merana alam bumi menangis.

Nukilan: Rosli bin Mustafa

Pohon mengkudu si pohon jati,
Di hutan belantara susah nak cari,
Hijau daun menyejukkan hati,
Gundah gelana hilang ketepi.

Nukilan: Ani Fazlana binti Dato' Dahri@Abdul Latif

Johan setia indah permai,
Tanahnya subur hasil tani lumayan;
Wahai petani yang bijak pandai,
Pembakaran terbuka jangan diamalkan.

Nukilan: Zuraini binti Ahmad Tajudin

Sungai Klang lagaknya murung,
Disinar bulan di waktu malam;
Ketika PKP manusia berkurung,
Itulah tangan mencemar alam.

Nukilan: Zuraini binti Ahmad Tajudin

Sungai Klang habitatnya sepi,
Merentas ia dua negeri;
Airnya jernih tika pkp,
Apakah pengajaran yang dapat dicari.

Nukilan: Zuraini binti Ahmad Tajudin

Apa tanda hujan menerjah,
Di langit guruh di tanah basah;
Apa tanda bumiku indah,
Airnya jernih udaranya terserlah.

Nukilan: Hafizah binti Yahya@Ab Rahim

Hujan menerjah sungai melimpah,
Di tanah basah banjir menjelma;
Di sana megah, di sini indah,
Pemuliharaan alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Hafizah binti Yahya@Ab Rahim

Busana indah untuk rupawan,
Emas tempawan buatmu puteri;
Pikul amanah semai tindakan,
Sinari kehidupan alam lestari.

Nukilan: Azuri Azizah binti Saedon

Daun pegaga di pekan sari,
Batang jerami rebah ke bumi;
Alam dijaga persekitaran lestari,
Sayangi bumi untuk diwarisi.

Nukilan: Azuri Azizah binti Saedon

Bunga dedap di atas para,
Para dibina dari tenggara;
Jika tersilap usaha pulihara,
Binasa manusia lumpuh negara.

Nukilan: Azuri Azizah binti Saedon

Sungguh girang si rama-rama,
Berwarna-warni cantik berseri;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Agar hidup terus lestari.

Nukilan: Sharifah Zakiah binti Syed Sahab

Mudik perahu dari muara,
Bawa bersama seutas suasa;
Khazanah alam marilah pelihara,
Anugerah terindah Yang Maha Esa.

Nukilan: Salahudin bin Sidik

Kicauan burung berterbangan keseronokan,
Pengubat resah jiwa raga;
Pembangunan lestari kita impikan,
Agar alam sekitar kekal terjaga.

Nukilan: Azlan bin Ahmad

Indah purnama di langit sana,
Cantik berseri di waktu malam;
Keindahan sungai khazanah negara,
Kehijauan hutan mewarnai alam.

Nukilan : Mohd Sani bin Mat Daud

Kini negara berdepan wabak,
Perintah kerajaan mesti diutama;
JAS Pahang terus bergerak,
Alam sekitar tetap dipelihara.

Nukilan: Mohd Sani bin Mat Daud

Masakan Cik Kiah sangatlah hambar,
Hendak sahaja ditambah santan;
Marilah kita jaga alam sekitar,
Supaya tidak ada pencemaran.

Nukilan: Dr. Mohd Famey bin Yusoff

Khazanah alam warisan berzaman,
Harta pusaka Anugerah Pencipta;
Walau berjuta tuan tawarkan,
Harga bukan galang gantinya.

Nukilan: Norazizi bin Adinan

Jernih mengalir membelah rimba,
Menyelusuri lembah, desa dan muara;
Menabur bakti selagi terdaya,
Cintailah sungai kehidupan kita.

Nukilan: Norazizi bin Adinan

Kuih Melayu kuih bahulu,
Untuk perantau buat bekalan;
Mari kita berganding bahu,
Hargai alam harga persekitaran.

Nukilan: Rosli bin Zul

Sungai Perak di bumi tercinta,
Mengalir tenang hingga ke muara;
Masyarakat majmuk berbilang bangsa,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Rosli Bin Zul

Khazanah alam di darat dan di lautan,
Untuk dikongsi generasi akan datang;
Alam sekitar anugerah Tuhan,
Terokai ia dengan kasih sayang.

Nukilan: Rosli bin Zul

Buah belimbing buah berangan,
Enak dimakan bersama jiran;
Berusaha kita untuk pembangunan,
Alam sekitar dilupa jangan.

Nukilan: Rosli bin Zul

COVID-19 sangat menakutkan,
Mengehadkan pergerakan membataskan pergaulan;
Jaga kebersihan perlu diutamakan,
Amalan hijau perlu dibudayakan.

Nukilan: Rosli Bin Zul

Anak kecil bertatih perlahan-lahan,
Jatuh dan bangun proses tumbesaran;
Syukur kita kepada Tuhan,
Alam sekitar anugerah Tuhan.

Nukilan: Rosli Bin Zul

Anak kecil petah berkata,
Apabila ditanya jawapan tersedia;
Kehijauan alam penyejuk mata,
Bersama pelihara khazanah dunia.

Nukilan: Ts Mohamad Fitri bin Said

Jemur kuih di atas talam,
Burung merpati terbang sekawan;
JAS komited memakmurkan alam,
Memerangi pencemaran habis-habisan.

Nukilan: Nor Aziah binti Jaafar

Pak Akob pergi ke pekan,
Pergi bersama Makcik Kiah janda;
Pembakaran terbuka memburukkan keadaan,
Masa COVID-19 sedang melanda.

Nukilan: Ramli bin Abd Rahman

Indah Labuan di petang hari,
Berjalan di Kiansam membawa pedati;
21 Oktober hari dinanti,
Hari Alam Sekitar Negara bersama dirai.

Nukilan: Amir Hamzah bin Musa

Mendayung rakit dari puncak ke hiliran,
Kudrat dan penat sentiasa menemani;
Menjadi tunjang penilai pembangunan,
Demi mentadbir alam pinjaman Ilahi.

Nukilan: Rohimah binti Ayub

Batang buluh dibuat pancing,
Dalam sungai si ikan loma;
Kerajaan dan rakyat sama seiring,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Rohimah binti Ayub

Empat dara mengisar bijirin,
Bijirin disimpan di atas para;
Mengawal selia udara, sungai dan marin,
Untuk sejahtera rakyat sentiasa.

Nukilan: Shaf'ee bin Yasin

Ops Siang Ops Malam,
Tak kira panas atau hujan;
Demi mencegah penjenayah alam,
Kerana tugas sedia berkorban.

Nukilan: Shaf'ee bin Yasin

COVID-19 melanda dunia,
Duduk di rumah langkah terpuji;
Kualiti alam sekitar jangan dilupa,
Pencemaran tetap dihindari.

Nukilan: Amirul bin Aripin

Tanam bunga di dalam pasu,
Hiasan pasu ukiran sendiri;
Jimat guna kertas dan tisu,
Agar bumi kekal lestari.

Nukilan: Hamzah bin Mohamad

Di dalam taman banyak kenanga,
Disunting besan letak di motor;
Jalankan penanaman pokok bunga,
Bersihkan kawasan yang kotor.

Nukilan: Wandi Yadzid bin Haji Yaakob

JABATAN ALAM SEKITAR

Dari Abu Umamah Al-Bahili r.a., ia berkata, saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Bacalah al-Quran. Kerana ia pada hari kiamat nanti akan datang untuk memberikan syafaat kepada para pembacanya.” (Hadith sahih, Riwayat Muslim)

PERJUANGAN

Jauh mentari diufuk memancar,
A rakian menyahut seruan Illahi,
Bumi diseliputi pemandangan nan indah,
Alam anugerah dari Illahi,
Teriakkan suara unggas,
A mat menikam terasa dikalbu,
Nyanyian dan kicauan yang mencengkam kalbu,

Alam Sekitar....
Luahan perasaan sang makhluk yang tak bisa berbicara,
A mat sedih terlihat yang tercemar,
Manusia tiada berhati peduli,

Setitik belas tiada tersimpan di benak hati,
Entah.. seutas sifat tanggung jawab tiada tertanam,
Kekayaan dicari.. amanah diabaikan,
Inilah...
Tangan manusia membinasakannya,
Alam sekitar tak seindah dulu,
Rindu akan suasana yang tercipta dahulu,

Sekarang ada suara-suara membela,
Alam akan terbela,
Rintihan penghuni akan terbela,
Alam akan kembali dengan keceriaannya,
Walaupun tak seindah dulu,
Alunan gelombang yang memecah pantai,
Kurniakan nyanyian pembelaan dan perjuangan.

*Ibrahim Putit
JAS Sarawak*

Jabatan Alam Sekitar telah berikrar,
Menjaga alam sekitar tidaklah gentar;
Agar dinikmati generasi mendatang dan tidak pudar,
Akibat ketamakan mereka yang ingkar.

Nukilan: Zaleha binti M. Rashid

Bekerja dari rumah sambil minum kopi,
Anak-anak pun mudah diawasi;
Bermula PKP ramai pula orang bermain api,
Kasihani JAS dan Bomba kena buat operasi.

Nukilan: Mohamad Zamzani bin Ibrahim

Ke pantai untuk berjalan-jalan,
Melihat nelayan menangkap ikan;
Hanya satu bumi kurniaan Tuhan,
JAS bersedia memikul amanah yang diberikan.

Nukilan: Suresh a/l Sundramurthy

Awalnya Bahagian,
Kemudiannya Jabatan;
Kini Kementerian,
Alam Sekitar tetap kemasyhuran.

Nukilan: Nor Azman bin Rosli

Pi sana sini buat kerja,
Ceramah dan mahkamah dah jadi sebat;
Banyak dah tempat kita kerja,
Jabatan Alam Sekitar juga terpahat di hati.

Nukilan: Zuhairi bin Said

Orang Haji dari Jeddah,
Buah kurma berlambak-lambak,
Pekerjaan JAS bukanlah mudah,
Bagai kerja menolak ombak.

Nukilan: Azizah binti Giman

Senja tiba nyalakan lampu,
Pintu dikunci berselak manga,
Jangan diamal budaya mengampu,
Nama jabatan harus dijaga.

Nukilan: Siti Azzura binti Dolmat

Pergi Melaka mencari gula,
Singgah sebentar Tanjung Bidara;
KASA nama diberi pula,
Dapat Menteri hai sejuk di mata.

Nukilan: Nor Ashikin binti Yaacob

Menatap senja hadirnya kelam,
Hampiri gelita isinya mimpi;
Tinggal sendiri comotnya alam,
Tugas JAS tak pernah sepi.

Nukilan: Mohd Azry Hanif bin Kamar

Keindahan alam sekitar diutamakan,
Maju negara seiring kelestarian;
Akta dikuatkuasakan undang-undang ditegakkan,
Dinaik taraf dari Jabatan menjadi Kementerian.

Nukilan: Mohd Khairul Fahmi bin Roslan

Pelaksana patut ditambah lagi,
Satu kumpulan jangan sekadar dua ahli,
Alam sekitar dijaga umpama gigi,
Masalah selesai ilmunya digali.

Nukilan: Nor Iman bin Md Nor

Boleh senang tapi disusahkan,
Pelaksana patut ditambah beri;
Buat projek ikutlah panduan,
Jangan penting diri sendiri.

Nukilan: Nor Iman bin Md Nor

Kami bekerja di Jasti,
Lalu pula di bandar Teluk Intan;
Dalam pejabat kami happy,
Jangan malu jangan segan.

Nukilan: Mohamad Ramli bin Iseri

Lajunya kereta meluncur di litar,
Jom sertai Rakan Alam Sekitar.

Nukilan: Azizah binti Mohamed

Pergi ke kota dengan Zafani,
Untuk mencari Puan Zuraini;
Jabatan Alam Sekitar cekal berintegriti,
Masa PKP sedia berbakti.

Nukilan: Muhd Ridzuan

Daripada jabatan bertukar menjadi kementerian,
Melestarikan alam sekitar misi tugas utama;
Bukan retorik bukan hanya kata bidalan,
Bahkan amanah dan tanggungjawab kita bersama,

Nukilan: Omar bin Mohd Amir

Duduk melihat keindahan jeti,
Jeti dibuat penduduk kampung sendiri;
Pergi merata sekolah menabur bakti,
Hasrat hati nak semua jadi sekolah lestari.

Nukilan: Zuhairi bin Said

Makcik Kiah beli kereta,
Disebut YAB PM glamor dia,
Kagum saya dengan jabatan kita,
Apa berlaku sentiasa bersedia.

Nukilan: Nolia binti Mat Hussain

Jabatan Alam Sekitar Malaysia nama diberi,
Visi dan misi disanjung tinggi;
Kami berikrar bekerja seikhlas hati,
Perkhidmatan Terjamin Teras Berkualiti.

Nukilan: Bahagian Udara

ALAM SEKITAR

Dari Abu Musa r.a., katanya:

Ada sebuah rumah terbakar di Madinah pada suatu malam ketika penghuninya tidur. Keadaan itu diceritakan orang kepada Rasulullah SAW. Beliau berkata: “Api ini musuh kamu. Kalau kamu tidur padamkanlah” (Bukhari)

Alam ini
Anugerah Tuhan
Satu amanah
Satu watikah
Untuk kita nukilkan
Menjadi apa yang kita fikirkan

Alam
Kini kau menangis
Tiada siapa
Mendengar rintihan mu
Alam ini dirobek
Oleh tangan tangan durjana

Sedihnya alam langit kini menyaksikan
Kemusnahan alam, banjir melanda
Tanah runtuh di mana-mana, angkara siapa?

Bukankah kita yang diamanahkan
Bukankah kita yang diwatikahkan
Bukankah kita yang patut memikirkan
Tapi... kita juga yang menangisi akan kemusnahan ini...

Penghuni alam... Bangkit dan sedarlah
Ayuh! Kita mara bersama, memulih mana yang telah cemar
Mengekang mana yang belum noda, sebelum kita meninggalkannya,
“Alam sekitar, tanggungjawab bersama”

Komstra Team

Pulau Sipadan letaknya di Sabah,
Gunung Angsi di Kuala Pilah;
Marilah bersama bermuhasabah,
Menjaga alam sekitar ciptaan Allah.

Nukilan: Hilmy bin Rusli

COVID-19 daripada kelawar,
Seluruh dunia mendapat bala;
Jangan biar alam sekitar tercemar,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Rosnani binti Ahmad

Nyala obor hitam jelaga,
Suluh denai elak duri;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar tidak sengsara diri.

Nukilan: Jamal Affendy bin Shahr

Ke Putrajaya untuk berniaga,
Lalu pula di jalan lama;
Alam sekitar haruslah dijaga,
Untuk kesejahteraan kita bersama.

Nukilan: Shairul Yuza bin Yusof

Masak sambal ikan tenggiri,
Ikan diberi oleh Pak Semat;
Marilah kita ubah diri sendiri,
Jangan buang sampah merata tempat.

Nukilan: Noorlida binti Abd Malik

Dua tiga kucing berlari,
Mana nak sama si kucing belang;
Dua tiga boleh ku cari,
Alam sekitar bukan tanggungjawab seorang.

Nukilan: Zuhainim binti Abd. Ghafar

Lautan biru indah di mata,
Menjadi sumber nelayan di Sentosa;
Rahsia alam amanah kita,
Agar kekal terpelihara sentiasa.

Nukilan: Khairul Nizam bin Samsuri

Makcik Kiah senang gembira,
Dapat bantuan tidak terkira;
Alam sekitar harta berharga,
Gaya sihat hidup sejahtera.

Nukilan: Zulfiftriah binti Surdi

Pergi ke kedai membeli gitar,
Jenama Yamaha gitar dibeli;
Di dalam diri naluri alam sekitar,
Jika dicemari terasa di hati.

Nukilan: Mirza bin zainudin

Makcik Kiah pergi ke bandar,
Pergi bersama suami tercinta;
Bumi yang indah jangan dicemar,
Kelak binasa tiada gantinya.

Nukilan: Norhisham bin Abdul Hamid

Terbit mentari di waktu pagi,
Hilang embun membawa diri;
Sayangi bumi yang indah ini,
Kurniaan Tuhan untuk diwarisi.

Nukilan: Norhisham bin Abdul Hamid

Wabak COVID-19 melanda dunia,
Putuskan rantaian misi semua;
Didiklah anak seawal usia,
Sayangkan alam sekitar kita.

Nukilan: Shafariza binti Shamsudin

Makcik Kiah mencari ulam,
Ulam pegaga masak kerabu;
Bersama kita menjaga alam,
Hidup sejahtera bahagia selalu.

Nukilan: Shafariza binti Shamsudin

Burung merpati burung kenari,
Terbang tinggi ke hujung negeri;
Janganlah alam kita cemari,
Kelak nanti kita yang rugi.

Nukilan: Shafariza binti Shamsudin

Hijaunya bumi, indahnya suria,
Anugerah alam menjadi warisan;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Semua pihak harus berperanan.

Nukilan: Thahirah binti Kamarulzaman

Di atas ranting pokok akasia,
Murai berkicau merdu suara;
Alam sekitar kepentingan manusia,
Tumbuhan hijau, air dan udara.

Nukilan: Abu Bakar bin Taijuddin

Burung pelikan terbang mendarat,
Terasa sejuk hinggap di pagar;
Sikap sayangkan alam sekitar,
Patut dipupuk di alam diri pelajar.

Nukilan: Abu Bakar bin Taijuddin

Kuning emas masaknya padi,
Mawar merah dalam jambangan;
Kelestarian alam sekitar sama dihargai,
Demi kelangsungan generasi berzaman.

Nukilan: Anuar bin Ishak

Pohon sirih pohon selasih,
Tumbuh merimbun di hujung laman;
Pastikan alam sekitar bersih,
Jauhi penyakit bumi akan aman.

Nukilan: Anuar bin Ishak

Anak bakau tumbuh berusia,
Daunnya wangi menarik serangga;
Bawa bekal dalam sia,
Jimat duit alam sekitar terjaga.

Nukilan: Nurul Syazreen binti Razali

Tanam buah secara komersial,
Tatkala terpancar sinar mentari;
Alam sekitar, ekonomi dan juga sosial,
Elemen utama pembangunan lestari.

Nukilan: Shazana binti Mohd Ibrahim

Masuk hutan memburu ular,
Foto diambil menggunakan dron;
Galakkan penggunaan tenaga solar,
Atasi penipisan lapisan ozon.

Nukilan: Shazana binti Mohd Ibrahim

Pergi memancing di Tasik Bera,
Terserempak dengan anak teruna;
Alam sekitar harus dipelihara,
Demi mengelak kepupusan fauna.

Nukilan: Shazana binti Mohd Ibrahim

Pergi ke kedai membeli bunga raya,
Bunga raya dibeli cantik sekali,
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Wan Azuan Shah bin Wan Mohamed

Pergi bersiar di tepi tasik,
Berjalan-jalan sambil berlari;
Apa terjadi alam diusik,
Sudah pasti tidak indah lagi.

Nukilan: Nuur Aina binti Abdul Manan

Dua tiga badak berlari,
Badak berlari masuk ke sungai;
Apa guna bijak bistari,
Jika ekosistem diterokai.

Nukilan: Nuur Aina binti Abdul Manan

Indahnya bintang di langit malam,
Disinari terang cahaya purnama;
Ayuh kita lestarikan alam,
Alam sekitar amanah bersama.

Nukilan: Nur Fae

Anak burung berlegar-legar,
Makan roti disiat-siat;
Hargai alam jangan dicemar,
Udara segar badan pun sihat.

Nukilan: Nur Syahirah binti M Zamani

Pergi ke pasar beli pegaga,
Jangan lupa penutup muka;
Alam sekitar mesti dijaga,
Negara bersih mesti orang suka.

Nukilan: Mohd Zanial bin Zakaria

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Semasa berjalan berhati-hati;
Alam dijaga bertambah cantik,
Agar dinikmati semua generasi.

Nukilan: Mohamad Azmin Sham bin Mohamad Sibli

Gali emas dapat permata,
Galinya dalam berbatu-batu;
Alam ternoda di depan mata,
Masakan dibiarkan sahaja begitu.

Nukilan: Sabri bin Osman

Daun selasih di tepi sumur,
Dipetik daunnya tidak mengapa;
Negara bersih negaranya makmur,
Persekitaran indah tanggungjawab siapa.

Nukilan: Sabri bin Osman

Indah siang tanpa kereta,
Gara-gara COVID-19 duduk di rumah bersama;
Jangan lupa tanggungjawab kita,
Pemuliharaan alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Nur Diyana binti Mohd Isa

Mudik ke hulu menongkah arus,
Singgah berehat di Kampung Selama;
Bumi nan hijau siapa yang urus,
Ingatlah alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Sabri bin Osman

Tiap yang hidup pastikan mati,
Tiap yang mati dapat balasan;
Usah dicemari sesuka hati,
Alam sekitar khazanah warisan.

Nukilan: Sabri bin Osman

Hinggap si helang di atas pedati,
Sambil memerhati si rama-rama;
Slogan indah semat di hati,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Khairi bin Azizan

Mencari makan di ibu kota,
Sama memberi sama menerima;
Amalan hijau pilihan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Abdul Aziz bin Abdul Razak

Indah purnama dari puspita,
Cantik berseri di waktu malam;
Peranan utama adalah kita,
Membentuk diri cintakan alam.

Nukilan: Azlin binti Ahmad

Pembuka bicara memberi salam,
Itu adat zaman berzaman;
Bersama kita hijaukan alam,
Demi kelangsungan semua insan.

Nukilan: Mohamad Bahtiar bin Mohamad Fahmi

Bersangka baik sesama insan,
Agar tidak jadi cemuhan;
Alam sekitar jangan digadaikan,
Kelak nanti dimurkai Tuhan.

Nukilan: Mohamad Bahtiar bin Mohamad Fahmi

Indah berseri bak bidadari,
Menjadi rebutan setiap lelaki;
Hutan menghijau jangan diterokai,
Kelak nanti binasa diri.

Nukilan: Mohamad Bahtiar bin Mohamad Fahmi

Pergi berkelah di tepi tasik,
Sambil berkelah makan roti;
Alam sekitar perlulah cantik,
Agar dilihat semua generasi.

Nukilan: Nur Aina binti Abdul Manan

Pergi ke pantai bersama keluarga,
Ceria bersama menaiki kereta;
Alam sekitar hendaklah dijaga,
Untuk masa depan anak cucu kita.

Nukilan: Nur Zuryani binti Zakaria

Aur ditanam betung yang tumbuh,
Diparang oleh anak Cik Ira;
Kalau hati sesama teguh,
Alam sekitar akan terpelihara.

Nukilan: Wan Nor Hidayah binti Wan Hassan

Pepohon melambai di tepi tasik,
Nyaman berbasikal di petang hari;
Alam sekitar dijaga cantik,
Nyamanlah hidup tidak terperi.

Nukilan: Farah Nadiyah binti Mohd Noor

Teknologi hibrid menanam manggis,
Menanam manggis tangan pun penat;
Hati runsing bumi menangis,
Pencemaran alam semakin tenat.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Nikmati flora setiap pagi,
Flora yang cantik di pinggir jalan;
Kesedaran alam sekitar dipupuk tinggi,
Biarlah selalu menjadi amalan.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Bunga selasih dipetik nyonya,
Lalu diikat di dalam perahu;
Persekitaran bersih banyak faedahnya,
Badan sihat ceria selalu.

Nukilan: Mohd Hafizi bin Abdullah

Pohon nyiur tinggi melambai,
Tegak berdiri walau dibadai;
Alam sekitar jangan diabai,
Kelak merana jiwa tergadai.

Nukilan: Ahmad Azri bin Alias

Pengeluaran bersih amalan industri,
Kurangkan sisa minimumkan kesan;
Industri maju persekitaran lestari,
Pohon menghijau kekal jadi hiasan.

Nukilan: Zuraini binti Siam

Bijak sang puteri bagai pendeta,
Menjadi igauan semua penjaga;
Jangan buang sampah merata-rata,
Alam sekitar perlu dijaga.

Nukilan: Norazlina binti Ab Halim

Bulan Ramadan makan buah tamar,
Alam sekitar jangan dicemar.

Nukilan: Noraini Ajlaa binti Omar

Pergi ke pasar membeli bunga,
Bunga dibeli banyak sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Mohd Zulkifly bin Yusoff

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Bila berjalan perlu berhenti;
Alam sekitar dijaga cantik,
Agar dilihat semua generasi.

Nukilan: Mohd Zulkifly bin Yusoff

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Mohd Fauzi bin Zakaria

Berjalan elok telusuri hutan,
Indah dilihat aneka tumbuhan;
Cantik nan elok apabila dilestarikan,
Demi menjaga titipan Tuhan.

Nukilan: Khairi Ikhwan Ghazali

Angin bertiup dari lautan,
Menyentuh lembut singgah di muka;
Demi generasi masa hadapan,
Bersama-sama pelihara hutan kita.

Nukilan: Azila binti Haji Amran

Pak Amat berjaga malam,
Siang tidur sampai petang;
Mari bersama menjaga alam,
Untuk generasi akan datang.

Nukilan: Sham Izuddi bin Mat Hussin

Bunga mawar kembang mekar,
Sesuai dibuat sebagai hiasan;
Mari utamakan alam sekitar,
Dan pastikan pembangunan dilestarikan.

Nukilan: Azila binti Haji Amra

Sungguh indah si rama-rama,
Hinggap sebentar di atas para;
Pemuliharaan alam sekitar tanggungjawab bersama
Agar khazanah kekal terpelihara.

Nukilan: Nooradilla binti Mohamed

Cantik sungguh bunga melati,
Mekar kuntumnya harum setaman;
Alam sekitar anugerah Ilahi,
Warisan untuk masa hadapan,

Nukilan: Nor Hamirah binti Mahayudin

Alam sekitar anugerah Ilahi,
Warisan untuk masa hadapan;
Hijau rimba harus dihargai,
Jadi tatapan hari kemudian,

Nukilan: Nor Hamirah binti Mahayudin

Akar memanjat pohon ara,
Nampaknya cantik berseri laman;
Alam sekitar perlulah dijaga,
Agar bumi dapat didiami zaman berzaman.

Nukilan: Norshafawati binti Hamzah

Daripada emas biarlah permata,
Alam sekitar milik kita.

Nukilan: Norshafawati binti Hamzah

Di malam raya pasang pelita,
Pelita dipasang di tengah laman;
Alam sekitar milik kita,
Anugerah Allah kita pertahankan.

Nukilan: Rozhana binti Mahat

Dalam PKP jangan pergi merata,
Dalam talian saja boleh jadi pengantin;
Tuhan sedang bantu kerja kita,
Alam bersih bila rakyat dikuarantin.

Nukilan: Farahnurlaida binti Mohamed Najib

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar kita yang punya,
Jagalah ia kekal harmoni.

Nukilan: Nurul Syahira binti Mohd Shafie

Pergi ke pekan bersama teman,
Warung Pak Man jadi pilihan;
Menjaga kebersihan jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Mohd Jasmin bin Alias

Duduk di rumah kerana COVID,
COVID berlaku angkara manusia;
Amalkan pemakanan mengikut piramid,
Agar alam sekitar sejahtera bahagia.

Nukilan: Norhaslinda binti Husein@Yusof

Pergi ke pasar membeli gelama,
Gelama dimasak secukup rasa;
Alam sekitar dijaga bersama,
Agar kita sihat sentiasa.

Nukilan: Athiqah Zawani binti Aaznan

COVID-19 virus yang jahat,
Duduk di rumah pagi ke petang;
Udara bersih dan juga sihat,
Alam sekitar tersenyum riang.

Nukilan: Azlina binti Ahmad

Pergi ke kedai bersama papa dan mama,
Untuk membeli suratkhbar lama;
Memperkasakan alam sekitar jadi agenda utama,
Untuk kesejahteraan kita bersama.

Nukilan: Harlya binti Ahamad

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Nurulnisa binti Md Najib

Sungguh indah wijaya kesuma,
Di malam mekar dingin terasa;
Perosak alam dihukum saksama,
Denda dikenakan akta diperkasa.

Nukilan: Hafiza

Bunga kemboja di Pohon Sena,
Dipetik dilurut celahan batu;
Pupus segala flora dan fauna,
Manusia hidup berhutankan batu.

Nukilan: Abd Aziz bin Ismail

Embun menitis di bunga pakma,
Mentari bertandang silau cahaya;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Dicemari sisa hilang indahnyanya.

Nukilan: Hafizah

Bunga selasih di petik nyonya,
Lalu diikat di dalam perahu;
Persekitaran bersih banyak faedahnya,
Badan sihat ceria selalu.

Nukilan: Dayang Nurbaini

Kokokan ayam bersahut-sahutan,
Kampungku indah berteman nyaman.

Nukilan: Roimah binti Dollah

Sungai disusur di malam hari,
Sambil memancing ikan toman;
Alam sekitar jangan dicemari,
Agar dinikmati sepanjang zaman.

Nukilan: Mohd Sapuan bin Shaib

Monyet lotong siamang dan kera,
Memanjat pohon mencari sarapan;
Flora dan fauna perlu dipelihara,
Menjadi bekalan generasi hadapan.

Nukilan: Khairul Anuar

Terbang bebas si rama-rama,
Alam indah tanggungjawab bersama.

Nukilan: Nor Azlin binti Murad

Petani di sawah mengumpul jerami,
Sungai di muara terlihat bersih;
Ayuh lestarikan keindahan bumi,
Alam tersenyum berterima kasih.

Nukilan: Nor Syahirah binti Muhammad Danil

Turun kelaut menangkap gelama,
Untuk dinikmati saudara-mara;
Nyaman udara nikmati bersama,
Burung berkicau tanda gembira.

Nukilan: Nor Syahirah binti Muhammad Danil

Berkicau merdu burung serindit,
Terbangnya rendah hinggap di bidai;
Usah terlalu kejar wang ringgit,
Alam nan indah habis tergadai.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Bersimpuh di tangga menenun kain,
Untuk dipakai si anak dara;
Ayuh semua warga prihatin,
Alam sekitar bersama dipelihara.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Bersiar-siar melihat rerama,
Warnanya indah kuning dan jingga;
Alam sekitar hak kita bersama,
Itu amanah yang perlu dijaga.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Hendak dibakar si ikan kembung,
Masukkan juga si ikan selar;
Tak kira di bandar mahupun di kampung,
Bersama menjaga alam sekitar.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Membeli patin di pekan sehari,
Hendak dimasak gulai tempoyak;
Pembalakan haram wajib hindari,
Khazanah alam jangan dirompak.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Sampah sarap jangan dibakar,
Pembakaran terbuka adalah dilarang;
Marilah pelihara alam sekitar,
Untuk warisan generasi akan datang.

Nukilan: Farah Diyana binti Rusli

Hati-hati duri di Padang Kota,
Jangan dipijak nanti terluka;
Hati-hati dalam pembangunan kota,
Supaya alam kita tidak berduka.

Nukilan: Shareena binti Suffian

Bunga matahari bersinar di sana,
Dipetik dihidu oleh sang ratu;
Pupus segala flora dan fauna,
Manusia hidup dikelilingi batu.

Nukilan: Al-Razi bin Kamarudin

Menjala ikan di pagi hari,
Rehat sebentar hilangkan letih;
Bersama amalkan gaya hidup lestari,
Agar alam sekitar sentiasa bersih.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Mari tanam pokok lada,
Pokok berseri di tepi pagar;
Kesedaran diri wujud di dada,
Kekal terpelihara alam sekitar.

Nukilan: Al-Razi bin Kamarudin

Bintang terang di langit senja,
Terang menjelma di singgah sana;
Wahai tuan yang bijaksana,
Jagalah alam sekitar dengan sempurna.

Nukilan: Zamzul Rizal bin Zulkifli

Negara kita sentiasa aman,
Bertukar salam dan bekerjasama;
Mari kita mainkan peranan,
Pemuliharaan alam tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mehrani binti Saharudin

Amalkan bersukan di pagi hari,
Riadah bersama saudara mara;
Mari pastikan pembangunan lestari,
Ke arah bersama memajukan negara.

Nukilan: Mehrani binti Saharudin

Dua tiga kucing berlari,
Makin dikejar makin menjadi-jadi;
Jika ingin dunia berseri,
Jagalah alam semulajadi.

Nukilan: Jailatul Asmal binti Jamaluddin

Mencari mentari yang hilang bara,
Disembunyi jerebu angkara manusia;
Mari bersama kita pelihara,
Alam sekitar kebanggaan Malaysia.

Nukilan: Siti Fatimah binti Abdul Rasih

Panas mentari hilang sinarnya,
Terasa haba di alam yang fana;
Alam sekitar siapa empunya,
Tanggungjawab pun hilang ke mana.

Nukilan: Azlina binti Omar

Makan malam bertemankan pelita,
Nasi putih berlaukkan gelama;
Jangan dilupakan peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Asmizar bin Ahmad@Ahmad Kushairi

Makan emping bersama kopi,
Kopi harum buatan kampung;
Mengapakah kita masih bermimpi,
Alam sekitar semakin murung.

Nukilan: Aini Azmah binti Ahmad

Corona virus sangat bahaya,
Cintai alam sekitar jadikan budaya.

Nukilan: Rosmani binti Mohd yusoff

Pepohon hijau penyejuk mata,
Lapang dan segar minda terasa;
Bersama menjaga alam semesta,
Agar terpelihara indah sentiasa.

Nukilan: Md Zulhaidi bin Abd Manaf

Alam sekitar bersama dijaga,
Suasana indah buat semua;
Harus dijaga selagi ada,
Sebagai warisan generasi muda.

Nukilan: Md Zulhaidi bin Abd Manaf

Akar tembikai geraknya melata,
Tempat bermain si rama-rama;
Sampah sarap jangan dibuang merata,
Kebersihan alam tanggungjawab bersama.

Nukilan: Siti Asiah binti Omar

Berjalan ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa indah berseri-seri.

Nukilan: Izwan bin Mad Nor

Sang murai pula sibuk berkelahi;
Janganlah kita suka mengotori,
Alam semulajadi anugerah Ilahi.

Nukilan: Mohamad Shafiq bin Mohd Shakri

Turun ke bendang menanam padi,
Sambil-sambil menangkap ikan;
Sungguh indah alam semulajadi,
Ciptaan Tuhan tiada tandingan.

Nukilan: Mohamad Shafiq bin Mohd Shakri

Hutan yang indah suasana gembira,
Sungai yang jernih tidak tercemar;
Flora dan fauna sentiasa dipelihara,
Bersama-samalah kita menjaga alam sekitar.

Nukilan: Norazlina binti Abdul Aziz

Cantik pemandangan tepi jerami,
Lihatlah ia di waktu senja;
Kalau kita pelihara bumi,
Alam terpelihara kesihatan terjaga.

Nukilan: Noor Afidah binti Zainal Abidin

Masih jauh lagi perjuangan,
Pembangunan lestari menjadi agenda;
Pemanasan global harus dihentikan,
Berebalkan ilmu semangat dijiwa.

Nukilan: Rupidah binti Idris

Cantik bulan kerana terang,
Kelam malam kerana gelita;
Hutan simpan banyak ditebang,
Apalah nasib anak cucu kita.

Nukilan: Azura binti Salleh

Makcik Kiah ke Kelantan di Daerah Jeli,
Singgah di pekan membeli setangkai jering;
Bencana alam dan wabak penyakit kini menjadi-jadi,
Penjagaan alam sekitar dan kesihatan perlu seiring,

Nukilan: Rozita binti Abdul Jalil

Musim kemarau mencari telaga,
Telaga digali untuk airnya;
Alam sekitar dapat dijaga,
Banyak aktiviti henti operasinya.

Nukilan: Kamilah binti Wan Zaid

Pergi berjalan di tengah bandar,
Sedang berjalan ternampak rama-rama;
Mari kita bersihkan alam sekitar,
Supaya hidup selamat bersama-sama.

Nukilan: Siti Zubaidah binti Mohd Ibrahim

Impak tidak menjaga bumi kita,
Wabak COVID singgah sebentar;
Jika tidak mahu mengalaminya,
Maka peliharalah alam sekitar.

Nukilan: Zairani binti Alias

Berlian atau intan, emas atau permata,
Idaman kalbu keinginan wanita semestinya;
Kekalkan warisan alam sekitar kita,
Untuk generasi kemudian dapat merasainya.

Nukilan: Salmiah binti Umar

Daun selasih di tepi sumur,
Negara bersih rakyatnya makmur.

Nukilan: Mohd Zaidi bin Ab Hamid

Pemandangan indah berterbangan Si Camar,
Syahdu hati insan, melahirkan cinta;
Bukit jangan ditarah, sungai jangan dicemar,
Kekalkan warisan alam sekitar kita.

Nukilan: Salmiah binti Umar

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Sharina binti Mohd Yunus

Sungai Muar diberi nama,
Mengalir tenang hingga ke muara;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Tanda cinta pada negara.

Nukilan: Mohd Amin bin Ghazali

Duduk dirumah makan semeja,
Sifat berhemah alam sekitar terjaga.

Nukilan: Anuar bin Ismail

Perintah kerajaan sama dipatuhi,
Jangkitan COVID-19 tidak lama;
Indah alam kurniaan Ilahi,
Persekitaran bersih tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Rashdan bin Topa

Pinang muda dibelah dua,
Anak burung mati dirangghah;
Dari muda sampai ke tua,
Ajaran alam jangan diubah.

Nukilan: Azlina binti Mahmood

Buah berangan di rumpun pinang,
Limau kasturi berdaun muda;
Kalau sayang alam nan gemilang,
Lestari pembangunan tanda menjaga.

Nukilan: Azlina binti Mahmood

Terang malam kerana bulan,
Pucuk paku delima batu;
Indah alam ciptaan Tuhan,
Kemusnahan berlaku mengapa begitu.

Nukilan: Azlina binti Mahmood

Kerana cinta aku hantar tanda,
Kusemat dihati si mawar putih;
Kerana harta jiwa ternoda,
Angkara nafsu buana merintih.

Nukilan: Azlina binti Mahmood

Indah purnama dari puspita,
Cantik berseri di waktu malam;
Peranan utama adalah kita,
Membentuk diri cintakan alam.

Nukilan: Azlina binti Mahmood

Limau purut di luar pagar,
Rimbun putik dengan bunganya;
Pemuliharaan alam sekitar,
Tanggungjawab kita bersama.

Nukilan: Mohd Aizuddin bin Ab Razak

Jangan dimakan putik mempelam,
Buahnya lebat di tepi laman;
Tidak rugi menjaga alam,
Untuk warisan zaman berzaman.

Nukilan: Mazrita binti Masnon

Encik Famey kakak bergaya,
Pengarah JAS Johor itulah tugas dia;
Jaga alam bersama-sama,
Supaya kita sejahtera selamanya.

Nukilan: Mohd Aznor bin Lamat

Virus Corona wabak berbahaya,
Berbahaya kepada semua manusia;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Untuk warisan anak cucu kita.

Nukilan: Muhammad Takiyuddin bin Norani

Sedapnya dalgona menjadi ikutan,
Begitu juga teh tarik madu;
Alam sekitar warisan berzaman,
Pinjaman kepada anak dan cucu.

Nukilan: Zalina binti Abdullah

Pergi memancing ke Tasik Bera,
Kaki tersengat lipan berbisa;
Tangan manusia punya angkara,
Warisan alam rosak binasa.

Nukilan: Kamarudin bin Abdul Rahman

Hutan diteroka tak kira masa,
Untung diraih siapa yang punya;
Terlanjur sikap alam binasa,
Kembalilah manusia bertaubat kepadaNya.

Nukilan: Kamarudin bin Abdul Rahman

Pak Ali ke Alor Setar,
Atas tujuan untuk melamar;
Mari kita menjaga alam sekitar,
Agar bumi tidak tercemar.

Nukilan: Alias bin Yusof

Indah malam tanpa pelita,
Terbang sekawan si rama-rama;
Jangan lupa peranan kita,
Persekitaran indah tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Fauzi bin Samad

Ikan keli si ikan patin,
Ikan dijual ke luar kota;
Hindari pencemaran masyarakat prihatin,
Alam terjaga sepanjang masa.

Nukilan: Maznuri bin Maslah

Mari kita pelihara rusa,
Seronok juga pelihara kura-kura;
Menjaga alam sekitar tak kira masa,
Supaya alam sekitar kita terpelihara.

Nukilan: Zuhairi bin Said

Gunung Tahan berdiri megah,
Buat renungan insan bertuah;
Alam sekitar suatu anugerah,
Jangan sesekali kita jarrah.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Hasrat mengunung diimpi lama,
Melihat alam lestari nyaman;
Keindahan alam tanggungjawab bersama,
Slogan disemai sejak berzaman.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Kicau burung di pagi hari,
Alamat mentari sudah meninggi;
Hargai alam pematuhan sendiri,
Biar seiring era teknologi.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Kelestarian alam hasrat bersama,
Berganding bahu sudah pasti;
Alam sekitar milik bersama,
Akur menjaga bukan menunding jari.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Malaysia maju berteknologi tinggi,
Hasrat dan cita-cita semua warga;
Alam sekitar digapai tinggi,
Bersama kita membelai menjaga.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Gunung Semanggul nama diberi,
Berdiri gagah di Negeri Perak;
Alam sekitar nilai tak terperi,
Menjadi tanggungjawab semua pihak.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Bening merah di ufuk timur,
Tanda pagi akan menjelma;
Kenapa alam semakin uzur,
Ghairah laba punca utama.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Terang malam kerana bulan,
Tetap indah dimamah usia;
Indah alam ciptaan Tuhan,
Kemusnahan berlaku angkara manusia.

Nukilan: Azliana binti Kasim

Anak serindik anak murai,
Anak keli anak haruan;
Sukarnya mendidik bijak pandai,
Menjaga alam tidak ketahuan,

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Jabatan Alam Sekitar nama diberi,
Keindahan alam ciptaan Tuhan;
Alam ternoda perbuatan sendiri,
Sampai bila hendak berterusan.

Nukilan: Yuosri bin Hj. Hussein

Tanam mari si pokok lada,
Pohon kelapa juga ditegar;
Kesedaran diri jika di dada,
Kekal terpelihara alam sekitar.

Nukilan: Abdul Aziz bin Mohsid

Wabak COVID-19 melanda negara,
Alam sekitar bersih negara berjaya.

Nukilan: Abdul Aziz bin Mohsid

Cantik bulan kerana terang,
Ditambah bintang yang berkelipan;
Kehijauan hutan akan menghilang,
Kalau ditebang tanpa kawalan.

Nukilan: Mohd Redhwan bin Arbain

Makcik Kiah pakai selipar,
Pakai selipar dengan senyuman;
Janganlah mencemarkan alam sekitar,
Agar hidup sentiasa aman.

Nukilan: Faranurhazrin binti Zainal

Wabak COVID-19 di sini sana,
Arahan PKP hendaklah dipatuhi;
Alam sekitar haruslah dijaga,
Kerana tiada bumi lain untuk kita diami,

Nukilan: Hariati binti Abu Bakar

Pergi ke butik membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Mohd Hafidz bin Harun

Indah malam tanpa pelita,
Terbang cantik si rama-rama;
Jangan lupa peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Hasri bin Paino

Sang pungguk rindukan bulan,
Rindu disimpan bertahun lamanya;
Indah alam ciptaan Tuhan,
Bersama kita peliharanya.

Nukilan: Mohd Rosnadi bin Mohd Zabidi

Pergi berjual di Alor Setar,
Sambil mencari minyak gamat;
Bersih sungguh alam sekitar,
Hidup kita akan selamat.

Nukilan: Mohd Syamil bin Ramli

Bumi dipijak langit dijunjung,
Angin dan air dilupa jangan;
Budi dikenang jasa disanjung,
Dunia dan akhirat jadi tanggungan

Nukilan: Mohd Zaki bin Tumi

Alam sekitar nikmat bersama,
Menjadi amanah untuk bangsa;
Bersyukur kita masih bersama,
Alam yang indah anugerah Yang Maha Esa.

Nukilan: Mohd Zulfattah bin Mohd Noor

Indah nian langit dunia,
Tak kurang juga alam buana;
Sama-samalah kita pelihara,
Kerana Tuhan untuk alam dan manusia.

Nukilan: Muhammad Fitri bin Soroni

Bunga kemboja di pohon sena,
Dipetik dilurut celahan batu;
Pupus segala flora dan fauna,
Manusia hidup berhutankan batu.

Nukilan: Muhammad Irwan bin Hussin

Si cantik berbaju bunga,
Berjalan santun berhati-hati;
Alam sekitar perlu dijaga,
Untuk dilihat semua generasi.

Nukilan: Noraziana binti Haro

Burung helang si burung nuri,
Hinggap di dahan menanti rezeki;
Pencemaran dihalang dihalau pergi,
Menjamin persekitaran kekal berkualiti.

Nukilan: Rohaidah binti Mohd Ali

Anak emak rambut kerinting,
Tidak diikat dibiarkan lepas;
Ada hikmah COVID-19,
Alam sekitar kembali bernafas.

Nukilan: Rohaiza binti Ahmad

Dua tiga kucing berlari,
Manakan sama si kucing belang;
Alam sekitar jangan dicemari,
Agar hidup sentiasa tenang.

Nukilan: Supermokh a.k.a Mokhtar Dahari

Sorong papan tarik papan,
Buah keranji di dalam perahu;
Alam sekitar adalah masa hadapan,
Janganlah kita buat tidak tahu.

Nukilan: Supermokh a.k.a Mokhtar Dahari

Pergi memancing di tepi jeti,
Harap dapat si ikan pari;
Dari utara sampai selatan menabur bakti,
Agar dapat wujudkan masyarakat lestari.

Nukilan: Zuhairi bin Said

Pergi ke warung dengan kereta,
Warung sebelah pohon kurma;
Janganlah dilupakan peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Zulhaizad bin Arsad

Hembus pawana bayu terasa,
Hati kehendak berasa sepi;
Indah buana ciptaan Yang Esa,
Mengapa tidak dijaga rapi.

Nukilan: Abdul Hamid bin Ahmad

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Ahmad Farid bin Hassan

Wahai saudara, sahabat dan rakan,
Berganding bahu kukuhkan ikatan;
Jangan suka membuat kerosakan,
Nyawa terancam mengganggu kesihatan.

Nukilan: Ahmad Farid bin Hassan

Gunung daik bercabang tiga,
Hargailah alam yang tercinta.

Nukilan: Aminuddin bin Othman

Daripada emas biarlah permata,
Dalamnya digali berbatu-batu;
Alam ternoda didepan mata,
Masihkan sahaja dibiarkan begitu.

Nukilan: Amirul Ashraf bin Mazlan

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Azurah binti Abdul Gapor

Makcik Kiah jual pegaga,
Jual pegaga di tepi istana;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup tidak merana.

Nukilan: Azliana binti Md Zainal

Burung kedidi terbang rendah,
Cakna alam sekitar, budaya indah.

Nukilan: Hasrul bin Mokhtar

Anak kecil hidup merdeka,
Ayah ibu panduan mereka;
Alam sekitar hendaklah dijaga,
Agar warisan tetap terpelihara.

Nukilan: Hakim Suhaimi

Pengat labu pemanis mulut,
Sedap dimakan bersama keluarga;
Jaga alam sekitar bukan sekadar dimulut,
Harus diterap dalam keluarga.

Nukilan: Koo Wooi Peng

Malaysia terletak rantau Asia,
Rakyatnya hidup tiada sengketa;
Rosaknya dunia di tangan manusia,
Akibat lupa kepada Pencipta.

Nukilan: Mohamad Jon bin Rahmat

Mega berarak indah berbalam,
Dipuput bayu ke pohon ara;
Jika dibahas keindahan alam,
Harap dilaksanakan janganlah berpura.

Nukilan: Mohd Khairi bin Sudar

Mencari timba si anak dara,
Di bawah sarang burung tempua;
Indahnya alam perlu dipelihara,
Untuk tatapan insan semua.

Nukilan: Mohd Khairi bin Sudar

Selasih mekar di tengah desa,
Mencelah sama kembang melati;
Cemarnya dielakkan ditolak sentiasa,
Negara bersih tersemat di hati.

Nukilan: Mohd Khairi bin Sudar

Cakna alam sekitar tajuk diberi,
Perlu dijaga setiap insan;
Cantik nan elok apabila lestari,
Kerana ia khazanah warisan.

Nukilan: Muhammad Husaini bin Abd Kadir

Udara yang bersih sering menyapa,
Jauh daripada kesibukan kota;
Bila disoal milik siapa,
Tentulah ia milik Pencipta.

Nukilan: Muhammad Husaini bin Abd Kadir

Tumbuh merimbun si pokok pengaga,
Sering dipetik setiap masa;
Kehijauan hutan perlulah dijaga,
Amanah dari Yang Maha Esa.

Nukilan: Muhammad Husaini bin Abd Kadir

Balik kampung cari ayam serama,
Bawa pulang naik kereta Citra;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Untuk generasi cucu cicit kita.

Nukilan: Muhammad Zulhusni bin Abdul Aziz

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dihargai,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Norshahdila binti Sahrum

Perintah berkurung sangat terasa,
Indah malam tanpa pelita;
Janganlah kita membuang sisa,
Kelak binasa alam semesta.

Nukilan: Nur Awatif binti Ahmad

COVID-19 datang bermurung,
Cuba dikawal sehingga pulih;
Di saat rakyat diperintahkan berkurung,
Alam sekitar semakin pulih.

Nukilan: Nur Awatif binti Ahmad

Cantik rupanya Puteri Gunung Ledang,
Pemandangannya cantik terus dipandang;
Industri yang baik patuh undang-undang,
Alam sekeliling jadi baik kita cemerlang.

Nukilan: Nur Hafizah binti Baseri

Tanah, udara, air dan lautan,
Allah kurniakan pelbagai guna;
Mesti dihayati penuh kesyukuran,
Pasti dilimpahi pelbagai kurnia.

Nukilan: Nurul Atiqah binti Zakaria

Tepian biara pohon pulasan,
Kelopak dahlia diatas papan;
Aspirasi negara mencapai wawasan,
Ditangan kita menjaga persekitaran.

Nukilan: Siti Hajar binti Md Zan

Matahari terbit di pagi hari,
Sinarnya terang bawa kehangatan;
Banyak pohon banyak rezeki,
Tanam pohon tanam kehidupan.

Nukilan: Siti Hajar binti Md Zan

Sini polis sana tentera,
Barisan hadapan bertugas tanpa henti;
Tiada COVID-19 hidup sejahtera,
Cintai alam sekitar sematkan dihati.

Nukilan: Siti Radheyah binti Md Shahrin

Kicau burung tanda gembira,
Tumbuhan menghijau subur mewangi;
Jangan kita asyik membangun dunia,
Kelak binasa alam yang dicintai.

Nukilan: Syahrulsyizwan bin Samion

COVID-19 datang kita tak tahu,
Wabak melanda janganlah gentar;
Jika sayang anak dan cucu,
Mari pelihara alam sekitar.

Nukilan: Amirrudin bin Abdullah

Di kala malam bersandar di beranda,
Berbumbungkan sinaran bulan dan bintang;
Perkasakan alam sekitar dijadikan agenda,
Untuk warisan generasi mendatang.

Nukilan: Anuar Redzuan bin Zainal Abidin

Kicauan burung buatku terjaga,
Tersedar daripada lamunan yang panjang;
Khazanah alam perlu dijaga,
Untuk generasi yang akan datang.

Nukilan: Azashahela binti Mohd Arshad

Pergi memburu si ayam hutan,
Berdoa agar dilindungi Tuhan;
Janganlah asyik menggondoli hutan,
Jagalah kehijauan di bumi Tuhan.

Nukilan: Azashahela binti Mohd Arshad

Pawana indah kalbu terasa,
Terbang si rama-rama di pohon bidara;
Bumi hijau hendaklah dipelihara,
Barulah indah persekitaran semesta.

Nukilan: Azhar bin Mohamed

Anak Tipah bernama Mamat,
Pergi membeli santan segar;
Alam sekitar bersih kita selamat,
Menghirup udara bersih dan segar.

Nukilan: Fara Shahela binti Mohamad

Burung merpati burung kedidi,
Terbang hinggap di dahan mempalam;
Bersama kita jaga alam semulajadi,
Nikmati kurniaan-Nya khazanah alam.

Nukilan: Fazlina binti Nasib

Hujung minggu ke taman bunga,
Dulu asalnya tempat kuari;
Jaga alam sekitar tanggungjawab bersama,
Usahlah ada yang mementingkan diri.

Nukilan: Marzukey bin Mohamad Nawi

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Berjalan perlu berhati-hati;
Alam di jaga supaya cantik,
Agar dilihat semua generasi

Nukilan: Mohamad Fariz bin Mohd Halim

Anak Cik Kiah masuk belukar,
Mencari buluh dibuat bangsal;
Jagalah kita alam sekitar,
Kelak hidup tidak menyesal.

Nukilan: Mohamad Noraizam bin Jamani

COVID-19 nama diberi,
Menyerang mangsa tak kira usia;
Jika mahu alam sekitar lestari,
Jagalah alam sekitar bersama-sama.

Nukilan: Mohd Aidil bin Kamali

Air sungai mudik ke muara,
Indah dan permai suasana desa;
Ingatan sendiri ingatan semua,
Mari mengabdikan pada Yang Esa.

Nukilan: Mohd Aminullah bin Musa

Jangan kita ke sana ke sini,
PM kata duduk di rumah;
Kelestarian alam sekitar ini,
Terpikul di bahu setiap ummah.

Nukilan: Mohd Fazilin bin Joorami

Pergi ke Mersing membeli satar,
Singgah berkelah di Air Papan;
Mari bersama menjaga alam sekitar,
Untuk generasi masa hadapan.

Nukilan: Mohd Haniff bin Mohd Salleh

Sila patuhi arahan PKP ini,
Demi putuskan rangkaian virus ini,
Janganlah buat pencemaran lagi,
Sama-sama jaga alam sekitar ini.

Nukilan: Mohd Hanizan bin Daud

Pergi ke kedai membeli bunga,
Alam sekitar perlu dijaga.

Nukilan: Mohd Nazirul Fahmi bin Md Yunos

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Mohd Nazri bin Mohd Joha

Tanam pinang rapat-rapat,
Biar susah merpati lari;
Kalau alam sekitar pun hidup merempat,
Manakan manusia nak hidup berdikari.

Nukilan: Mohd Rashid bin Judi

Melihat keindahan panorama muda,
Berjalan-jalan ke industri lama;
Tabiat buangan sisa berpada-pada,
Moga alam sekitar kesejahteraan bersama.

Nukilan: Mohd Zulkarnain bin Ismail

Malam sunyi terang bulan,
Mari memetik si daun damar;
Menjaga sungai dan tasik jadikan amalan,
Alam sekitar indah tidak tercemar.

Nukilan: Noorwahidayah binti Zaki

Tinggi-tinggi burung terbang,
Tinggi lagi si awan biru;
Andai kita jaga kebersihan,
Negara maju aman makmur.

Nukilan: Nor Zilayati

Pergi ke kedai membeli sari,
Sari dibeli untuk si isteri;
Andai kita menjaga bumi,
Alam sekitar indah tidak terperi.

Nukilan: Nor Zilayati

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Norzana Wati binti Sahat

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Berjalan perlu berhati-hati;
Alam dijaga supaya cantik,
Agar dilihat semua generasi.

Nukilan: Norzana Wati binti Sahat

Pergi ke kota bersama teman,
Kota Melaka tempat pilihan;
Menjaga sungai jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Norzana Wati binti Sahat

Ahmad bermain ikan pelaga,
Bermain bersama dengan Muthu;
Jika alam sekitar tidak dijaga,
Kesihatan kita akan terganggu.

Nukilan: Nur Aina Shazliyana binti Rosli

Makan nasi ulam pegaga,
Campur budu dan ikan keli;
Alam sekitar dijaga bersama
Untuk kebaikan semua generasi

Nukilan: Safwan bin Abdul Rahman

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Siti Normaliyana binti Jumadi

COVID-19 nama diberi,
Penyakit bawaan Corona virus;
Alam sekitar kehidupan lestari,
Perlu dipelihara secara serius.

Nukilan: Zuraina binti Zamzam

Ke kanan ke kiri ke hulu ke hilir,
Rumpun menjalar di sudut taman;
Pokok merimbun sungai mengalir,
Alam sekitar menjadi nyaman.

Nukilan: Nur Aminah binti Abd Hamid

Pak Abu ke kedai Nara,
Mak Limah ke kedai Rama;
Kalau kita sayangkan negara,
Jaga kebersihan amalan bersama.

Nukilan: Noor Haslinda binti Mazin@Mat Zin

Anak belalang di dalam baju,
Di tangkap Cik Kiah di Kampung Ketari;
Rakyat bersatu negara maju,
Jangan dilupakan alam sekitar lestari.

Nukilan: Norieza binti Abd Manap

Sungguh cantik si rama-rama,
Terbang bebas ke mana-mana;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Agar terpelihara flora dan fauna.

Nukilan: Zanariah binti Ideris

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli bernama Sakura;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar khazanah kekal terpelihara.

Nukilan: Umadevi Raman

Naik motor konvoi dengan kawan-kawan,
Cameron Highland destinasi pilihan;
Mahu udara bersih lagi nyaman,
Jaga kualiti alam jadikan amalan.

Nukilan: Anwarul Akmal bin Mahmooddin

COVID-19 kita dilarang bersalam,
Menjaga kebersihan dituntut dalam Islam.

Nukilan: Anwarul Akmal bin Mahmooddin

Buah bidara di tepi kolam,
Buahnya banyak dahan berduri;
Jaga negara jagalah alam,
Semoga hidup aman harmoni.

Nukilan: Malek bin Haji Tompong

Terbang kedidi singgah kuala,
Elok bertenggek di tepi kali;
Kemusnahan alam di mana jua,
Jika harta menguasai diri.

Nukilan: Mohamad Redhwan bin Arbain

Tenangny malam tanpa gangguan,
Bunyi cengkerik merdu suara;
Alam sekitar anugerah Tuhan,
Keindahan dijaga agar terpelihara.

Nukilan: Khalid bin Tafsir

Kapal dagang berlabuh di dermaga,
Dermaga terletak di tepi muara;
Keindahan alam mestilah dijaga,
Agar flora dan fauna sentiasa terpelihara.

Nukilan: Mohd Norhakim bin A. Hamid

Bulan Disember ke Alor Setar,
Hendak melihat Bunga Sakura;
Ayuh pakat jaga alam sekitar,
Semoga hati sentiasa gembira.

Nukilan: Che Mahamud Ismail

Anak kecil petah berkata,
Apabila ditanya jawapan tersedia;
Kehijauan alam penyejuk mata,
Bersama pelihara khazanah dunia.

Nukilan: Mohamad Fitri bin Said

Indah purnama di pinggir kota,
Terbang tinggi si rama-rama;
Janganlah lupa amanah kita,
Pemeliharaan alam sekitar, tanggungjawab bersama.

Nukilan: Zulfadzli bin Zakaria

Pergi ke Kulai membeli raga,
Raga dibeli hanya sekali;
Alam sekitar harus dijaga,
Agar dirasakan semua generasi.

Nukilan: Intan Arnieza binti Abdul Razak

Kalau tak kasih alam ini
Tentu kita semua rugi.

Nukilan: Mohd Rosli bin Mohd Nor

Mendaki gunung bersama Hazama,
Pemeliharaan alam tanggungjawab bersama.

Nukilan: Shurizah Hanim binti Omar

Pergi ke kedai bersama Salma,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Asni Ismazila binti Md Ismail

Bacaan jawi alif ba ta,
Perlu dijaga alam semesta,

Nukilan: Noor Hafiza binti Mohd Zakaria

Potong tebu bermain gitar,
Gitar dibeli anak Pak Saman;
Bersama kita menjaga alam sekitar,
Hidup harmoni sejahtera dan aman.

Nukilan: Asni Ismazila binti Md Ismail

Menitis embun di alam maya,
Menguncup segan daun semalu;
Alam ternoda tiada nohtahnya,
Generasi hamba menangis pilu.

Nukilan: Assemah binti Mohamad Saad

Minum pagi bersama Pak Leman,
Hirup udara di waktu petang;
Jaga alam sekitar jadi amalan,
Untuk generasi akan datang.

Nukilan: Asni Ismazila binti Md Ismail

Indah bumi kerana kehijauan,
Indah pantai kerana bersih;
Alam sekitar tercemar harus dipulihkan,
Buat generasi akan datang yang kita kasih.

Nukilan: Azahar bin Omar

Jika terang di waktu malam,
Tentu bulan menjadi alasan;
Jika ada pesalah alam,
Hukuman berat pasti berkesan.

Nukilan: Assemah binti Mohamad Saad

Embun menitis di sinar mentari,
Menitis di atas pohon palma;
Amalkan budaya bijak lestari,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Batu emas batu permata,
Alam tercemar di depan mata.

Nukilan: Asni Ismazila binti Md Ismail

Pelangi petang cantik di mata,
Indah dipandang tiada empunya;
Alam amanah daripada Pencipta,
Setiap amanah pasti ditanya.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Air jernih dari telaga,
Segar badan bila dibasahi;
Alam sekitar harus dijaga,
Anugerah indah ciptaan Ilahi

Nukilan: Mohd Khairul Azhar bin Razak

Pergi memburu di padang rata,
Tertangkap kijang berbelang kaki;
Lautan daratan indah di mata,
Mungkinkah lenyap suatu masa nanti.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Makan nasi berulam pegaga,
Pegaga dipetik di tepian perigi;
Alam sekitar sentiasa dijaga,
Itulah tugas kami di sini.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Bunga dipetik di dalam taman,
Mari dipetik bersama teman;
Sayangi alam sifat budiman,
Pelihara alam tanda beriman.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Selat teduh lautan Tebrau,
Tempat labuh perahu Aceh;
Keindahan alam haruslah dipantau,
Kelak generasi kita tidaklah bersedih.

Nukilan: Noraini binti Abd Razak

Jika direnung pada rembulan,
Jangan dilupa mentari tadi;
Indah alam ciptaan Tuhan,
Hargai ia sentiasa di hati.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Berkayuh rakit lima sekawan,
Hujan panas di tengah hari;
Indahnya bumiku hijau menawan,
Tandanya alam dijaga rapi.

Nukilan: Syalizah binti Saad

Indah malam tanpa pelita,
Terbang sekawan si rama-rama;
Janganlah lupa peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Siti Sarah binti Hashim

PKP arahan kerajaan,
Agar rakyat semua sihat;
Alam sekitar perlu penjagaan,
Tanggungjawab semua lapisan masyarakat.

Nukilan: Zuraidah binti Ibrahim

Tanam sayur tanam cili,
Musim COVID-19 inilah aktiviti;
Cintai alam segarkan bumi,
Alam sekitar terus berbakti.

Nukilan: Yusmaizyani binti Yusof

Pergi berjalan di Alor Setar,
Ingin mencari minyak gamat;
Bersih sungguh alam sekitar,
Hidup kita akan selamat.

Nukilan: Mohd Juzaimi bin Jamaludin

Rajin mencari ilmu Pendidikan,
Agar menjadi orang berguna;
Jika alam sekitar dirosakkan,
Hidup manusia akan merana.

Nukilan: Farah Farhana binti Mohammad Nazri

Buah cempedak di luar pagar,
Masak sebiji dimakan bersama;
Persekitaran bersih udara segar,
Kelestarian alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Siti Mariyam binti Md Isa

Kalau ingin hidup berkelana,
Jangan memandang fatamorgana;
Ekosistem hutan rosak di mana-mana,
Kesedaran manusia hanya wacana.

Nukilan: Siti Fairuz binti Harun

Bersiar-siar di tepi tasik,
Berjalan perlu berhati-hati;
Alam dijaga supaya cantik,
Baru tercapainya matlamat dan misi.

Nukilan: Ahmad Faizal bin Che Ibrahim

Indahnya malam tanpa pelita,
Terbang sekawan si rama-rama;
Janganlah lupa peranan kita,
Persekitaran tanggungjawab kita bersama.

Nukilan: Ahmad Faizal bin Che Ibrahim

Pak Mamat beli pegaga,
Beli di kedai Makcik Rohani;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Sahida binti Abu Seman

Pergi berjalan di Alor Setar,
Ingin mencari minyak gamat;
Bersih sungguh alam sekitar,
Hidup kita akan selamat.

Nukilan: Nurul Shuhada binti Shahbudin

Arahan PKP kita patuhi,
Jangan keluar rumah sesuka hati;
COVID-19 kita perangi,
Alam sekitar kita hargai.

Nukilan: Rafidah binti Abdul Aziz

Hutan rimba perlu dipelihara,
Agar fauna hidup gembira.

Nukilan: Mohamad bin Ariffin

Berjalan-jalan ke pasar tani,
Singgah pula di Warung Pak Koi;
Alam sekitar haruslah kita hargai,
Untuk diwariskan kepada generasi,

Nukilan: Norsakinah binti Abdul Rasid

Dahlan memakai seluar koyak rabak,
Terserempak pula dengan abang Sajat;
Dalam kita memerangi wabak,
Jangan lupa pelihara alam sejagat.

Nukilan: Rafidah binti Abdul Aziz

Tuan Ibrahim Tuan Man nama diberi,
Menteri Alam Sekitar Malaysia terkini,
Kalau kita hargai bumi,
Undang-undang alam sekitar kita patuhi.

Nukilan: Mohamed Khairul Ikhwan bin Atan

Anak kambing masuk belukar,
Melihat harimau berbadan sasa;
Jagalah kita alam sekitar,
Agar kehidupan tidak terseksa.

Nukilan: Rosmainy bin Yaakub

Menongkah arus ke pulau impian,
Mengalir tenang hingga ke muara;
Alam sekitar adalah pemberian,
Daripada Allah Yang Maha Esa.

Nukilan: Mohamed Khairul Ikhwan bin Atan

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Berjalan perlu berhati-hati;
Jaga alam supaya cantik,
Agar dilihat semua generasi.

Nukilan: Shahrizal bin Mohd Saad

Negara kita namanya Malaysia,
Telah mengalami banyak perubahan;
Khalifah dilantik kalangan manusia,
Untuk menjaga ciptaan Tuhan.

Nukilan: Yusrul Hafiz bin Mohd Yusof

Cantiknya alam kurniaan Ilahi,
Sayangnya manusia tidak hargai;
Wahai saudaraku sayangilah bumi,
Agar generasi akan datang dapat nikmati.

Nukilan: Mohamed Khairul Ikhwan bin Atan

Indah tinta ditari pena,
Waktu hidup jangan dipersia;
Jangan kita berbuat durjana,
Binasa menanti alam dan manusia.

Nukilan: Yusrul Hafiz bin Mohd Yusof

Hati pedih melayan lara,
Orang tersayang jangan dilupa;
Alam sekitar hendaklah dipelihara,
Moga bencana tidak menimpa.

Nukilan: Siti Ariani binti Arizal

Candat sotong buat goreng tepung,
Alam bersih nikmat teragung.

Nukilan: Mohd Hilmi bin Razali @ Ramli

Dataran Kerian tanahnya pamah,
Sangat sesuai dipacak pagar;
Tanam pokok sekitar rumah,
Supaya dapat udara segar.

Nukilan: Yusrul Hafiz bin Mohd Yusof

Pulau Tuba Pulau Tikus,
Naik bot nak pergi ke sana;
Didik diri jangan rakus,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Hilmi bin Razali @ Ramli

Angin bertiup sepoi-sepoi bahasa,
Alunan ombak menghempas pantai;
Lautan daratan kita pulihara bersama,
Bumi terpelihara dinikmati semua generasi.

Nukilan: Jamilah binti Hj. Taib

Bunga mawar mekar kembang,
Daun gugur tanpa kesan;
Khazanah alam kian hilang,
Manusia teroka tanpa ihsan.

Nukilan: Faridah binti Ghazali

Manisnya madu tidak terperi,
Berbahagi rasa ke seluruh taman;
Alam sekitar jangan dicemari,
Sebagai warisan zaman berzaman.

Nukilan: Ahmad bin Mahmood

Kawalan pergerakan telah dimaklumkan,
Kerana ada penyakit dan isu semasa;
Alam sekitar hendaklah diutamakan,
Untuk mengelakkan penyakit mendekati kita.

Nukilan: Mohd Senu bin Idris

Pergi mengail si ikan keli,
Bawa bersama bertih jagung;
Alam yang indah tidak boleh dibeli,
Itu anugerah Yang Maha Agung.

Nukilan: Mohd Amin bin Othman

Pergi mengembara ke Gunung Tahan,
Indah nian si hutan belantara;
Jaga udara jagalah kebersihan,
Itulah formula alam hijau sejahtera.

Nukilan: Nur Ayuni binti Mohd Sabri

Beli semutar di Kedai Mok Nat,
Keadae ale sekitar koho tenat.

Nukilan: Mohd Zahirruan bin Talib

Negeri Kelantan makmur sentiasa,
Tempat berteduh rakyat jelata;
Pembakaran terbuka terus berleluasa,
Musim panas jerebulah kita.

Nukilan: Tengku Mohd Haris bin Tuan Hassan

Mencari rezeki dengan menjaja,
Mengelek rotan menyusur denai;
Majikan perlu memantau pekerja,
Jagalah hutan jagalah sungai.

Nukilan: Safariza binti Abu Bakar

Siang menghilang malam menjelma,
Sejuk dan nyaman seluruh udara;
Menjaga alam sekitar bersama,
Agar khazanahnya sentiasa terpelihara.

Nukilan: Zaliha binti Husin

Indah malam tanpa pelita,
Terbang pula si rama-rama;
Janganlah lupa peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama

Nukilan: Wan Isharuddin

Terbangnya puyuh hinggap di dahan,
Ulam petai bersama pegaga;
Jikalau sungguh masyarakat faham,
Tentulah alam sekitar sentiasa dijaga.

Nukilan: Mat Rusdi bin Kadir

Sungai Lui mengalir seirama,
Ikan keli sengatnya berbisa;
Marilah kita sepakat bersama,
Menjaga alam daripada binasa

Nukilan: Khazaki Loman

Buah kelapa di atas alang,
Untuk dibuat kuih lempeng;
Toksik ke sungai jangan dibuang,
Negara bersih rakyat cemerlang.

Nukilan: Suriana binti Fauzi

Berjalan bertatih terpijak duri,
Tersilap langkah lukalah si dia;
Alam merintih tanpa disedari,
Luka badannya kerana tangan manusia.

Nukilan: Fariza binti Husain

Berenang ikan di lautan dalam,
Singgah burung di ranting bercabang;
Hendaklah kita sentiasa menjaga alam,
Kalau tidak mahu bencana datang.

Nukilan: Mohd Aza bin Ismail

Tiada panorama seindah hutan,
Hutan tempat bermainnya si rama-rama;
Indahnya bumi kurniaan Tuhan,
Menjaga alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Emyzan

Naik kuda menutup mata,
Jatuh tergolek terpijak batu;
Alam ternoda di depan mata,
Apakah usaha untuk membantu?

Nukilan: Mohd Faizal bin Lome

Pergi ke kedai membeli mi,
Mi diletakkan di atas talam;
Jika tidak menjaga bumi,
Nanti datang bencana alam.

Nukilan: Mohd Razi bin Ismail

Merentas jejak rimba menggunung,
Sungainya sejuk jernih di mata;
Bumi dipijak langit dijunjung,
Alam dipeluk warisan jelata.

Nukilan: Mohd Zuhaimi bin Mamat

Usah dikejar sang rama-rama,
Terbangnya tinggi ke udara;
Pelihara alam sekitar tanggungjawab bersama,
Agar kehidupan sentiasa sejahtera.

Nukilan: Suzaini binti Ghazali

Makanan ore kampung,
Hok jarer kena beli;
Kita kena pakat sokong,
Pupuk sayangi alam sekitar mula dale diri.

Nukilan: Wan Rohaidi

Tempoh PKP Mac ke April,
Pakat bekerja dari rumah;
Jagalah alam sekitar biar stabil,
Untuk kesihatan kesejahteraan ummah.

Nukilan: Norjam bin Mahmood

Burung tiung burung merpati,
Ikan siakap ikan gelama;
Sama-samalah kita sejiwa sehati,
Menjaga alam sekitar milik semua.

Nukilan: Norjam bin Mahmood

Hari raya bakal menjelma,
Pergi mengunjungi sanak saudara;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Agar ia kekal terpelihara.

Nukilan: Mohd Rahmat bin Ramli

Gendang gendut tali kecapi,
Kenyang perut senang hati;
Alam sekitar harus dihargai,
Agar tidak menyesal kemudian hari.

Nukilan: Muziani Azrina binti Musa

Tinggi enggang terbang melayang,
Hinggap sebentar dipohon jati;
Alam sekitar harus ditatang,
Supaya disayangi kemudian hari.

Nukilan: Muziani Azrina binti Musa

Timang anak tinggi-tinggi,
Biar sampai ke menara jati;
Alam sekitar harus dicintai,
Agar khazanah tepelihara nanti.

Nukilan: Muziani Azrina binti Musa

Jalan-jalan menikmati udara segar,
Letih berjalan berhenti rehat;
Sentiasalah jaga alam sekitar,
Supaya kehidupan sentiasa sihat.

Nukilan: Saniah binti Ismail

Pergi ke kedai bersama kawan,
Kedai Pak Man tempat pilihan;
Menjaga alam sekitar jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Zulaihan

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Siti Salina binti Mohd Saat

Anak ayam turun bertiga,
Mati seekor digigit kera;
Alam sekitar hendaklah dijaga,
Agar kita sihat sejahtera.

Nukilan: Adnan

Ayam itik ayam serama,
Alam sekitar tanggungjawab semua.

Nukilan: Kamaruzzaman

Kalau pergi ke Ulu Bertam,
Jangan lupa beli halia;
Kerosakan musnahnya alam,
Oleh sebab tangan manusia.

Nukilan: Mohd Ashri

Pegawai cantik di JAS Sabah,
Pegawai kacak di JAS Melaka;
Memulihara alam menjadi mudah,
Dengan komitmen dan kerjasama.

Nukilan: Janizan Abu Kassim

Kicau burung di pagi hari,
Memecah sunyi menceriakan hati;
Pembangunan mapan merencanakan ekonomi,
Menuju puncak alam sekitar lestari.

Nukilan: Dzuriyati Noor binti Yaakub

Riuh kicau burung di angkasa,
Berlari kijang menyelamatkan diri;
Hutan dan laut rosak binasa,
Inikah alam yang hendak diwarisi?

Nukilan: Elbyta Rozana binti Mohd Hatta

Jendela dibuka di pagi hari,
Jauh termenung insafi diri;
Kokokan ayam memecah sunyi,
Sungguhnya alam tidak dijual beli.

Nukilan: Elbyta Rozana binti Mohd Hatta

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar haruslah dijaga,
Agar hidup penuh harmoni.

Nukilan: Nor Hanisah binti Shabudin

Makcik Kiah isteri Encik Bakar,
Berjalan-jalan menaiki kereta;
Sampah sarap bukan untuk dibakar,
Sayangi keluarga dan alam sekitar kita.

Nukilan: Asmahani binti Ab Manan

Dari hulu ke Kuala Sira,
Singgah sebentar di Pekan Sari;
Pesat membangun kemajuan negara,
Jangan diabaikan kehidupan lestari.

Nukilan: Zainoorliza binti Zainal Abidin

Indah malam diterangi pelita,
Terbang riang si rama-rama;
Jangan sesekali lupa peranan kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Nor Hanisah binti Shabudin

Bangun pagi membasuh kereta,
Membasuh kereta bersama mama;
Jangan dilupakan amanah kita,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Azhar bin Che Darawi

Duduk di rumah bersama keluarga,
Melestarikan alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Nazrin bin Mustafah

Hang Tuah panglima gagah,
Hulubalang Melaka yang disegani;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Mazlan bin Ali

Berjalan jalan di tepi tasik,
Berjalan perlu berhati-hati;
Alam dijaga sentiasa cantik,
Agar dilihat semua generasi.

Nukilan: Isomuddin bin Abdullah

Riang ria suka hati,
Alam sekitar perlulah dihargai.

Nukilan: AZZ

Negara kini dilanda musibah,
Angkara COVID-19 datang menyinggah;
Alam sekitar dijaga bawa faedah,
Kurnia Ilahi anugerah terindah.

Nukilan: Noor Aishah binti Arshad

COVID-19 menyerang negara,
Wabak maut haruslah berjaga-jaga;
Laksana tugas di rumah buat sementara,
Alam sekitar kita tetap dijaga.

Nukilan: Mohd Nawir bin Ahmad

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Berjalan perlu berhati-hati;
Alam dijaga supaya cantik,
Agar dilihat semua generasi.

Nukilan: Rozita binti Zainal Abidin

Udara nyaman hati ceria,
Pemandangan hijau minda cergas;
Menjaga alam sekitar amalan mulia,
Anugerah Allah tidak terbatas.

Nukilan: Mohd Nurkhasyiruz bin Norashid

Makan sudah minum pun sudah,
Laksa, kuetiau, mi goreng basah;
Menjaga alam bukannya susah,
Tanam nilai di hati indah.

Nukilan: Norezini binti Kamaludin

Jalan-jalan mencari bunga,
Bandar Melaka tempat pilihan;
Alam sekitar wajib dijaga,
Supaya tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: PJ MYW

Tempat bersejarah di negeri Melaka,
Malam terang ditemani cahaya;
Negerinya bersih rakyat berbudaya,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Shahrulnizam bin Omar

Musim PKP jangan keluar,
Duduk di rumah jaga diri kita;
Jangan dibakar jangan dicemar,
Kerana alam sekitar milik kita.

Nukilan: Suhailah binti Mukhtar

Bulan suram di langit malam,
Pungguk tidak menjadi saksi.
Fana alam semakin kelam,
Andai kelestarian tidak diwarisi.

Nukilan: Saidatul Akmar binti Abu Hasan

Pergi ke kota bersama Dian,
Kota Melaka menjadi pilihan;
Menjaga alam sekitar jadi amalan,
Supaya tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Afiratul Abidah binti Abd Gani

Sungguh girang si rama-rama,
Berwarna-warni cantik berseri;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Agar hidup terus lestari.

Nukilan: Sharifah Zakiah binti Syed Sahab

Duduk di rumah semasa PKP,
Duduk sambil membuat kerja;
Pemeliharaan alam sekitar tetap di hati,
Itulah keazaman rakyat Malaysia.

Nukilan: Azlina binti Othman

Makcik Kiahlah orang paling gembira,
Apabila PM sebut namanya;
Jagalah alam sepenuh jiwa,
Agar terpelihara kejadian asalnya.

Nukilan: Abdul Razak bin Yasin

Daripada emas biarlah permata,
Dalamnya digali berbatu-batu;
Alam ternoda di depan mata,
Mengapa hanya dibiarkan begitu.

Nukilan: Zaimastura binti Ibrahim

Kalau menebang pohon meranti,
Jangan tebang sesuka hati;
Sama-samalah kita mensyukuri,
Ciptaan Tuhan haruslah diwarisi

Nukilan: Abdullah bin Mustafa

Adik bermain ikan pelaga,
Sambil bermain mendengar lagu;
Alam sekitar tidak dijaga,
Kesihatan kita mula terganggu.

Nukilan: Ismail bin Jaafar

Kilang beroperasi seperti biasa,
Senarai diberi oleh MITI;
Alam sekitar perlu dijaga,
Supaya daratan tidak dicemari.

Nukilan: Muhamad Zulkifli bin Othman

Pergi ke pasar membeli gelama,
Gelama dibeli bersama peria;
Alam sekitar perlu diutama,
Walau COVID-19 melanda dunia.

Nukilan: Nur Haily binti Ramly

Pergi Mydin bersama jiran,
Pergi pagi sampai ke malam;
Setiap insan perlukan kesedaran,
Membentuk diri cintakan alam.

Nukilan: Mohd Azwar bin Zakariya

Dalam hutan mencari bidara,
Sehari suntuk di Tanjung Aru;
Alam sekitar harus dipelihara,
Untuk diwarisi generasi baharu.

Nukilan: Muhammad Arrazi bin Mohamed Jamil

Bermain-main ikan laga,
Alam sekitar wajar dijaga.

Nukilan: Muhammad Arrazi bin Mohamed Jamil

Sambil menulis memakan betik,
Kertas ditulis terkena dakwat;
Apabila alam sekitar cantik,
Ramai pelancong datang melawat.

Nukilan: Erma Zairani binti Jailani

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Nur Fathiah binti Abd Karim

Cosmos Caudatus ditanam semalam,
Lupa disiram daunnya layu;
Bersama menjaga kelestarian alam,
Tinggalan untuk anak dan cucu.

Nukilan: Nur Fatin binti Mohamed Sidek

Timba suara di tepi kali,
Buat menyimbah si tuan puteri;
Alam sekitar anugerah Ilahi,
Pelihara sentiasa kekalkan lestari.

Nukilan: Nurfauhana Jannah binti Kasman

Buah pelam buah longan,
Rasanya manis dan masam;
Jaga bumi jaga hutan,
Dapat kita lestarikan alam.

Nukilan: Roszuana binti Kamarolzaman

Gunung daik bercabang tiga,
Air di kali merentas ke desa;
Alam sekitar haruslah dijaga,
Untuk kemakmuran hidup kita bersama.

Nukilan: Sazaly bin Mohd Amir

Terbit fajar terasa sepi,
Tiada unggas terbang keseronokan;
Walaupun COVID-19 menyebabkan PKP,
Kesejahteraan alam sekitar harus diutamakan.

Nukilan: Zainirul Ailis binti Mustafa

Pergi ke kedai membeli joran,
Joran digunakan memancing ikan;
Negara maju menjadi sasaran,
Pembangunan lestari jangan diabaikan.

Nukilan: Nurul Hakimi bin Mat Bakiri@Adnan

Bumi diliputi flora dan fauna,
Anugerah Tuhan untuk semua;
Janganlah lupa peranan kita,
Pemuliharaan alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mogana a/p Annamalay

Cantik sungguh si bunga raya,
Hidup segar di tepi pagar;
Negara kita kaya raya,
Jangan dimusnahkan alam sekitar.

Nukilan: Mazlan bin Zakaria

Sungai keruh tidak berseri,
Kekam timbul surut perbani;
Amal bersama hidup lestari,
Agar alam kekal harmoni.

Nukilan: Mohd Azrin bin Mohd Azhari

PKP Fasa 4 dalam bulan Ramadan,
Solat terawih bersama keluarga;
Bersama kita menjaga hutan,
Kelestarian alam perlu dijaga.

Nukilan: Hafizah binti Hamdan

Duduk di rumah sepanjang masa,
Tempoh PKP muhasabah diri;
Ingatlah kawan ingatlah saudara,
Penjagaan alam sekitar perlulah dibaja dalam diri.

Nukilan: Aini Oriza binti Ramli

Malam sunyi terang rembulan,
Kicauan unggas alunan berseni;
Menjaga alam sekitar jadikan amalan,
Negara Malaysia sentiasa disegani.

Nukilan: Mohd Nazir bin Mansor

Sematkan di jiwa semangat waja,
Jangan suka berbuat khianat;
Flora dan fauna perlu dijaga,
Kehidupan di dunia akan selamat,

Nukilan: Siti Shamsinar binti Annuar

Duduk di rumah jangan merayap,
Wabak COVID-19 dicegah bersama;
Kerjasama semua amatlah diharap,
Pemuliharaan alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Siti Noriah binti Abu Bakar

Ulam Raja di dalam raga,
Dibawa ke pasar untuk dijaja;
Alam sekitar harus dijaga,
Demi negara yang tercinta.

Nukilan: Amirah Syazwani binti Mazlan

Bunga berkembang di pagi hari,
Berseri-seri harum mewangi;
Alam sekitar anugerah Ilahi,
Amanah buat semua tidak terkecuali.

Nukilan: Haieza

Ujian datang bertubi-tubi,
Doa dipanjat setiap hari;
Rosaknya alam tiada ganti,
Di mana lagi melindungi diri.

Nukilan: Haieza

Sungai Rompin bersih berseri,
Alam sekitar dijaga secara lestari.

Nukilan: Md Rizal bin Zainuddin

Bunga matahari indah berseri,
Tumbuh di bawah panas mentari;
Jaga dan hargai alam lestari,
Supaya dirasai setiap generasi.

Nukilan: Corina binti Mat Amin

Pergi ke kedai membeli bunga,
Bunga dibeli cantik sekali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni,

Nukilan: Ahmad Rosli Hadafi bin Mohamed Halim

Dari kota ke Desa Cemara,
Daun selasih hiasan seni;
Bersama kita alam dipelihara,
Negara bersih hidup harmoni.

Nukilan: Mohd Asri bin Hussin

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Berjalan perlu berhati-hati;
Alam dijaga supaya cantik,
Agar dilihat semua generasi.

Nukilan: Mohamad Shahrizal bin Hashim

Kayu bakar dibuat arang,
Arang dibakar menjadi bara;
Jangan mudah sampah dibuang,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Hisham bin Mohd Hashim

Jika mahu membangunkan negara,
Jangan dimusnahkan hutan belantara;
Alam sekitar wajib dipelihara,
Agar semua hidup aman sejahtera.

Nukilan: Nor Azizah binti Zainudin

Nira kelapa pandan nira nipah,
Pelihara alam jangan buang sampah.

Nukilan: Mohd Norimam bin Jaaffar

Kain puteri berseri putih,
Bersama putera meminum kelapa;
Alam ternoda bumi merintih,
Kerana harta manusia alpa.

Nukilan: Suzilah binti Omar

Pagi-pagi ke farmasi Che Ta,
Pergi membeli ubat selsema;
Peliharalah alam sekitar kita,
Kerana itu tanggungjawab bersama.

Nukilan: Rosiah binti Mohd Ali

Pagi-pagi jerebu melanda,
Hargailah alam sekitar anda.

Nukilan: Mariana binti Abdul Rahim

Pergi ke pasar beli ikan gelama,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Khairulizan bin Kong Ya

Burung terbang berkicauan menyanyi,
Kehijauan terbentang saujana mata;
Nikmat ciptaan Tuhan kita hargai,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Mazha bin Abdul Hamid

Waktu malam bulan mengambang,
Bintang memagar terangnya suasana;
Hijau alam ekologi seimbang,
Flora membugar girangnya fauna.

Nukilan: Mohd Firdaus bin Ismail

Jalan-jalan di Parit Buntar,
Terasa suasana yang gamat;
Bersih sungguh alam sekitar,
Hidup kita akan selamat.

Nukilan: Muhamad Hazani bin Abdul Kahar

Pergi kerja balik tak tahu,
Pagi dan petang asyik terfikir;
Marilah kita berganding bahu,
Memelihara alam sekitar.

Nukilan: Mohd Shafie bin Abdullah

Pohon ubi tegak berdiri,
Apatah lagi pohon keladi;
Jika ingin bumi berseri,
Jagalah alam semula jadi.

Nukilan: Ahmad Nasrul Hakim bin Saleh

Pergi ke kilang berjumpa jaga,
Jaga bernama Encik Zamani;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup lebih harmoni.

Nukilan: Nur Shahidzan binti Abdul Samad

Rumah dihias sejambak bunga,
Bunga dipetik di taman Cik Misi;
Khazanah alam perlulah dijaga,
Agar dinikmati semua generasi.

Nukilan: Azlina binti Jusoh

Indah sungguh halaman rumah,
Terbang gembira si rama-rama,
Menjaga alam sekitar bukannya susah,
Jikalau dijaga bersama-sama.

Nukilan: Ahmad Rosdi bin Ja'afar

Indah malam tanpa pelita,
Terbang sekawan si rama-rama,
Janganlah lupa peranan kita,
Persekitaran indah tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Fadzil bin Md Zan

Berjalan-jalan di Kota Temasik,
Berjalan perlu berhati-hati,
Alam sekitar perlu dijaga cantik,
Agar dipelihara semua generasi.

Nukilan: Mohd Azmil Hisham bin Abdul Malek

Sayur sawi batang hijau,
Sayur meranti di tepi perigi;
Jagalah pohon yang hijau,
Masa hadapan tidak rugi.

Nukilan: Mohd Sukri bin Zainal

Melati jingga seindah purnama,
Tempua bersarang di kain pelikat;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Ikrar setia tunjang muafakat.

Nukilan: Mohd Kairol bin Mohd Saad

Pergi berjalan-jalan di Tasik Bera,
Menjadi pusat konservasi dan rekreasi;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Agar dapat dinikmati setiap generasi.

Nukilan: Norlelawati binti Saleh

Pergi mengail di kolam ikan laga,
Mengail umpan belalang;
Alam sekitar perlu dijaga,
Untuk diwarisi generasi yang datang.

Nukilan: Mohd Zakri bin Zakaria

Daun selasih di tepi sumur,
Dipetik sudah si anak pertapa;
Negara bersih rakyatnya makmur,
Persekitaran indah tanggungjawab siapa.

Nukilan: Norul Hisham bin Elias

Pergi ke kedai membeli belanga,
Belanga dibeli di kedai Pak Ali;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Zakiah binti Mam

Indah purnama tanpa pelita,
Cantik berseri di waktu malam;
Peranan utama adalah kita,
Membentuk diri cintakan alam.

Nukilan: Yusnizar binti Mohamed

Dari pekan balik ke Kuantan,
Kereta di jalan bersusun panjang;
Alam sekitar dicemar jangan,
Biar indah mata memandang.

Nukilan: Alawiyah binti Harun

Tanam bunga di tepi pagar,
Bunga ditanam di waktu petang,
Peliharalah alam sekitar,
Untuk generasi yang akan datang.

Nukilan: Rosnah binti Ali

Hendak balik rumah singgah di pasar sebentar,
Jagalah dan sayangilah alam sekitar.

Nukilan: Azura binti Abd Jamal

Daun selasih di tepi sumur,
Dipetik oleh intan kesuma;
Negara bersih rakyatnya makmur,
Persekitaran indah tanggungjawab bersama.

Nukilan: Norhakila binti Ali Piah

Bunga selasih dipetik nyonya,
Lalu diikat di dalam perahu;
Persekitaran bersih banyak faedahnya,
Badan sihat ceria selalu.

Nukilan: Nor Azizah binti Jamaluddin

Subur menghijau padi di sawah,
Dituai sekampung sumber kewangan;
Alam yang hijau jangan ditarah,
Tatapan generasi buat kenangan.

Nukilan: Mohd Firdaus bin Jumaat

Menjaga bumi Allah suka,
Tercipta khalifah untuk memelihara;
Alam dinoda kelak merana,
Mudarat datang bencana menimpa.

Nukilan: Amy Amera binti Hassan Busry

Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Hilangkan pencemaran udara nyaman;
Alam sekitar lestari matlamat utama,
Jumlah kita cari kedamaian.

Nukilan: Zaira binti Zanuddin

Berjalan-jalan ternampak kera,
Kera bermain dengan seekor rama-rama;
Alam sekitar perlu dipelihara,
Agar kekal selama-lama.

Nukilan: Noorfusfaliza binti Nordin

Matahari bulan siang malam,
Flora fauna sekarang dahulu;
Hijau bumi Tuhan indah alam,
Dihargai demi anak cucu.

Nukilan: Mohd Hazwadi bin Abd Hamid

Indahnya alam sama merasa,
Berbilang kaum agama dan bangsa;
Indahnya alam kita bahagia,
Tanggungjawab bersama rakyat Malaysia.

Nukilan: Roslan bin Md Hasim

Indah sungguh si ikan kelah,
Berenang-renang di tepi lata;
Alam layar kebesaran Allah,
Untuk manusia mencintai Pencipta.

Nukilan: Lili Suhana binti Adnan

Memudiki sungai menaiki perahu,
Sambil menyanyi memetik gitar;
Mari kita berganding bahu,
Memulihara alam sekitar.

Nukilan: Muhamad Rizal bin Ramli

Singgah pekan beli kebaya,
Kebaya bersulam berwarna jingga;
Indah lautan dipandang mata,
Tinggalan alam yang perlu dijaga.

Nukilan: Nurhidayah binti Zainal Abidin



Hari Jumaat penghulu hari,
Pergi ke bagan membeli ikan;
Duduk di rumah jagalah diri,
Amalan hijau jangan lupakan.

Nukilan: Mohd Farhan bin Mohamad Hashim

Pergi ke Ipoh membeli pegaga,
Pergi dengan menunggang kuda;
Alam sekitar hendaklah dijaga,
Untuk warisan generasi muda.

Nukilan: Azrie Sham Rizal bin Awang

Hidup kita kena berbakti,
Supaya hidup tidak merana;
Balak ditebang sesuka hati,
Laporan EIA entah ke mana.

Nukilan: Rohimi bin Harun

Bukit bukau digondol dan sudah tiada,
Kayu-kayan berharga semakin hilang;
Kepelbagaian ekosistem perlu dipelihara,
Untuk bekalan generasi akan datang.

Nukilan: Norhafidah binti Abu

Dunia ini milik sejagat,
Harus dijaga bersama-sama;
Hendaklah kita bersatu bermuafakat,
Menjaga alam sekitar manfaat semua.

Nukilan: Nor Farzillah binti Abdullah Mohd Zawawi

Bumi hijau harus dipelihara,
Sungai berstatus kelas kedua;
Mari kita bersama menjaganya,
Buat tatapan generasi kita.

Nukilan: Amir Hamzah Dean bin Kamarudin

Pemandangan alam tidak lagi cantik,
Akibat berleluasa pembalakan haram;
Khazanah alam perlu diurus dengan baik,
Untuk mengawal kepupusan spesies terancam

Nukilan: Norhafidah binti Abu

Hendak pergi ke Pekan Selama,
Singgah sekejap di Jalan Kota;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Jadikan amalan budaya kita.

Nukilan: Amran Mubarak bin Abu Bakar

Indah sungguh pagi ini,
Udara bersih segar rasanya;
Jangan dirosak alam ini,
Simpanlah hutan untuk selamanya.

Nukilan: Amran Mubarak bin Abu Bakar

Pergi ke lombong melihat itik,
Terlihat monyet bergayut di pohon ara;
Katakan tidak menggunakan plastik,
Hidup selamat alam terpelihara.

Nukilan: Mior Izzuddin bin Baharuddin

Berhati-hati naik perahu,
Di hilir sungai banyak buaya;
Ambillah sikap mengambil tahu,
Alam sekitar kita yang punya.

Nukilan: Azizah binti Mohamed

Beburung petang terbang di awan,
Terbang tinggi si burung merpati;
Alam nan indah menjadi idaman,
Usaha bersama murni lestari.

Nukilan: Mohd Sanusi bin Daud

Awan berarak mendung bertamu,
Langit menangis membasahi bumi;
Alam nan hijau angin menderu,
Nikmat percuma kurniaan Ilahi.

Nukilan: Mohd Sanusi bin Daud

Api pelita merah berjelaga,
Menerobos asap tembus ke awan;
Satu Malaysia sama menjaga,
Untuk tatapan generasi hadapan.

Nukilan: Mohd Sanusi bin Daud

Lembut bayu menyapu pipi,
Tersipu si dara tiada berkata;
Meletus amarah si gunung berapi,
Petanda alam diselubung derita.

Nukilan: Mohd Sanusi bin Daud

Hembus angin bayu terasa,
Hati kehendak berasa sepi;
Indah alam ciptaan Esa,
Mengapa tidak dijaga rapi.

Nukilan: Md Azizi bin Ismail

Sukar mencari baka pulasan,
Dalam sangkar batu geliga;
Agar menjadi pusaka warisan,
Alam sekitar perlu dijaga.

Nukilan: Wan Hanita binti Wan Mohamad Saleh

Burung pipit terbang mendarat,
Hinggap di pagar terasa sejuk;
Sikap menyayangi alam sekitar,
Sedari kecil wajar dipupuk.

Nukilan: Noor Saidatul Nadhirah binti Abdul Rahman

Kuih koci kuih talam,
Sedap juga kuih cara;
Mari kita menjaga alam,
Biar makmur kekal sejahtera.

Nukilan: Nik Noraini Azhimah binti Nik Ab Rahaman

Pohon ubi tegak berdiri,
Apatah lagi pohon keladi;
Jika ingin dunia berseri,
Sama-samalah kita memelihara alam semula jadi.

Nukilan: Nor Asyniza binti Ahmad Madzlan

Berehat pemuda di pohon rambai,
Melihat kedidi di dahan rumbia;
Alam sekitar jangan diabai,
Kelak menjadi warisan dunia.

Nukilan: Noor Saidatul Nadhirah binti Abdul Rahman

Menganyam tikar di pohon tamar,
Duduk bersimpuh sebelum bermula;
Alam sekitar kian tercemar,
Perlukan usaha pemulihan semula.

Nukilan: Noor Saidatul Nadhirah binti Abdul Rahman

— ❖ —
Matahari bersinar cerah semesta,
Membawa cahaya segenap benua;
Jangan lupa peranan kita,
Sayangi alam tanggungjawab semua.

Nukilan: Aminudin bin Abdullah

— ❖ —
Pucuk ubi dijadikan ulam,
Makan bersama sanak saudara;
Mari kita menjaga alam,
Hidup bahagia sihat sejahtera.

Nukilan: Aminudin bin Abdullah

— ❖ —
Berenang-renang si ikan keli,
Berenang riang ikut irama;
Alam sekitar tak dapat dibeli,
Tanggungjawab kita jaga bersama.

Nukilan: Hamidah binti Abdul Rahman

— ❖ —
Bunga mawar mekar sekali,
Harum baunya tapi tak lama;
Menunding jari jangan sekali,
Ayuh jaga alam sekitar bersama.

Nukilan: Hamidah binti Abdul Rahman

— ❖ —
Anak kecil bermain guli,
Sambil mengejar sang rama-rama;
Jangan dibiar tidak peduli,
Semoga lestari lebih lama.

Nukilan: Hamidah binti Abdul Rahman

— ❖ —
Bunga selasih dipetik nyonya,
Lalu diikat di dalam perahu;
Persekitaran bersih banyak faedahnya,
Badan sihat ceria selalu.

Nukilan: Md Azizi bin Ismail

Daun selasih di tepi sumur,
Dipetik sudah si rama-rama;
Negara bersih rakyatnya makmur,
Persekitaran indah tanggungjawab bersama.

Nukilan: Md Azizi bin Ismail

Terang malam kerana bulan,
Pucuk paku delima batu;
Indah alam ciptaan Tuhan,
Kemusnahan berlaku mengapa begitu.

Nukilan: Md Azizi bin Ismail

Buah berangan di tanah rata,
Jalan TAR kemudahan bersama;
Sampah jangan dibuang merata,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Najib Ismawi bin Long Jaafar

Berjalan-jalan di tepi tasik,
Apabila berjalan terpijak besi;
Alam dijaga akan cantik,
Agar dinikmati semua generasi.

Nukilan: Md Azizi bin Ismail

Lelaki kacak idaman si dara,
Berkulit putih berkaca mata;
Di laut, di bumi dan di udara,
Menjaga alam tanggungjawab bersama.

Nukilan: Mohd Shalezyan bin Abdullah

Al-Quran dibaca siang dan malam,
Alam bersih hati tenteram.

Nukilan: Mohammad Faisal Bin Juhari

Kembang mekar bunga mawar,
Bunga melati harum baunya;
Bisa ular boleh ditawar,
Hutan binasa apa ubatnya.

Nukilan: Mohd Shaharil bin Mohd Osman

Menternak ikan dalam sangkar,
Ikan dijual sesudah matang;
Mari menjaga alam sekitar,
Untuk generasi akan datang.

Nukilan: Razman bin Aziz

Pokok terap dipanjat kera,
Pokok pinang tiada dahan;
Bumi hijau dipelihara,
Anugerah indah ciptaan Tuhan.

Nukilan: Nor Haziroh binti Ramli

Cantik sungguh si rama-rama,
Alam sekitar milik bersama.

Nukilan: Wan Noor Isyam bin Taib

Burung angsa tempatnya di tasik,
Harimau, gajah, singa tempatnya di hutan;
Biodiversiti negara jangan diusik,
Baiklah kita simpan untuk masa hadapan.

Nukilan: Syed Mohamad Syahir bin Syed Mazlan

Cari pelitup muka di Simpang Tiga,
Elak Corona Virus daripada berleluasa;
Jika alam tidak dijaga,
Apa yang akan diwarisi mereka.

Nukilan: Siti Latifah binti Harun

Ke hulu ke hilir mencari rezeki,
Rezeki yang halal lagi diberkati;
Sayangilah alam sekitar ciptaan Ilahi,
Semoga hidup sentiasa diberkati.

Nukilan: Norhayati binti Alias

Cantik sungguh si burung nuri,
Dijaga baik oleh Pak Rodi;
Jika ingin dunia berseri,
Jaga dan peliharalah alam semula jadi.

Nukilan: Nurul Hanim binti Mior Abdullah

Sayang negara sayang keluarga,
Sepenuh hati jiwa dan raga;
Alam sekitar wajib dijaga,
Anugerah Tuhan paling berharga.

Nukilan: Rohana binti Hawari

Rajinnya kakak membuat baulu,
Kutip sampah usah malu.

Nukilan: Dalilah Adriana binti Zolkifl

Pergi ke kedai membeli Planta,
Janganlah buang sampah merata-rata.

Nukilan: Dalilah Adriana binti Zolkifl

Dari Tasoh mudik ke kuala,
Sampai ke pantai mencari mentarang;
Amalan kebersihan perlu bermula,
Jadikan budaya dari sekarang.

Nukilan: Faiizah binti Md Arshad

Pagi-pagi giling rempah,
Untuk mengulai ayam serama;
Alam sekitar sentiasa bersih,
Itu tanggungjawab kita bersama.

Nukilan: Nur Kamilah binti Md Isa

Nyamuk ditampar melekat di dahi,
Terbang hinggap di dalam baldi;
Alam nan indah kurniaan Ilahi,
Tidak dicemar indah abadi.

Nukilan: Mohd Sharizan bin Ismail

Harum manis mangga Perlis ternama,
Ditanam, dibaja di dalam taman;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Pasti Malaysia aman lestari sepanjang zaman.

Nukilan: Faiizah binti Md Arshad

Indah purnama dari puspita,
Cantik berseri di waktu malam;
Peranan utama adalah kita,
Menyemai diri cintakan alam.

Nukilan: Nurfitriyah Jazilahwani binti Othman

Habis cuti sekolah kena balik asrama,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Noorasmawati

Sungguh indah laut diselang,
Laut diselang bersama rakan;
Mendidik generasi kasihkan alam,
Hidup lestari kita amalkan.

Nukilan: Nor Arbainah binti Abdullah

Pergi ke kota pandu kereta,
Pandu kereta bersama nyonya;
Bumi kita alam sekitar kita,
Sama-samalah kita menjaganya.

Nukilan: Mohd Shah Rizan bin Abdullah

Pergi ke kedai membeli kerisik,
Sambil mengunyah belimbing besi;
Alam dijaga biarlah cantik,
Sebagai warisan semua generasi.

Nukilan: Rosyafarid bin Shamsuddin

Berjalan di hutan memetik bunga,
Bunga dipetik cantik sekali;
Alam sekitar harus dijaga,
Agar hidup kekal harmoni.

Nukilan: Rosyafarid bin Shamsuddin

Daun selasih dibuat ulam,
Ditanam orang di tepi sumur;
Biar terjaga seluruh alam,
Negara bersih rakyat makmur.

Nukilan: Ahmad bin Bakar

Aku PJJ hidup tertekan,
Tempoh PKP COVID-19 lebih terasa;
Penjagaan alam sekitar mesti diteruskan,
Agar makhluk tidak terus terseksa.

Nukilan: Abdul Rahim bin Daros

Simpan beras di atas para,
Kalau tinggi ambillah tangga;
Jika kita sayangkan negara,
Alam sekitar sama dijaga.

Nukilan: Roslinda binti Hussin

Pohon pegaga si pohon sena,
Bersama-sama menjaga flora dan fauna.

Nukilan: Anuar bin Kasa

Sejuk terasa air telaga,
Tempat bersiram gadis sunti;
Alam sekitar perlu dijaga,
Warisan pusaka tiada ganti.

Nukilan: Zulkifli bin Ahmad

Flora dan fauna kita kekalkan,
Kebersihan persekitaran dijaga bersama,
Kelestarian alam sekitar diperkasakan,
Terpelihara warisan bergenerasi lama.

Nukilan: Zulkifli bin Ahmad

Masak lemak ulam pegaga.
Menu untuk pembuka selera;
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup aman sejahtera.

Nukilan: Azrimal Safizal bin Saidin

Melingkar ular di tepi telaga.
Alam sekitar sama dijaga.

Nukilan: Zulkifli bin Ahmad

Terbang meninggi si pipit bersiar,
Sambil berciap berdendang di taman;
Bersamalah kita terus berikhtiar,
Menjaga amanah sepanjang zaman.

Nukilan: Munauwar bin Mansor

Dongeng Hang Jebat merakam peristiwa,
Memahat sejarah hikayat lama;
Ikhhlaskan hati bersihkan jiwa,
Menjaga alam tanggungjawab bersama.

Nukilan: Munauwar bin Mansor

Menaiki kereta ke Alor Setar,
Pergi bersama baba dan nyonya;
Bersih sungguh alam sekitar,
Jika kita pakat menjaganya.

Nukilan: Mohd Azli bin Md Ali

Mendidik anak sebelum dewasa,
Umpama melentur buluh dari rebunginya;
Agar alam sekitar dipelihara sentiasa,
Ajari dia mencintai buminya.

Nukilan: Nur Hidayah binti Badri

Anak Pak Bakar memakai destar,
Bersama-sama menjaga alam sekitar.

Nukilan: Rozaimawati binti Md Rodzi

Pusaka warisan nenek moyang,
Dipinjam daripada anak cucu;
Itulah alam yang kita sayang,
Imej negara jalur dan bucu.

Nukilan: Pravin Segaran A/L Segaran

Pergi bercuti ke Pulau Manukan,
Berkelah di bawah pohon bidara;
Ayuh semua menjaga hutan,
Agar khazanahnya kekal terpelihara.

Nukilan: Norhazwan bin Norizan

Tingginya darjat ataupun nama,
Rendahkan diri dalam berkata;
Alam sekitar kita pelihara bersama,
Sebagai bekalan generasi pencinta.

Nukilan: Nur Hidayah binti Badri

Pisang sesikat di atas para,
Hidupan laut haruslah dipelihara.

Nukilan: Che Rohaida binti Ngah

Dua tiga empat dan lima,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Sabri bin Osman

Rendang pohon durian belanda,
Tongkat Ali mekar di rimba;
Walau COVID-19 sedang melanda,
Alam sekitar terus dijaga.

Nukilan: Mohd Sanip Saikhoh Bakhri bin Ahmad

Protokol Montreal nama diberi,
Bahan pemusnah ozon dikawal rapi;
Jika tuan bijak bestari,
R11 adakah digunakan lagi?

Nukilan: Shafizah bin Jaafar Basha

Belayar laksamana membawa hati,
Menyusur bersama panglima berlima;
Perlu sentiasa ingat-mengingati,
Alam sekitar tanggungjawab bersama.

Nukilan: Wan

Cantik langit berbintang terang
Cantik manusia ilmu di dada;
Alam ternoda tak mampu dilarang,
Layakkah kita jadi penghuninya?

Nukilan: Amminatul

PENCEMARAN

Dari Abdullah bin Masúd r.a, ia berkata, Rasulullah SAW bersabda,

“Barangsiapa membaca satu huruf dari Kitab Allah (Al-Qur’an), maka ia akan memperoleh pahala satu amal kebajikan, dan pahala satu amal kebajikan dilipatkan sepuluh kali. Saya tidak mengatakan bahwa Alif-lam-mim itu satu huruf, tetapi alif adalah satu huruf, lam adalah satu huruf, dan mim juga satu huruf.” (Hadits Riwayat At-Tirmidzi dan Al-Darimi. Menurut At-Tirmidzi hadits ini hasan sahih)

LARA SANG ALAM

Dulu,
Bunga-bunga mekar mewangi
Harum baunya menusuk kalbu
Rama-rama berterbangan riang
Berwarna-warni menyinari taman
Bekejar-kejaran ikan di sungai
Bersama sang udang dan juga ketam
Indahnya alam ciptaan Tuhan
Hidup harmoni tiada kekangan

Kini,
Tiada lagi kudengar kicauan burung
Nyanyian cengkerik juga semakin sepi
Awan gemawan berarak lesu
Sang suria kian hilang serinya
Betapa, alam semakin sedih
Semakin pedih
Lukanya tiada yang tahu

Rakusnya manusia kala ini
Biarkan bukit menjadi dataran
Kejamnya manusia pada alam
Biarkan pepohon menyembah bumi
Tiada lagi dedaunan kehijauan
Menyambut aku tatkala melewati susur jalanan

Peritnya..... Sakitnya.....
Tiada yang fahami
Tiada yang simpati
Tiada yang peduli

Di mana keadilan?
Masihkah pada dada kertas?
Di manakah kemanusiaan?
Masihkah lena diulit mimpi?

Bangunlah semua!
Pertahankan alam kita
Untuk bekalan generasi muda
Agar dapat mereka hidu bauan yang segar
Dari rimbunan rimba yang megah
Tiada yang rebah

-Rozeiman-

Makan nasi ulam berpucuk pegaga,
Duduk bersimpuh di sebelah balkoni,
Alam sekitar perlu dijaga,
Agar hidup sentiasa harmoni

Nukilan: Fadli

Bercincin suasa indah di jari
Tampaknya sirna di balik jerami
Ozon penapis selaran matahari
Memberi manfaat makhluk di bumi

Nukilan: Wan

Hadirnya ilham tanpa diundang
Menitip syahdu di kota lama
Alam menghirau saujana memandang
Mengekalkannya tanggungjawab bersama

Nukilan: Bahagian Udara

Protokol Montreal nama diberi
Bahan pemusnah ozon dikawal rapi
Jawapan saya dari hati ke hati
R11 CFC tidak digunakan lagi

Nukilan: Bahagian Udara

Indah sungguh Pulau Tioman,
Rasa damai waktu dinihari;
Bersama kita hentikan pencemaran,
Dengan amalkan gaya hidup lestari.

Nukilan: Noorazehan binti Baharum

Pergi ke kedai membeli bawal,
Bawal dibeli di kedai Myanmar;
Tumpahan minyak perlu dikawal,
Semoga laut tidak tercemar.

Nukilan: Hadijah binti Ali

Pergi bersiar bersama teman,
Taman tasik jadi pilihan;
Menjaga sungai jadikan amalan,
Sungai bersih tiada pencemaran.

Nukilan: Norasma binti Ahmad Fadzil

Menyelam melihat hidupan marin,
Pasang dan surut mengikut waktu;
Kekalkan kejernihan elakkan pencemaran,
Kesinambungan generasi anak dan cucu.

Nukilan: Mohammad Firdaus bin Ismail

Pergi ke Temerloh singgahlah di Maran,
Sayangi sungai hentikanlah pencemaran.

Nukilan: Siti Sarah binti Mansha

Sungguh enak buah tembikai,
Tembikai dituai di tepi perigi;
Jangan kita cemari pantai,
Kelak nanti kita yang rugi.

Nukilan: Shafariza binti Shamsudin

Memasang joran tepi pelantar,
Dapat jahan dan juga kelisa;
Isu pencemaran alam sekitar,
Buat pendedahan di media massa.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Burung undan di atas genting,
Lihat sekitaran barang sebentar;
Teknologi moden amat penting,
Kurangkan pencemaran alam sekitar.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Bermain gitar di pohon tamar,
Letak di peha sebelum bermula;
Alam sekitar yang semakin tercemar,
Perlukan usaha pemulihan semula.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Terbang mendatar burung camar,
Burung merak di tepi pinggir;
Alam sekitar semakin tercemar,
Ada pihak melakukan pencemaran.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Kuih keria dan juga kasui,
Bawa ke bandar sukalah benar;
Setiap manusia perlu ketahui,
Alam sekitar semakin tercemar.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Kaki terikat si burung camar,
Di atas dahan pokok kencana;
Makin meningkat alam sekitar tercemar,
Mengikut pertambahan bilangan pengguna.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Anak bulan indah mempesona,
Selalu terungkap dalam ingatan;
Hindari plastik sekali guna,
Selamatkan penyu dalam lautan,

Nukilan: Nurul Syazreen bin Razali

Hidup bangsa perlu berteras,
Agar insan jadi perwira;
Sudah masa tindakan tegas,
Kepada pencemar air negara.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Anak jiran mencari teman,
Ke sana sini berlari-lari;
Punca pencemaran masih berterusan,
Perasaan tamak menguasai diri.

Nukilan: Nur Shafikkha binti Misnan

Anak merpati mencari teman,
Bertemu tidak masih mencari;
Punca pencemaran masih berterusan,
Perasaan tamak menguasai diri.

Nukilan: Azlin binti Ahmad

Kembang mekar bunga Rafflesia,
Alam tercemar angkara manusia.

Nukilan: Abdullah bin Mat Noh

Pergi ke sungai hendak memancing,
Bencana alam semakin meruncing.

Nukilan: Abdullah bin Mat Noh

Indahnya alam ciptaan Tuhan,
Tumbuhan segar penyeri alam;
Sisa buangan jangan dibiarkan,
Kelak merana bumi terancam.

Nukilan: Farah Nadiah binti Mohd Noor

Sesama hormat huluskan salam,
Usah sombong berlagak hairan;
Bumi hijau impian alam,
Jangan dikotori dengan pencemaran.

Nukilan: Farah Nadiah binti Mohd Noor

Teknologi hibrid menanam manggis,
Menanam manggis tangan pun penat;
Hati runsing bumi menangis,
Pencemaran alam semakin tenat.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Sorong papan tarik papan,
Jalan si dara menyeberang titi;
Tenang alam tanpa pencemaran,
Rakyat harmoni hidup berkualiti.

Nukilan: Hazrina binti Salleh

Dari Kuantan singgah di Kemaman,
Ramai orang berjalan-jalan;
Menjaga sungai jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Arshad bin Ismail

Pergi berkelah di Tanjung Dawai,
Membawa bekalan kuih dangai;
Efluen diolah patuhi piawai,
Sebelum dialirkan ke dalam sungai

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Sampan dimudik menongkah arus,
Elakkan lalu jeram di belakang,
Buangan toksik hendaklah diurus,
Pelupusan haram tidak berulang.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Buang sampah merata-rata,
Tolong jaga bumi kita.

Nukilan: Rosmorni binti Yaa'ioab

Menjaga alam sekitar kepentingan bersama,
Pencemaran berlaku di mana-mana;
Sudah termaktub dalam agama,
Mencegah kemungkaran sehingga terlaksana.

Nukilan: Norhaslinda binti Husein @ Yusof

Pergi ke muzium bersama teman,
Muzium padi tempat pilihan;
Menjaga sungai menjadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Sopiah binti Abdul Hamid

Pergi ke pekan bersama teman,
Warung Pak Man jadi pilihan;
Menjaga kebersihan jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Mohd Jasmin bin Alias

Menjaga alam sekitar kepentingan bersama,
Pencemaran berlaku di mana-mana;
Sudah termaktub dalam agama,
Mencegah kemungkaran sehingga terlaksana.

Nukilan: Norhaslinda binti Husein@Yusof

Bunga di taman hendak dilamar,
Hendak dilamar bunga yang kembang;
Pastikan laut tidak tercemar,
Demi generasi yang akan datang.

Nukilan: Normahyuni binti Muhammad

Dua tiga kucing berlari,
Manakan sama si kucing belang;
Pencemaran alam harus dihindari,
Kelak merana generasi mendatang.

Nukilan: Noor Huda binti Mohd Yusof

Terang malam kerana bulan,
Hangat siang kerana matahari;
Indahnya alam ciptaan Tuhan,
Mengapa biarkan ia dicemari.

Nukilan: Zarina binti Abu

Cahaya terang jaluran murni,
Suram di hutan pepohonnya banyak;
Alam dibendung selamat dihuni,
Jangan lautan tercemar minyak.

Nukilan: Norsidah binti Taib

Pergi bercuti bersama teman,
Masjid Putrajaya menjadi pilihan;
Sayangi sungai jadi amalan,
Pastikan tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Zaidi Mohamed@Awang

Cenderawasih terbang di awan,
Singgah mandi di tepi kolam;
Marilah kita wahai kawan,
Jauhi pencemaran semesta alam.

Nukilan: Mazleen binti Othman

Mendaki gunung sangatlah penat,
Gunung didaki berhari-hari;
Pencemaran alam semakin tenat,
Mengapakah kita masih tidak menyedari.

Nukilan: Aini Azmah binti Ahmad

Ke sana ke sini,
Rap PM yang terkini;
Sungai jangan dicemari,
Loji terhenti susah nanti.

Nukilan: Maz Izuan bin Mohamad

Kayu cengal kayu jati,
Tempat persinggahan burung kenari;
Jangan biarkan sungai kita mati,
Dek kerana kita cemari.

Nukilan: Suria Maziha binti Muhamed

Biawak bersidai sambil berangan,
Menikmati mentari sangat selesa;
Sungai dan parit dicemar jangan,
Agar bekalan air terpelihara sentiasa.

Nukilan: Norazlina binti Abdul Aziz

Sungai Lenggong jernih airnya,
Lubuk sebarau mencari makan;
Alam ini warisan kita,
Harus dipulih dicemar jangan.

Nukilan: Muhammad Fitri bin Soroni

Camar terbang pulang ke Klang,
Lalu sekawan amatlah indah;
Pencemar alam jangan dijulang,
Pewaris pilu sesal tak sudah.

Nukilan: Noor Mohd Emran bin Abu Hassan

Perahu lalu kiambang bertaut,
Anak sembilang membawa diri;
Denda dan penjara memang patut,
Pencemar alam jenayah bersiri.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Kalau roboh Kota Melaka,
Papan di Jawa hamba dirikan;
Kalau pencemaran seluruh negara,
Tiada lagi alam lestari dapat diwariskan.

Nukilan: Nor Azlee bin Kasmin

Pergi berjalan janji dengan teman,
Pulau Langkawi pula menjadi pilihan;
Menjaga alam sekitar perlu dijadikan amalan,
Agar dapat kita bendung segala pencemaran.

Nukilan: Faezah binti Mohd Omar

Anak kelah tersangkut dijala,
Buat salah kena penjara.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Pergi ke kota bersama teman,
Kota Tinggi jadi pilihan;
Menjaga bumi jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Nur Diyana binti Kamarudin

BPN dan BSH bantuan kerajaan,
Untuk golongan yang sepatutnya ini;
Janganlah kita ambil kesempatan,
Membuat pembuangan di sana sini.

Nukilan: Mohd Hanizan bin Daud

Cantik indahnya Pulau Perhentian,
Cantik juga Pulau Rawa;
Patuhi peraturan elakkan pencemaran,
Alam bersih hidup sejahtera.

Nukilan: Zalina binti Abdullah

Zapin bertingkah di Simpang Lima,
Lepas haruan sepat dicita;
Pemimpin dan rakyat bekerjasama,
Bebas pencemaran tujuan kita.

Nukilan: Suratman bin Pardi

Malam yang indah diterangi bulan,
Suasana hening menjadi kegemaran;
Menjaga sungai menjadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Muhammad Husaini bin Abd Kadir

Di kala senja menantikan malam,
Sebelum tiba keluarnya mentari;
Janganlah kita mencemarkan alam
Kelak menyesal di kemudian hari.

Nukilan: Muhammad Husaini bin Abd Kadir



Pergi ke bandar bersama teman,
Johor Bahru tempat pilihan;
Mengawal alam sekitar jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Muhammad Zarif bin Ismail

Duduk di rumah menteri dah saran,
Kerana PKP dilaksanakan kini;
Jangan dibiarkan berlaku pencemaran,
Supaya hidup kekal harmoni.

Nukilan: Muhammad Husaini bin Abd Kadir

Duduk di rumah senang-lenang
Tempoh PKP belum tamat;
Pencemaran alam jangan dibuat sewenang-wenang,
Barulah hidup aman dan selamat.

Nukilan: Mohamad Najmi bin Mohamad Rasidi

Bunga sakura warnanya putih,
Jatuh sekuntum di atas cawan;
Kekadang kita dicemari asap putih,
Patutkah kita buat aduan?

Nukilan: Che Mahamud bin Ismail

Terbang merpati sekawan bersama,
Mencari makan tidak sia-sia;
Udara dihirup walaupun percuma,
Hentikan pencemaran hargailah ia.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Pakaian basah kering di jemuran,
Pakaian sopan buat tatapan;
Hindarilah sungai daripada pencemaran,
Air dialir nadi kehidupan.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Kusangka nanas di tengah padang,
Rupanya pandan yang berduri;
Kusangka asap dari jerami bendang,
Rupanya asap dari ekzos lori.

Nukilan: Muniff bin Mat Rus

Mendaki gunung menuruni paya,
Ketenangan dicari di depan mata;
Buangan terjadual sangat merbahaya,
Jika tercemar bersediakah kita?

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Udang harimau udang kara,
Kurangkan plastik lautan terpelihara.

Nukilan: Mohd Firdaus bin Samsudin

Anak punai anak merbah,
Terbang turun buat sarang;
Air sungai sudah berubah,
Pencemaran alam haruslah dikekang.

Nukilan: Noraini binti Abd Razak

Buah-buahan tempatan enak dimakan,
Rupanya indah dipandang mata;
Janganlah kita membuat pencemaran,
Kelak binasa bumi kita.

Nukilan: Azliyatun Saadiah binti Ibrahim

Pergi ke bandar bersama teman,
Bandar Ipoh tempat pilihan;
Menjaga alam jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran

Nukilan: Azahari bin Mat

Terbang tinggi si burung pelikan,
Jatuh terpanah di tengah laman;
Menjaga sungai dijadikan amalan,
Supaya pencemaran dapat dielakkan.

Nukilan: Rosmaliza binti Ali

Sebelum tidur kita bercerita,
Jangan cemari sungai kita.

Nukilan: Wan Mohd Fardley bin Wan Dollah

Air minum jangan dituang,
Boleh disimpan di dalam peti;
Sisa toksik jangan dibuang,
Air beracun ikan pun mati.

Nukilan: Ahmad Nazeri

Air dituang terpercik ke mata,
Mengambil tisu di dalam kereta;
Sampah dibuang merata-rata,
Itukah ajaran untuk anak-anak kita?

Nukilan: Norsyariah Gesly

Budak-budak memancing di tasik,
Untung nasib dapat si ikan toman;
Sana sini buang sisa toksik,
Kelak nyawa jadi ancaman.

Nukilan: Azeni binti Abd Rahman

Anak haruan mencari teman,
Bertemu tidak masih mencari;
Punca pencemaran masih berterusan,
Perasaan tamak menguasai diri.

Nukilan: Noor Azizah binti Ismail

Negeri Melaka pelancong suka jalan-jalan,
Banyak muzium dibuka tempat pameran;
Menjaga sungai menjadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Mazlan bin Ali

Pergi berlayar bersama teman,
Pulau dicari bernama Undan;
Menjaga sungai jadikan amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran

Nukilan: Mohd Rahmad bin Abdul Wahab

Musim COVID duduk di rumah,
Tiada pencemaran alhamdulillah.

Nukilan: Mohd Noor Hakim bin Ibrahim

Tumpang berteduh di pohon kurma,
Lintas seekor sang kura-kura;
Kita dapat secara percuma,
Sila jangan cemarkan udara.

Nukilan: Salina binti Amir

COVID-19 menyerang dunia,
Wabak terhebat membunuh manusia;
Hentikan pencemaran daripada berleluasa,
Agar generasi seterusnya tidak merana.

Nukilan: Sivanathiran a/l Subramaniam

Pohon cemara di hujung kali,
Tinggi menghijau ke awan biru;
Buat pencemaran jangan sekali,
Inilah harapan Malaysia baharu.

Nukilan: Shazly bin Ab Rahim

Pergi ke denai bersama teman,
Kota Paris tempat pilihan;
Menjaga alam menjadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Hisham bin Busin

Virus Corona dahsyat sekali,
Wabak membunuh di sana sini;
Segera hentikan pencemaran di bumi,
Moga Allah sentiasa melindungi.

Nukilan: Aspalela binti Mohammad Hussin

Berjalan-jalan di tepi taman,
Berjalan bersama dengan teman;
Hutan dijaga, dibakar jangan,
Agar tidak berlaku pencemaran

Nukilan: Siti Nafhatun Huwaina binti Mat Rashid

Hujung minggu tenangnya rasa,
Jalan-jalan pergi ke kota;
Janganlah kita membuang sisa,
Kelak rosak seluruh semesta.

Nukilan: Wan Nurfarzana binti Wan Mazlan

Jalan-jalan bersama teman,
Singgah sebentar di Kota Aman;
Menjaga sungai jadi amalan,
Supaya tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Ahmad Nazri bin Mohamad

Tumbuh merimbun pohon akasia,
Jadi singahan si burung nuri;
Tercemar sungai kerana manusia,
Sifat tamak dan pentingkan diri.

Nukilan: Saiful Hizam bin Mohamad Shaer

Pergi berjalan bersama teman,
Bersama teman pergi ke taman;
Menjaga sungai menjadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Norazila binti Mohd Rahman

Dari Miri ke Tanah Rata,
Jangan cemari sungai kita.

Nukilan: Mohd Najib Ismawi bin Long Jaafar

Dari Bangi ke Pendamaran,
Ayuh kita tangani pencemaran.

Nukilan: Azizah binti Mohamed

Pergi ke kedai bersama Pak Tam,
Jauhi daripada mengeluarkan asap hitam.

Nukilan: Mohammed Rizal bin Mohd.Kamal

Coronavirus semakin menular,
Sampai bila rakyat boleh bertahan;
Kita mesti jaga alam sekitar,
Supaya boleh elakkan pencemaran.

Nukilan: Nurzira binti Ramly

Kembang mekar bunga Rafflesia,
Alam tercemar angkara manusia,

Nukilan: Norshaniza Izani binti Rahimi

Masuk rumah pintu belakang,
Jangan buang minyak ke dalam longkang.

Nukilan: Norhayana binti Mohammad Fikri

Tengok melihat si ekor mata,
Cantik bagai seorang ratu;
Alam dinoda di depan mata,
Sanggupkah kita melihat begitu?

Nukilan: Rosyafarid bin shamsuddin

Pencemaran alam sekitar mengundang kegundahan,
Perubahan iklim mewujudkan kerisauan;
Perilaku manusia membawa kemusnahan,
Jika tidak dibendung maka dunia hilang keindahan.

Nukilan: Nor Faizah binti Baharuddin

Udara, air, tanah dan lautan,
Sumber utama asas kehidupan;
Jagalah ia elakkan pencemaran,
Kelak rugi terancam kehidupan.

Nukilan: Masdalina Shyrry binti Rosman

Perintah kawalan masih berkuat kuasa,
Bersama kita mematuhi arahan;
Jangan biarkan pencemaran berleluasa,
Demi mengejar pembangunan murahan.

Nukilan: Mohd Fauzi bin Mahmud

Sungai Kim-Kim tercemar sudah,
Banyak penyakit datang menjengah;
Operasi kilang haram perlu dicegah,
Agar semua mendapat faedah.

Nukilan: Siti Aishah binti Abd Wahid

Stesen kami di Bau, Kuching,
Objektif dan fungsi amatlah penting;
Air tanah juga mudah terdedah,
Punca pencemaran ikut guna tanah.

Nukilan: Norlynnsion Sedan Sission

Gunung Daik jauh di sana,
Hendak didaki hingga ke hulu;
Alam yang indah usah dinoda,
Kelak hidup sesal dan pilu.

Nukilan: Al Hafiz bin Che Harun

Empat purnama tak makan tauhu,
Teringin rasanya nak minum soya;
Pentingnya air tanah tak siapa tahu,
Kalau dicemari dilanda bahaya.

Nukilan: Norlynnsion Sedan Sission

Kajang Pak Malau kajang berlipat,
Kajang patik menumpang lalu;
Jangan buang sampah merata tempat,
Sentiasa amalkan kebersihan selalu.

Nukilan: Shamshudin bin Serah

Kajang Pak Malau kajang berlipat,
Kajang patik menumpang lalu;
Jangan buang sampah merata tempat,
Sentiasa amalkan kebersihan selalu.

Nukilan: Fathuddin bin Mohd Abbas

Pergi ke tasik bersama rakan,
Niat di hati memancing ikan;
Kebersihan alam jadi keutamaan,
Agar terhindar daripada pencemaran.

Nukilan: Charlie Anak Sibab

Menjaga alam sekitar satu ibadah,
Pekerjaan mulia di sisi agama;
Marilah kita sama-sama cegah,
Segala pencemaran menyalahi akta.

Nukilan: Zuraini binti Kerya

Sungai Klang lagaknya murung,
Disinari bulan di waktu malam;
Ketika PKP manusia berkurung,
Itulah tangan mencemar alam.

Nukilan: Zuraini binti Ahmad Tajudin

Musim COVID-19 masih perlu bekerja,
Atas arahan Encik Amar;
Wahai manusia wahai pekerja,
Peliharalah sungai daripada tercemar.

Nukilan: Hapsah binti Mohamad

Di musim PKP mencuba pelbagai resepi,
Terlihat di newsfeed resepi mi wantan,
Banyak kilang diarah henti operasi,
Asbab melepaskan air buangan tanpa rawatan.

Nukilan: Hapsah binti Mohamad

Bahaya COVID mengancam dunia,
Arahan PKP kerajaan tetapkan;
Masih tak puas dunia teraniaya,
Pencemaran masih hendak dilakukan.

Nukilan: Mohd Azali bin Mohamed

Jangan ke sana jangan ke sini,
Itu nasihat Perdana Menteri;
Jika sungai terus dicemari,
Apa yang tinggal untuk bakal generasi.

Nukilan: Hapsah binti Mohamad

Dua tiga kucing berlari,
Kawal pencemaran alam sekitar lestari

Nukilan: Luqman bin Baharudin

Menjelang 2020 COVID merbahaya,
Laksana dunia hampir kiamat;
Akibat tamak dunia teraniaya,
Pencemaran kerosakan bila akan tamat.

Nukilan: Mohd Azali bin Mohamed

Pergi beramai-ramai memancing ikan,
Naik perahu ke Balik Pulau;
Walaupun dalam tempoh kawalan pergerakan,
Pencemaran alam sekitar tetap dipantau.

Nukilan: Ahmad Suhaimi bin Ishak



Pasar sehari di muara sungai,
Tempat nelayan menjual tangkapan;
Elakkan diri mencemar sungai,
Air bersih membina kehidupan.

Nukilan: Nadzatul Naddiah binti Mustapa Kamal

Kayu jati bertimbal jalan,
Turun angin patahlah dahan;
Sungai yang bersih dicemar jangan,
Menjadi habitat banyak hidupan.

Nukilan: Mohd Ridzuan bin Zainal

Stop pollution,
Is the best solution.

Nukilan: Ummi Nadzirah binti Sanusi

Hasil laut menjadi pilihan,
Untuk santapan seisi keluarga;
Pencemaran alam bukan pilihan,
Membentuk kehidupan generasi seterusnya.

Nukilan: Nadzatul Naddiah binti Mustapa Kamal

Berwarna hitam namanya arang,
Panas sekali itulah api;
Buang sampah jangan sembarang,
Kelak nanti merosakkan bumi.

Nukilan: Nur Liyana binti Othman

Buah lonjong buah blewah,
Buah berbulu buah rambutan;
Kalau hantar anak ke sekolah,
Jangan buang sampah sembarangan.

Nukilan: Mohd Khir bin Abas

Terbatuk-batuk ganggu pernafasan,
Akibat kesan berlaku pencemaran.

Nukilan: Mohammad

Buah pauh buah keras,
Pencemaran udara harus dibenteras.

Nukilan: Mohammad

Tanam jagung di tepi parit,
Pohon sena dipinggir kolam;
Bumi merintih sakit dan perit,
Manusia durjana mencemarkan alam.

Nukilan: Nor Ismahani binti Mohd Ismail

Sambal kepah dicampurkan petai,
Kuah tercair bahana terleka;
Buang sampah bukan di sungai,
Tercemar air senegara binasa.

Nukilan: Norazna binti Md Razak

Tiap lebaran ada ketupat,
Dimakan bersama teman-teman;
Katanya anda pejabat,
tetap membuang sampah sembarangan.

Nukilan: Mujahid bin Mohd Azhar

Kalau bersumpah biarlah nyata,
Jangan buang sampah merata-rata.

Nukilan: Zubaidah binti Bukhari

Terang malam kerana bulan,
Pucuk paku delima batu;
Indah alam ciptaan Tuhan,
Kemusnahan berlaku kenapa begitu.

Nukilan: Mujahid bin Mohd Azhar

Singgah sebentar ke Pasar Tani,
Hendak membeli buah kuini;
Cegah pencemaran di sana di sini,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Che Mohd Azhar bin Che Md Nor

Tersimpul malu si pengantin baru,
Duduk bersanding di atas kayangan;
Berjabat tangan berganding bahu,
Supaya alam sekitar bebas pencemaran.

Nukilan: Maisarah binti Mohd Nor

Tasik Kenyir di Kuala Berang,
Tempat tumpuan ramai orang;
Virus COVID-19 datang menyerang,
Pencemaran udara amatlah kurang.

Nukilan: Mohd Norli bin Abdullah

Ciptaan Tuhan seluas alam,
Indah pandangan memukau mata;
Pencemaran bukan lumrahnya alam,
Pencemaran kerana mengejar harta.

Nukilan: Zuraini binti Mohd Sinin

Naik perahu kolek ke hulu,
Bawa sekali si anak beruang;
Jangan kita bertindak melulu,
Haruslah berfikir sebelum buang.

Nukilan: Maisarah binti Mohd Nor

Buah ciku di dalam perahu,
Buah mangga di luar pagar;
Bersama-sama berganding bahu,
Membanteras pencemaran alam sekitar.

Nukilan: Mohd Shaharpi bin Mohd Zin

PKP dipatuhi di musim Corona,
Setiap pergerakan sentiasa diawasi;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Semoga pencemaran dapat diatasi.

Nukilan: Marlina binti Mamat

Berbuka puasa dengan buah tamar,
Sayangi sungai janganlah dicemar.

Nukilan: Norlafifah binti Ramli

Makan nasi bersama ulam,
Dihidang dengan kari sembilang;
Hindari sikap mencemari alam,
Negara bersih rakyat cemerlang.

Nukilan: Norazma binti Zainuddin

Bersinar bintang di waktu malam,
Duduk bersantai di depan laman;
Hentikan segera pencemaran alam,
Selesa hidup sepanjang zaman.

Nukilan: Nor Haslinda binti Hasim

Tuai padi nampak seberang,
Nyaman terasa tenang mata;
Sisa industri dibuang sewenang,
Kelak binasa alam semesta.

Nukilan: Wan Nur Fadzlina binti Wan Md Najib

Pergi memancing bawa bekalan,
Bungkus plastik bukan pilihan;
Menjaga sungai jadikan amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Muhamad Firdaus bin Mohd Aseri

Sarapan pagi makan roti,
Nasi lemak jangan dilupakan;
Jangan ingat kami bercuti,
Efluen tanpa rawat jangan dilepaskan.

Nukilan: Norhidayu binti Madsa

Pantai Damai senjanya menawan,
Sungai Miri pantainya putih;
Membersihkan pantai ajaklah kawan,
Tanpa sisa plastik lautku bersih.

Nukilan: Gwendolyne Christopher

SUNGAI DAN LAUTAN

Dari Abu Musa r.a., katanya:

Ada sebuah rumah terbakar di Madinah pada suatu malam ketika penghuninya tidur. Keadaan itu diceritakan orang kepada Rasulullah SAW. Beliau berkata: “Api ini musuh kamu. Kalau kamu tidur padamkanlah” (Bukhari)

SUNGAI

Dari atas pergunungan,
Menahan sakit melawan tanah,
Dipukul batu dipukul kayu,
Mencari-cari jalan penyudah,
Tak senang nak bertemu lautan,
Sentiasa diuji namun nampak tenang,
Tak hanya tenang namun turut mendamaikan,
Hati yang dengar mata yang lihat,

Aliranmu sejuk, suci lagi berbakti,
Kepada pepohon sekitar kau mejadi keperluan,
Kering layu tanpa kehadiranmu,
Kehausan si raja hutan, unggas dan rakyat Sulaiman,
Menyerah dirimu jadi hirupan penghilang dahaga untuk meneruskan
hidup,

Sayang,
Dirimu diperlaku tak selayaknya,
Manusia berakal tidak di kepala,
Mengejar kemahuan kehidupan, meminggir kesucianmu,
Kau dinoda sesuka hati, warnamu yang putih jernih, kualiti mu yang
kelas satu,
Dicemar effluen industri, dirosak pembangunan tak bervisi,
Yang rosak perlu dipulihara, jangan lagi menangis,
Mereka sedar dan sedang berusaha, mereka boleh,

Kalau tidak...
Masakan Tuhan menjadikan manusia itu khalifah.

Alinshahana Jas Melaka

Makan tapai bersama teman,
Di kedai mamak di hujung pekan;
Menjaga sungai jadikan amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Rosni binti Ismail

Rama-rama terbang berkeliaran,
Jatuh di rumput dilangar kereta;
Mari bersama jaga perairan,
Sungai dan laut khazanah kita.

Nukilan: Rosni binti Ismail

Sambil bercerita sembang santai,
Bersama adik di dalam kamar;
Marilah kita menjaga pantai,
Agar indah tidak tercemar.

Nukilan: Rosni binti Ismail

Bangun pagi pergi perigi,
Kain basahan lupa dibawa;
Tiga hari tak makan bolehlah lagi,
Tiga hari tak minum putuslah nyawa.

Nukilan: Mastawa bin Hj Zainudin

Duduk di rumah COVID-19 dihindari,
Demi menjaga kesihatan diri;
Sungai anugerah daripada Ilahi,
Hendaklah dijaga tidak dicemari.

Nukilan: Amaluzzaman bin Muhammad

Pergi memancing kuat berangan,
Harapan hasil ikan sembilang;
Air sungai dicemari jangan,
Khuatir pupus segalanya hilang.

Nukilan: Mastawa bin Hj Zainudin

Pisang sesikat di atas para,
Hidupan laut haruslah dipelihara.

Nukilan: Che Rohaida binti Ngah

Bulan terang sinari malam,
Mengiringi nelayan kemudi sampan;
Air bersih khazanah alam,
Sumber makanan nadi kehidupan

Nukilan: Mastawa bin Hj Zainudin

Ali dan Abu pergi ke surau,
Bulan dipandang tenang fikiran;
Jagalah sungai jadikan amalan,
Agar bebas daripada pencemaran.

Nukilan: Noorlida binti Abd.Malik

Pergi ke pasar mencari dangai,
Singgah di sungai mengail tongsan;
Hindari sifat cemari sungai,
Agar menjadi warisan insan.

Nukilan: Khairul Nizam bin Samsuri

Ikan tenggiri si ikan laut,
Menjadi idaman Pak Tamin;
Jadilah insan hargai laut,
Agar kelestariannya terjamin.

Nukilan: Khairul Nizam bin Samsuri

Daun bersepah menutupi denai,
Dari dahan pokok akasia;
Buangan sampah di sungai-sungai,
Juga penggunaan baja kimia.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Pisang kapas dibuat salai,
Sedapnya kerepek pisang tanduk;
Janganlah kita selalu lalai,
Kelak air tak dapat disenduk.

Nukilan: Azhar bin Saran

Dari Mukah pergi ke Belaga,
Singgah sebentar mencari palu;
Kalau pak cik masih guna air telaga,
Pantau standard air minum selalu.

Nukilan: Zaharil Anuar bin Arshad

Memakai sampin dan juga semutar,
Pergi ke sekolah berkaca mata;
Laksanakan kempen alam sekitar,
Seperti cintailah sungai kita.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Dari kampung balik ke kota,
Jaga kebersihan sungai kita.

Nukilan: Rosmanyah binti Abdul Rahman

Pergi ke taman mencari rama-rama,
Sayangi sungai tanggungjawab bersama.

Nukilan: Abdullah bin Mat Noh

Gundah memikirkan nasib si gajah,
Gajah di hutan di tembak arjuna;
Kualiti air bertukar wajah,
Menjadi keruh akibat durjana.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Sungai yang jernih dikenang-kenang,
Airnya tenang di Sungai Kuala;
Radio yang rosak dibuang jangan,
Bersama kita mengitar semula.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Mentari menyinar di balik kamar,
Kamar beradu di makan anai-anai;
Tercalit khilaf akibat tercemar,
Toksik dibuang ke dalam sungai.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Hutan diredah mencari biri-biri,
Biri-biri menghilang rasa tercabar;
Alam tercedera kekhilafan sendiri,
Sungai Kim Kim menjadi iktibar.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Belayar ilmu di laut dalam,
Didiklah diri mencintai air dan alam.

Nukilan: Nuha binti Mohd Fadhlullah

Makan nasi ulam petai,
Janganlah kita cemarkan sungai.

Nukilan: Norimie binti Muhd Zah

Bumi indah milik kita,
Sama pelihara kita jaga;
Jangan cemari sungai kita,
Hutan subur kekal terpelihara.

Nukilan: Noriah binti Abdullah

Malam sunyi terang bulan,
Mari memetik si daun damar;
Menjaga sungai jadikan amalan,
Alam indah tidak tercemar.

Nukilan: Mohamad Azlan bin Sabtu

Pergi menyelam di dalam laut,
Pergi menyelam di laut China;
Kita perlu menjaga laut,
Agar khazanahnya terpelihara.

Nukilan: Norzana Wati binti Sahat

Pergi ke pekan bersama teman,
Pekan Kota Tinggi menjadi pilihan;
Menjaga sungai menjadi amalan,
Agar tidak menjadi pencemaran.

Nukilan: Norieza binti Abd Manap

Sungai mengalir lesu dan pilu,
Punca lohong pijar berbau;
Ke mana menghilang ceria dahulu,
Seolah berbohong tanpa malu.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Kilang membangun sangatlah cepat,
Petanda bagus ekonomi negara;
Buangan effluen ikutlah standard,
Agar selamat perairan kita.

Nukilan: Mohd Paizal bin Pathil



Burung pipit si burung camar,
Jagalah sungai daripada tercemar.

Nukilan: Mohd Redhwan bin Rahiman

Menuju ke Finland mencari aurora,
Sayangilah sungai kita agar sentiasa terpelihara.

Nukilan: Muhammad Khalid bin Mohd Kamarudin

Tong sampah letak merata,
Untuk kegunaan kita bersama;
Jagalah kebersihan sungai kita,
Kelak generasi muda dapat rasa.

Nukilan: Azlan bin Mohamad

Seronok menanam pokok bidara,
Buahnya bulat berbucu-bucu;
Keindahan sungai khazanah negara,
Kekalkan begitu untuk anak cucu.

Nukilan: Inizarosalwani binti Ideris

Tepuk tangan beramai-ramai,
Naik kereta hendak ke mana;
Jaga tasik jaga sungai,
Air kotor kita merana.

Nukilan: Mohd Yunus bin Abu Bakar

Adik manis dipanggil mama,
Sungai kita tanggungjawab bersama.

Nukilan: Suzamzarina binti Sulong

Indah nian si rama-rama,
Terbang jauh mencari bunga;
Menjaga sungai tanggungjawab bersama,
Agar khazanahnya sentiasa terpelihara.

Nukilan: Nur Aimi binti Jalil

Pergi melancong ke Kota Melaka,
Terbanglah terbang si rama-rama;
Luas perjalanan hati pun suka,
Kelestarian sungai keprihatinan bersama.

Nukilan: Abd Halim bin Abd Ghani

Indahnya malam memandang bulan,
Sejuk sekali air di kali;
Menjaga sungai jadikan amalan,
Agar keindahan alam terus dinikmati.

Nukilan: Junaidah binti Hussin

Pergi memancing di Tasik Bera,
Dapat ikan berkati-kati;
Kelestarian sungai kita pelihara,
Agar kehidupan sentiasa diberkati.

Nukilan: Abd Halim bin Abd Ghani

Berbuka puasa dengan buah tamar,
Jagalah sungai jangan tercemar.

Nukilan: Dalilah Adriana binti Zolkifli

Indah purnama dari puspita,
Cantik berseri di waktu malam;
Manjaga sungai jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Josri Brahim

Pergi ke kedai beli bunga kenanga,
Buat haruman untuk mandian diri;
Menjaga sungai tanggungjawab bersama,
Agar bumi sentiasa aman harmoni.

Nukilan: Wan Rohaiza binti Ab Kadir

Si dara berkebun menanam selasih,
Melihat panglima dalam bahtera;
Sungai jernih udara bersih,
Hidup rakyat sihat sejahtera.

Nukilan: Rosly Seman

Pelbagai punca berlakunya pencemaran,
Sungai tercemar asbab tingginya beban pencemaran;
Bersama kita mematuhi peraturan dan akta pencemaran,
Melestarikan sungai tanggungjawab warga yang budiman.

Nukilan: Mohd Azli bin Md Yunos

Pisang masak di atas para,
Sungai bersih bumi terpelihara.

Nukilan: Suhaila binti Ariffin

Dari Sungai Lembing ke Kuala Lumpur,
Menyambung kasih puteriku jelita;
Sungai kelihatan kotor berlumpur,
Tanggungjawab semua rakyat jelata.

Nukilan: Muhamad Nadyrul Hafiz bin Md Nawi

Hidup pokok kerana cahaya,
Hidup ikan kerana air;
Kalau kehidupan ingin sempurna,
Hargai sungai sampai ke akhir.

Nukilan: Mohammad Izwan bin Mohammad Aminuddin

Sungai tercemar kerana campur tangan manusia,
Aktiviti antropogenik dalam revolusi industri;
Melestarikan sungai hendaklah dilindungi selamanya,
Bagi menjamin pemuliharaan ekologi.

Nukilan: Norhafidah binti Abu

Gunung ledang tinggi puncaknya,
Menjadi tarikan alam buana;
Jika sungai selalu teraniaya,
Sumber kehidupan akan binasa.

Nukilan: Mohammad Izwan bin Mohammad Aminuddin

Tegur orang dengan lidah,
Tak nak dengar dek hati keras;
Sungai dijadikan kolam sampah,
Hutan tempat sisa dilepas.

Nukilan: Nurul Aini binti Mohd Razalli

Sedapnya si anak makan dadih,
Selongkar periuk tak siapa sedari;
Dahulu keruh sekarang jernih,
Industri tutup tak ada operasi.

Nukilan: Siti Shahira binti Ismail

Pergi ke Kundasang bersama teman,
Negeri Di Bawah Bayu negeri pilihan;
Memelihara sungai jadi amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran

Nukilan: Chai Hsieh Nee

Indah dilihat pohon tamar,
Jangan dibiarkan sungai tercemar.

Nukilan: Sharifah binti Shaari

Pulang bekerja di waktu malam,
Ditemani sinar bulan purnama;
Sungai indah khazanah alam,
Marilah kita pelihara bersama.

Nukilan: Marlia binti Muhd Baduri

Buah bidara di tepi muara,
Sungai terpelihara kehidupan sejahtera.

Nukilan: Mohd Azli bin Ali

Sungai Klang habitatnya sepi,
Merentas ia dua negeri;
Airnya jernih tika PKP,
Apakah pengajaran yang dapat dicari?

Nukilan: Zuraini binti Ahmad Tajudin

Bersantap mangga bercicah lada,
Manisnya mangga tidak terkira;
Jangan dipersiapkan sungai yang ada,
Sumber air negara tiada gantinya.

Nukilan: Nor Liza binti Yen

Hujan lebat turun di bumi,
Air sungai bersih tidak bertakung lagi.

Nukilan: Tusiah binti Mohd Yusop

Sulaman suasa indahnyanya permata,
Disarung manis indah di mata;
Sungai bersih idaman jelata,
Bila agaknya boleh jadi nyata?

Nukilan: Nor Liza binti Yen

Ke pasar tani membeli ceri,
Buahnya ranum sedap rasanya;
Sungai cantik kurniaan Ilahi,
Sama-samalah kita menjaganya.

Nukilan: Rozaimi binti Mat Zin

Pergi berkelah di tepi tasik,
Sambil melihat bonda menyulam;
Jangan dibuang sisa toksik,
Nescaya terganggu kesucian alam.

Nukilan: Bahagian Udara

Malaysia kita negara bersih,
Industri berkembang di sana sini;
Patuhilah standard Udara Bersih,
Jadikan amalan sepanjang operasi.

Nukilan: Bahagian Udara

Pergi ke kedai membeli ubi,
Ubi dibeli cantik sekali;
Jagalah alam jagalah bumi,
Agar hidup sentiasa harmoni.

Nukilan: Bahagian Udara

BUMI

Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata,

“Telah bersabda Rasulullah SAW:

Tidak boleh iri hati kecuali dalam dua hal, seseorang yang diberi oleh Allah Taala harta kekayaan maka dipergunakan untuk mempertahankan Al-Haqq (kebenaran), dan seseorang yang diberi oleh Allah hikmat/ilmu, maka ia mempergunakan dan mengajarkannya.” (HR Bukhari-Muslim)

BUMI

Lihat di atas sana,
Langit biru kita masih ada,
Awan putih masih sudi menemani,
Burung tidak segan berterbangan,
Hadirkan ketenangan buat yang memerhati.

Beda sungguh rakannya si bumi,
Merintih sayu meratapi takdir,
Rakus dinoda dan terus diperkosa,
Dek kapitalisme dan ketamakan haloba.

Apakah masih ada,
Jiwa-jiwa yang masih cinta?
Akal budi yang masih suci?
Akan masa hadapan yang lebih bererti,
Buat bumi yang sedang merintih,
serta langit yang kian sepi.

Bahaya apa yang bisa menanti,
Jika terus tidak peduli,
Lantaran jiwa tidak memahami,
Bumi dan langit milik insani.

Bumi dan Langit Milik Insani

MASK
JAS Johor

Lima empat tiga dan dua,
Bumi ini semakin tua.

Nukilan: Sabri bin Osman

Sinar mentari di pagi hari,
Alam sekitar anugerah Ilahi;
Pupuk diri bumi berseri,
Menjadi amalan anak pribumi.

Nukilan: Kaniz Begum binti Abdul Rahman

Azam bersama sehidup semati,
Takdir Allah berpisah jua;
Cintai alam semat di hati,
Bumi hijau perlu dijaga.

Nukilan: Sabri bin Osman

Hebat bekerja siang dan malam,
Hasil dikutip di sini sana;
Tamakkan harta bergadaai alam,
Bumi binasa semua merana.

Nukilan: Abdul Aziz bin Abdul Razak

Pergi ke kedai membeli sumi,
Naik basikal di waktu malam;
Jika tidak menjaga bumi,
Nanti datang bencana alam.

Nukilan: Maizatul binti Akmal Ahmad

Suasana kampung aman sejahtera,
Subur mekar si bunga dahlia;
Bumi dijaga tanggungjawab bersama,
Agar generasi hidup terpelihara.

Nukilan: Roimah binti Dollah

Dua tiga kucing berlari,
Mana nak sama si kucing belang;
Jika tidak menjaga bumi,
Nanti bencana alam akan datang.

Nukilan: Siti Noorziani Aida binti Mohd Pauzi

Pergi ke kedai membeli kari,
Kari dijual oleh Adam;
Jika tidak menjaga bumi,
Nanti tiba bencana alam.

Nukilan: Mohd Sajidiyusri bin Salehan

Duduk di laman disapa bayu,
Ingin dibersihkan laman nan indah;
Jangan dibakar daun yang layu,
Kelak dikompaun menangis tak sudah.

Nukilan: Razatul Aini binti Razlan

Hendak dicabut batang jerami,
Tersilap ambil bersama daun;
Selamat menyambut Hari Bumi,
Tanggal 22 April setiap tahun.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Sayang di dara mencari selasih,
Dibuat halwa santapan terbuka;
Kalau sayang udara yang bersih,
Jauhi api elakkan pembakaran terbuka.

Nukilan: Razatul Aini binti Razlan

Burung kedidi terbang ke muara,
Semoga bumi hijau kekal terpelihara.

Nukilan: Shahanim binti Hashim

Anak tupai di atas dahan,
Dahan dihinggap si rama-rama;
Bumi hijau ciptaan Tuhan,
Marilah menjaganya bersama-sama.

Nukilan: Rosnani binti Ahmad Kasrin

Indahnya alam ciptaan Tuhan,
Bumi hijau nyaman dan damai;
Sungai bersih hidupan aman,
Amanah Allah kita hargai.

Nukilan: Muhammad Shuhada bin Idris

Gerakan jari kurangkan bicara,
Kemas dan cantik jadi ukuran;
Hijaukan bumi bersihkan udara,
Pengurusan baik patuhi peraturan.

Nukilan: Noor Mohd Emran bin Amir

Ikan todak makan meranggang,
Sedap tekak badan menanggung.

Nukilan: Mohamad Norhazril bin Abu Hassan

Datang berkunjung memberi salam,
Datang bersama seisi keluarga;
Wahai kawan mari lestarikan alam.
Agar bumi kita sentiasa terjaga.

Nukilan: Badlishah bin Ahmad

Orang Padang ke Sukabumi,
Berangkat dari Pulau Karam;
Jangan dibiarkan rosaknya bumi,
Kelak hilang menanti karam.

Nukilan: Azlina binti Mahmood

Tutur pujanga kata bermadah,
Diselang-seli pedoman diri;
Bersama kita menjaga bumi bertuah,
Agar tidak menyesal kemudian hari.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Niat hati ke rumah Reymi,
Pulang lewat tengah malam;
Kalau kita tak jaga bumi,
Nanti datang bencana alam.

Nukilan: R. Komalathevi Raman

Jalan-jalan ke Gunung Salak,
Jangan lupa mencari perigi;
Jikalau bumi kita rosak,
Pasti kita yang akan rugi.

Nukilan: Mohd Hasri bin Paino

Pembangunan mampan pembangunan lestari,
Moto dipamerkan pelaris jualan;
Pembangunan sebenar adalah realiti,
Bumi ditarah tanpa ihsan.

Nukilan: Rosli bin Abdul Manaf

Nasi lemak buah bidara,
Bekalan nelayan di atas sampan;
Bumi kita perlu dipelihara,
Untuk generasi masa hadapan.

Nukilan: Mohamed Nasir bin Mohamed Ali

Bersama nyonya pergi ke pekan,
Pergi ke pekan membeli pandan;
Syukur hijau bumi kurniaan Tuhan,
Ayuh khalifah kita jaga demi generasi hadapan.

Nukilan: Saiful Amri bin Efendi

Pabila alam sudah penat,
Kini tiba masanya tenat;
Virus COVID-19 beri akibat,
Kini bumi diberi rehat.

Nukilan: Syed Zulkifly bin Syed Zainal Abidin

Patah tumbuh hilang berganti,
Tidak akan sembuh bumi kalau tidak diubahi.

Nukilan: Noraini binti Abd Razak

Pohon manggis, pohon berangan,
Buahnya enak tiada tandingan;
Bumi hanya tempat tumpangan,
Jagalah ia demi kelangsungan.

Nukilan: Mohd Syukri bin Abu Hasan

Waktu PKP perut makin berlapis,
Apabila suruh diet asyik kata tak apa;
Lapisan ozon dah makin tipis,
Bumi makin panas nak salah siapa?

Nukilan: Norafiza binti Halim

Memukat ayam di waktu malam,
Masak gulai pakai santan;
Ozon sihat bumi tersenyum,
Sebagai warisan masa hadapan.

Nukilan: Mohd Hilmi bin Razali@Ramli

Indah malam tanpa pelita,
Duduk bersimpuh bersama kanda;
Sayangi bumi anugerah Pencipta,
Menjadi warisan generasi muda.

Nukilan: Nor Hasnita binti Othman

Sungguh indah sinar mentari,
Terbias cahayanya di hujung jari;
Pembangunan biarlah secara lestari,
Agar bumi terselamat dicemari.

Nukilan: Mohamad Shabir bin Said

Duduk di rumah selamatkan diri,
Daripada terkena penyakit misteri;
Kini bumi bukan lagi lestari,
Kerana manusia berpenyakit pentingkan diri.

Nukilan: Shaiful Bakri bin Shamsuddin

Bertenggek nuri di atas dahan,
Memandang langit merindu bulan;
Bumi ini hanyalah persinggahan,
Janganlah kita hancur leburkan.

Nukilan: Mohamad Safuan bin Md. Sanuar

Makcik Kiah sudah senang hati,
Dapat duit saguhati campur pencen suami;
Ayuh kita kerah tenaga berbakti,
Bersatu hati menyelamatkan bumi.

Nukilan: Shaiful Bakri bin Shamsuddin

Sungai Rajang dikelilingi hutan,
Banyak khazanah terdapat di dalamnya;
Bumi telanjang kehabisan hutan,
Bencana mendatang kitalah mangsanya.

Nukilan: Zailawati binti Mukhtar

Mentari keluar di pagi hari,
Cahaya terang indah sekali;
Hijau bumi nampak berseri,
Itulah kurniaan daripada Ilahi.

Nukilan: Mardzukee bin Ismail

Pase pelito alik tepi tanggo,
Lakoh kokse tebakar kain;
Bumi kito pakat samo jago,
Kalu tokse gih duk planet lain.

Nukilan: Nur Ayuni binti Mohd Sabri

Pecah kaca terbelah dua,
Cerana diletakkan di atas riba;
Bumi kita semakin tua,
Bencana alam berkunjung tiba.

Nukilan: Suhailani binti Salleh

Pergi ke surau bersolat Jumaat,
Singgah sebentar di sana sini;
Ayuh sedar sekalian umat,
Rosak bumi angkara penghuni.

Nukilan: Suriana binti Fauzi

Solat malam penyuci jiwa,
Kita manusia insan biasa;
Jangan kita mengambil lewa,
Tabiat takpa bumi binasa.

Nukilan: Tengku Noriah binti Tengku Yusoff

Anak ayam anak itik,
Anak kucing anak angsa;
Bumi dipelihara supaya cantik,
Agar hidup menjadi bahagia.

Nukilan: Zamri bin Zahari

Malaysia negaraku gagah,
Berbilang bangsa asal turunan;
Pelihara bumi satu ibadah,
Sentiasa segar buat warisan.

Nukilan: Amat Bustam bin Addelan

Air terjun mengalir deras,
Airnya jernih segar terasa;
Bumi Allah terbentang luas,
Menjaganya tanggungjawab bersama

Nukilan: Dzuriyati Noor binti Yaakub

Buah langsung buah rambutan,
Sungguh rasanya manis-manis masam;
Jagalah bumi ciptaan Tuhan,
Supaya terpelihara khazanah alam.

Nukilan: Nor Hasnita binti Abu Bakar

Ramai orang suka makan mi,
Untuk hidangan waktu malam;
Jika tidak menjaga bumi,
Nanti datang bencana alam.

Nukilan: Mohd Asri bin Ramli

Budak-budak memang lasak,
Sudah matang baru berubah;
Bumi yang indah jangan dirosak,
Membawa padah menyesal tak sudah.

Nukilan: Haslinda binti Mohd Amin

Musim PKP semua ibarat digari,
Keluarga sentiasa bersama di sisi;
Bumi terpelihara semakin cantik berseri,
Semoga menjadi ikutan setiap generasi.

Nukilan: Zazuraini binti Zolzaini

Anak teruna menjemur jerami,
Anak gadis menenun kain;
Janganlah bumi kita zalimi,
Kerana bumi tiada yang lain.

Nukilan: Nor'Izzah binti Sutires

Cahaya Antares menyinari malam,
Pengubat rindu sebelum terlena;
Tugas khalifah memakmurkan alam,
Diciptakan Allah penuh sempurna.

Nukilan: Mohd Zaimi bin Ismail

Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali;
Bumi dijaga bukan dibinasa,
Baru mampan lagi lestari.

Nukilan: Kalsom binti Ismail

Daerah Rompin kekal terpelihara,
Sempadan dengan daerah Pekan;
Bumi hijau harus dipelihara,
Anugerah terindah ciptaan Tuhan.

Nukilan: Mohd Jamali bin Abd Majid

Buah mangga rasanya masam,
Baru dibeli di Pekan Cina;
Ayuh semua lestarikan alam,
Agar bumi sentiasa terpelihara.

Nukilan: Mohd Shahrizan bin Md Ludin

Segarkan diri mandi di perigi,
Airnya jernih nyaman tidak berkata;
Tanggungjawab utama ada dalam diri,
Semoga terpelihara bumi tercinta.

Nukilan: Yahya bin Abdullah

Anak kecil belajar Rumi,
Tanda berkawan dengan bersalam;
Jika kita tidak menjaga bumi,
Nanti akan datang bencana alam.

Nukilan: Salmiawaty binti Kong Ya

Tekat bersulam benang suasa,
Sulaman halus si tuan puteri;
Janganlah kita membuang sisa,
Agar buana kekal berseri.

Nukilan: Syakirah binti Hashim

Manis sopan si anak dara,
Pekerti mulia tinggi adabnya;
Habis lautan diteroka isinya,
Bumi hiba perbuatan manusia.

Nukilan: Nurhidayah binti Zainal Abidin

Pelepasan efluen dan juga asap,
Pembakaran terbuka masih berleluasa;
Tidak bertanggungjawab buruknya sikap,
Sayangi alam bumi terpelihara.

Nukilan: Maidatul Noora binti Abd Wahab

Naik sampan pergi memancing
Bencana alam semakin meruncing

Nukilan: Hafishoh binti Md Isa

Dalam rancak kemajuan bumi;
Manusia lupa apa yang dicari,
Rancangan pembangunan tanpa kompromi,
Supaya bumi kita kembali berseri.

Nukilan: Nur Hidayah binti Badri

COVID-19 datang melanda,
Sama-sama kita duduk di rumah;
Menjaga alam sekitar tanggungjawab di dada,
Agar bumi selamat dan tidak musnah.

Nukilan: Donna Francisca Sibidol

Ibu memasak anak pun makan,
Makanan berkhasiat badan sihat;
Alam bumi ciptaan Tuhan,
Dipelihara demi zaman akhirat.

Nukilan: Liew Shuk Huey

Air pasang dalam surut pukul lima,
Nona bangun pagi siram pokok bunga;
Jagalah bumi bersama-sama,
Untuk generasi anak cucu kita.

Nukilan: Fathuddin bin Mohd Abba

Cantik sungguh batu permata,
Diikat dengan emas suasa;
Cintai dan sayangilah bumi kita,
Agar hidup aman sentosa.

Nukilan: Ismarini Kartini binti Rusli

Dua tiga kucing menari,
Manakan sama si kucing belang;
Jika leka melukai bumi,
Senang hilang bencana datang.

Nukilan: Rafidah binti Mohamad Annuar

Pak Pandir minta dimanja,
Mak Mandir ketawa lucu;
Bumi ini pinjaman sahaja,
Warisan kita untuk anak cucu.

Nukilan: Shirley Alik

Anak kucing berlari-lari,
Lari dikejar si anak Bajau;
Alam sekitar kita lestari,
Agar bumi tetap menghijau.

Nukilan: Hisham bin Saruji

Burung merpati terbang di angkasa,
Jatuh ke tanah dilontar batu;
Bumi ternoda rosak binasa,
Masakan kita biarkan begitu?

Nukilan: Mohd Ridzuan bin Zainal

Harum semerbak bunga melati,
Tersemat di sanggul jadi hiasan;
Bumi ini tiada pengganti,
Kekalkan indahnya buat warisan.

Nukilan: Ameza binti Resat@Ibrahim

Rutin bumi sentiasa berputar,
Tanpa resah dan bosan;
Sejahteranya alam sekitar,
Sejahteralah insan.

Nukilan: Mohd Shukri bin Noh

Cengkerik bunyinya krik-krik,
Sering bersuara terang bulan;
Yuk kita hemat listrik,
Untuk bumi di masa depan.

Nukilan: Hasinur Rasydan bin Hasim

Dua tiga kucing berlari,
Manakan sama si kucing belang;
Jika kita menjaga bumi,
Hidup kita menjadi tenang.

Nukilan: Suhairi bin Abu Bakar

Buah duku buah rambutan,
Rasanya manis asam;
Jaga bumi jaga hutan,
Supaya lestari alam.

Nukilan: Mohd Hazari bin Abd Hamid

Tegak pasak paku berputar,
Bertahan lama tali jerami;
Pencemaran merosakkan alam sekitar,
Mari bersama sayangi bumi.

Nukilan: Arshad bin Ismail

Operasi asap dua kali seminggu,
Menahan lori di atas jalan;
Sampai bila harus menunggu,
Ekosistem bumi sudah tidak dipedulikan.

Nukilan: Mohd Shahady bin Saleh

Teruna dara keluar menari,
Menari hingga ke pagi hari;
Indahnya sang mentari,
Menyinari bumi lestari.

Nukilan: Syafini binti Ismail

Hangat bercinta Julie dan Rumi,
Sentiasa terkenang siang dan malam;
Jika tidak menjaga bumi,
Nanti datang bencana alam.

Nukilan: Muhamad Firdaus bin Mohd Aseri

Berbuat baik kepada bumi,
Niat baik seluruh alam;
Jika tidak menjaga bumi,
Akan datang bencana Alam.

Nukilan: Mohd Zaidi bin Hassan

Mana hilang tepak budaya,
Cindai berseri tetap tak tiba;
Mana tiang tegak serinya,
Andai bumi meratap hiba?

Nukilan: Wan Khairuldin bin Wan Ismail

Buah tarap buah kalapa,
Buah-buahan tempatan enak dimakan;
Bumi hijau harus dijaga,
Anugerah terindah ciptaan Tuhan.

Nukilan: Yuskhairi bin Abdul Rahman

Indah luas suasana hutan,
Hijau alam semulajadi;
Sungai mengalir tanpa kotoran,
Bumi hijau harus disayangi

Nukilan: Wan Na'ima binti Wan Nawang

Indah nian alam di desa,
Anak ikan menari-nari;
Danau dan alam harus dijaga,
Rawatlah alam kekalkan lestari.

Nukilan: Wan Na'ima binti Wan Nawang

UDARA

Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata,

“Telah bersabda Rasulullah SAW:

Tidak boleh iri hati kecuali dalam dua hal, seseorang yang diberi oleh Allah Taala harta kekayaan maka dipergunakan untuk mempertahankan Al-Haqq (kebenaran), dan seseorang yang diberi oleh Allah hikmat/ilmu, maka ia mempergunakan dan mengajarkannya.” (HR Bukhari-Muslim)

MELIHAT KE LANGIT BELAGA

Hidup ini seperti mendaki gunung,
Harus bersusah payah terlebih dahulu,
Melihat awan kabus menyelimuti,
Hanyut dalam perasaan damai,

Bersama pokok-pokok hijau menutupi
Sekadar renungan buat rakan sahabat,
Agar tidak leka menjaga anugerah duniawi,
Selama masih diberi umur yang panjang,
Rezeki melimpah alam luas tidak bertepi
Alam adalah guru sejati,

Yang mengajar seribu erti,
Lihat dunia dan kita belajar menghargai,

Pada akhirnya akan menemui damai dihati
Jika kita renungkan dengan mendalam,
Dalam setiap senja bertemu kasihNya,
Jangan biarkan alam menjadi bimbang,
Sentiasa beringat dan berpulang pada alam

*Abdul Mazli Hafiz Abdul Malik
JAS Sarawak*

Umbut pisang batang keladi,
Dimasak asam ketika kenduri;
Pembakaran terbuka mesti di jauhi,
Agar udara bersih dapat dinikmati.

Nukilan: Mohd Faisal bin Alias

Mencari ilham di pinggir kali,
Kali yang bersih di kampung saga;
Pembakaran terbuka jangan sekali,
Patuhi undang-undang alam terjaga.

Nukilan: Rosfaruzzah binti Rosali

Pisang emas masak seguni,
Enak digoreng pisang abu;
Sungguh nikmat udara kini,
Apabila tidak adanya jerebu.

Nukilan: Azhar bin Saran

Bumi Malaysia warisan kita,
Terbentang luas hutan tropika;
Jangan dibuat pembakaran terbuka,
Nanti jerebu satu Malaysia.

Nukilan: Mohd Naim bin Ismail

Duduk di rumah kawal pergerakan,
Makan mi udang di waktu petang;
Pembakaran terbuka jangan dilakukan,
Kelak mengundang jerebu datang.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Khinzir tunggal meratap kesepian,
Biawak memerang berendam gembira;
Bersama mencegah kebakaran hutan,
Nescaya terpelihara kualiti udara.

Nukilan: Khairul Anuar

Berjalan-jalan ke kedai membeli cuka,
Janganlah buat pembakaran terbuka.

Nukilan: Ahmad Shafie bin Rahman

Mengalir jernih air di kali,
Dihiasi indah pokok meranti;
Pembakaran terbuka jangan sesekali,
Udara bersih terus kita nikmati.

Nukilan: Mohd Amin bin Ghazali

Naik basikal pergi ke pasar,
Di awal pagi udaranya segar;
Janganlah asyik suka membakar,
Jiran terganggu udara tercemar.

Nukilan: Mohd Mustafa Kamal bin Ramli

Jangan menjadi perokok yang tegar,
Asapnya penyumbang kepada pencemaran;
Jika kita mahu udara yang segar,
Janganlah kita melakukan pembakaran.

Nukilan: Mohd Faiz bin Mohd Aris

Pohon beringin tumbuh berakar,
Waktu lening jangan bakar.

Nukilan: Mohamad Zubir bin Ibrahim

Sungguh indah hidup berjiran,
Saling bertegur jalin persahabatan;
Jangan dibuat aktiviti pembakaran,
Mengganggu kehidupan dan juga kejiranan.

Nukilan: Jaida binti Ramlee

Menghirup udara di tepi tasik,
Nafas disusun nikmat terasa;
Alam dijaga akan terlihat cantik,
Udara yang bersih dapat terpelihara.

Nukilan: Raja Norasman Hanif bin Raja Nahar

Saya sayang ibu saya,
Ayah saya sayang saya;
Bakar hutan mengundang bahaya,
Hapus musnah alam yang kaya.

Nukilan: Mohd Khairil Ezham bin Zakaria

Berpantun sambil berseloka,
Mari kita mencegah pembakaran terbuka.

Nukilan: Asni Ismazila binti Md Ismail

Dari Melaka ke Kuala Kubu,
Pembakaran terbuka dendanya dua ribu.

Nukilan: Zulfadzli bin Zakaria

Mari berpantun sambil berseloka,
Jangan lakukan pembakaran terbuka.

Nukilan: Asni Ismazila binti Md Ismail

Makan roti dengan seri kaya,
Jangan lakukan pembakaran terbuka.

Nukilan: Johaimin bin Johari

Indah sungguh Pantai Paka,
Pengantin baru sayang berkasih;
Jangan membuat pembakaran terbuka,
Agar udara sentiasa bersih.

Nukilan: Yusrul hafiz bin Mohd Yusof

Bakar sate guna arang,
Pembakaran terbuka adalah dilarang.

Nukilan: Siti Mariyam binti Md Isa

Paku pakis tumbuhnya di paya,
Cantik dihias di dalam taman;
Pembakaran terbuka mengundang bahaya,
Merosakkan nyawa dan juga tanaman,

Nukilan: Rizal bin Osman

Pergi ke kedai membeli cuka,
Singgah sebentar di gerai laksa;
Jangan lakukan pembakaran terbuka,
Udara tercemar kita terseksa.

Nukilan: Wan Mohd Fardley bin Wan Dollah

Kalau tuan ke Alor Setar,
Jangan lupa ke Pekan Rabu;
Jagalah hutan jangan dibakar,
Nanti hidu asap jerebu.

Nukilan: Noor Aishah binti Arshad

Kasim menanam pokok bunga,
Pokok bunga akarnya reput;
Musim panas telah menjelma,
Elakkan pembakaran di tanah gambut.

Nukilan: Salwani binti Salleh

Sungguh cantik ikan haruan,
Berenang-renang di kolam taman;
Pembakaran terbuka dibuat jangan,
Kelak merana kena saman.

Nukilan: Isman bin Ismail

Pokok balak siap ditanam,
Kiri dan kanan semuanya hutan;
Pemaju perunding kenalah faham,
Elakkan melakukan pembakaran.

Nukilan: Saebon bin Idris

Hari perintah kawalan pergerakan,
Duduk di rumah perintah kerajaan;
Amalan pembakaran harus dielakkan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Kamasuahadi bin Yasin

Lipat baju sehelai sehelai,
Udara bersih amat bernilai.

Nukilan: Shahlana binti Abd Aziz

Pergi bercuti di Genting Sempah,
Singgah makan di Pekan Kinta;
Jangan kita membakar sampah,
Nanti rosak alam sekitar kita.

Nukilan: Kamasuahadi bin Yasin



Musim COVID-19 semua berjaga,
Elak membuat pembakaran terbuka.

Nukilan: Muhammad Faqhrur Ar Razzi bin Rahman

Anak sungai airnya biru,
Pembakaran terbuka menyebabkan jerebu.

Nukilan: Zainoorliza binti Zainal Abidin

Musim wabak sedang melanda,
Duduk di rumah jangan ingkar,
Jangan melakukan pembakaran terbuka,
Bersama kita jaga alam sekitar.

Nukilan: Nor Ashikin binti Yaacob

Mendaki bukit dengan Pak Musa,
Udara yang bersih nyamannya rasa.

Nukilan: Julianah binti Dulaidi

Seroja biru tumbuh melata,
Anak serindit terbang berpasangan;
'Say no' pada pembakaran terbuka,
Untuk kesejahteraan dan kesihatan.

Nukilan: Nisah binti Muhammad

Cik Kiah ke kedai naik kereta,
Singgah di taman untuk berehat;
Janganlah kita bakar merata,
Udara kotor rakyat tak sihat.

Nukilan: Wan Nurfarzana binti Wan Mazlan

Nasihat saya kepada tuan,
Tidak melakukan pembakaran;
Jaga persekitaran jadikan amalan,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Noorafnizam bin Elias

Kalau pergi ke Jalan TAR,
Jangan lupa pakai topeng muka;
Pelihara alam sekitar,
Elakkan pembakaran terbuka.

Nukilan: Rosmawati binti Mamat

Anak kera mencari kutu,
Mencari kutu di tempat terbuka;
Marilah kita saling membantu,
Hentikan pembakaran terbuka.

Nukilan: Siti Hawa binti Mustafa

Hari cerah langit membiru,
Burung berkicau berlagu merdu;
Udara bersih tiada lagi jerebu,
Alam terpelihara hingga anak cucu.

Nukilan: Siti Zulekha binti Nawi@Muhammad

Duduk bersebang di tepi pagar,
Udara bersih sangatlah segar.

Nukilan: Abd Razak bin Mahmud

Pisang emas dibawa belayar,
Masak sebiji di atas peti;
Pembakaran terbuka yang dibiar,
Hanya menambah sakitnya bumi.

Nukilan: Jamel bin Ismail

Cari resipi nak masak pengat,
Untuk hidangan juadah terbuka;
Hendaklah kita sentiasa beringat,
Jangan membuat pembakaran terbuka.

Nukilan: Masnona binti Abdul Aziz

Bercucuk tanam menambah keuntungan,
Amalan pembakaran tidak menyihatkan;
Pembakaran terbuka bukan penyelesaian,
Udara bersih kita kongsi.

Nukilan: Rosli bin Zul

Angin bertiup nyiur melambai,
Dingin pagi menyentuh kasuma;
Kualiti udara jangan diabai,
Nilainya tinggi diberi percuma.

Nukilan: Mohammad Izwan bin Mohammad Aminuddin

Beli maruku di pekan Lahat,
Udara bersih minda sihat.

Nukilan: Mat Saad bin Abdullah

Merenung anak penuh kasih,
Tiada asap hitam udara pun bersih.

Nukilan: Mohammed Rizal bin Mohd.Kamal

Semak samun lalang berkibar,
Rumput yang cantik jangan dibakar.

Nukilan: Shahrul bin Zakaria

Masa musim PKP,
Kena duduk di rumah,
Elak diri daripada ditangkap,
Jangan bakar sampah.

Nukilan: Nur Kamilah binti Md Isa

Pergi ke kedai beli sawi,
Udara bersih senang hati.

Nukilan: Muhamad Amirsyarifuddin

Dahan meranti hinggap pekaka,
Terbang sari pohon sena;
Harus dielak pembakaran terbuka,
Udara bersih nyaman suasana.

Nukilan: Zulkifli bin Ahmad

Masak ikan bersama cuka,
Jangan lakukan pembakaran terbuka.

Nukilan: Faisal bin Abdul Rahman

Hari-hari minum cuka,
Jangan lakukan pembakaran terbuka.

Nukilan: Nazri bin Rejab

Jangan buat pembakar terbuka,
Nanti kita hidup rasa terseksa.

Nukilan: Mohd. Sharil bin Samsudin

Virus Corona datang menyerang,
Panic buying jangan diamal;
Open burning adalah dilarang,
Kebersihan bersama harus diamal.

Nukilan: Hasmadi bin Osman

Pergi ke pasar membeli ikan,
Membeli ikan bersama Cik Zara;
Pembakaran terbuka usah dilakukan,
Agar alam sekitar sentiasa terpelihara.

Nukilan: Hafsa binti Mohamad Ali

Berjalan-jalan di dalam taman,
Niat di hati memetik bunga;
Langit yang biru janganlah dicemarkan,
Dengan aktiviti pembakaran terbuka.

Nukilan: Nur Azura binti Sait

Beg lama kasut baru,
Pembakaran terbuka akibatnya jerebu.

Nukilan: Hamidah binti Samsudin

Tanam padi biarlah rapat-rapat,
Supaya puyuh tak dapat lari;
Jangan buang sampah merata tempat,
Supaya udara bersih setiap hari

Nukilan: Hanita binti Abdullah

JAS SibU hanya bertujuh,
Satu bunga enam kumbang;
Musim sekarang bukan tengkujuh,
Open burning jangan disumbang.

Nukilan: Nur Hazrizan binti Safie

Pembakaran terbuka membawa jerebu,
Sering berlaku di musim panas;
Marilah kita gempur bersepadu,
Dakwa penjenayah di bawah AKAS.

Nukilan: Zuraini binti Kerya

How are you and good morning,
Please don't do open burning.

Nukilan: Ahmad Saifful

Johan setia indah permai,
Tanahnya subur hasil tani lumayan;
Wahai petani yang bijak pandai,
Pembakaran terbuka jangan diamalkan.

Nukilan: Zuraini binti Ahmad Tajudin

Kalau takut COVID-19,
Jangan keluar suka-suka;
Kalau kita rakyat prihatin,
Jangan membuat pembakaran terbuka.

Nukilan: Yusimahtul Azreeni binti Mohamad Iddrus

Udara segar tak boleh hirup,
Virus Corona dari kelawar;
Generasi akan datang susah nak hidup,
Kerana tiada sumber habis keluar.

Nukilan: Mohd Azali bin Mohamed

Tingkah manusia menyebabkan kerosakan,
Menganggap api kecil tidak berbahaya;
Kalau terjadi kebakaran hutan,
Sudah pasti habis sumber daya.

Nukilan: Shainini binti Awaluddin

Si bapa bakar jerami di waktu malam,
Haluan menuju ke lalang dalam;
Si anak muda kurang faham,
Habislah keadaan menjadi kelam.

Nukilan: Shainini binti Awaluddin

Pisang emas dibawa belayar,
Buah cempedak di luar pagar;
Bersama kita menjaga alam sekitar,
Supaya udara menjadi segar.

Nukilan: Laini Mastura binti Ahmad



Buah mempelam buah mangga,
Dipetik disimpan di dalam raga;
Jangan lakukan pembakaran terbuka,
Akan menyebabkan pencemaran udara.

Nukilan: Haslinda binti Mohd Yatim

Ikan pari ikan tuka,
Cintailah udara kita.

Nukilan: Mohammad

Bukit Beruntung Bukit Tagar,
Jangan kita suka-suka bakar.

Nukilan: Mohammad

Johan setia selalu terbakar,
Dari jauh dah nampak asap;
Jangan dibakar hutan belukar,
Keluar kompaun baru nak insap.

Nukilan: Mohd Shahady bin Saleh

Pemeriksaan premis jadi sasaran,
Bersama kita kekalkan kesegaran.

Nukilan: Mohammad

Pergi kenduri ke rumah Kak Pah,
Kak Pah kahwin anaknya Qaseh,
Janganlah kita membakar sampah,
Supaya udara sentiasa bersih.

Nukilan: Muhammad Faizal bin Mat Noor

Pandemik COVID-19 diberi nama,
Kian rakus menjarah manusia;
Udara bersih keselesaan bersama,
Kelestarian alam jangan disia-sia.

Nukilan: Muhamad Hanif bin Maarof

Aduan rakyat rancangan kini,
Karam Singh pula sebagai pengacara;
Nampak pembakaran di sana dan sini,
Hendaklah mengadu kepada pihak berkuasa.

Nukilan: Sharil bin Che Ismail

Hutan dibakar gambut membara,
Kepulan asap bebas merata;
Hutan dianugerahkan untuk dijaga,
Bukan untuk jadi isu hangat semata.

Nukilan: Sharil bin Che Ismail

Badut pandai membuat jenaka,
Buat jenaka menjadi kegemaran;
Jangan membuat pembakaran terbuka,
Agar tidak berlaku pencemaran.

Nukilan: Zarifah binti Mohamad Yusof

Bancuh getah bersama cuka,
Dibeli peraih harga subsidi;
Ayuh cegah pembakaran terbuka,
Negara bersih pelancong pun puji.

Nukilan: Muhammad Zaini bin Sharudin

Pergi ke Besut membeli lokan,
Lokan dimakan dengan cuka;
Musim PKP hadkan pergerakan,
Jangan pula buat pembakaran terbuka.

Nukilan: Hasra Masrifah binti Wan Jusoh@Ab. Rahim

Surah Al-Dukhan sering kali dibaca,
Kisah kepulan asap yang sangat digeruni;
Pencemaran sungai dan pembakaran terbuka,
Menjadi matlamat kami untuk ditangani.

Nukilan: Yusnalis binti Yusoff

Petang-petang ke rumah Pak Baba,
Hantar kuih untuk terbuka;
Musim panas telah tiba,
Jangan lakukan pembakaran terbuka.

Nukilan: Nafisah binti Harun

Rumah kayu rumah pusaka,
Tiang seribu agar tidak bergegar;
Usah amalkan pembakaran terbuka,
Tiada jerebu udara pun segar.

Nukilan: Azlira Shahidah binti Safii

Waktu PKP duduk di rumah,
Duduk di rumah bersama keluarga;
Rakyat jelata akur perintah,
Tidak membuat pembakaran terbuka.

Nukilan: Hariz bin Muhammad Yunus

Bosan di rumah pergi ke pekan,
Ditangkap polis ingkar arahan;
Pembakaran terbuka harus dihentikan,
Udara bersih menjadi pilihan.

Nukilan: Sufirman bin Mohd Saude

Dua tiga lori bergerak,
Mana nak sama yang enjin hibrid;
Petrol dan diesel boleh dicari,
Jagalah udara bersih anugerah Ilahi.

Nukilan: Mohd Fadzli bin Abu Masroh

Makan buah bidara,
Jagalah udara;
Kalau tak huru hara,
Jangan kata JAS tak jaga.

Nukilan: Mohd Zamah Sari bin Ahmad@Mahmood

Bunga mawar si bunga cempaka,
Jadi ratapan ketika nestapa;
Sampah dibakar secara terbuka,
Tiada kesedaran bahaya menimpa.

Nukilan: Wan Nur Fadzlina binti Wan Md Najib

Pergi ke kota, jumpa Pak Bakar,
Sampah-sampah di rumah, janganlah dibakar.

Nukilan: Mohd Radzi bin Mawi

Segar indah mawar di laman,
Dipetik orang dibawa ke pekan;
Rakyat Malaysia yang budiman,
Pembakaran terbuka mohon hentikan.

Nukilan: Nor Liza binti Yen

PENGUATKUASAAN

Abdullah bin Mas'ud r.a. berkata,

“Telah bersabda Rasulullah SAW:

Tidak boleh iri hati kecuali dalam dua hal, seseorang yang diberi oleh Allah Taala harta kekayaan maka dipergunakan untuk mempertahankan Al-Haqq (kebenaran), dan seseorang yang diberi oleh Allah hikmat/ilmu, maka ia mempergunakan dan mengajarkannya.” (HR Bukhari-Muslim)

CATATAN SI PENJAGA ALAM SI BAJU HIJAU

Seragam hijau itu telah kau sarungkan,
Soldadu mu hanya ada sebarisan,
Isu pembangunan, kesedaran dan penguatkuasaan,
Semuanya harus kau lunaskan,

Bertaballah wahai penjaga-penjaga alam,
Api semangatmu usahlah padam,
Kegigihan dan integriti harus kau sulam,
Pasti ada sinar selepas kelim,

Segenap pelusuk dan perusahaan engkau jelajahi,
Segala ancaman dan kepayahan kau tolak tepi,
Semoga wira wira ku terus berani,
Doa dipanjat kepada Ilahi,

Jangan berundur walau kau letih,
Bersyukurlah kau antara insan terpilih,
Menyantuni alammu agar sentiasa bersih,
Yang tercemar pasti kembali pulih,

Usah sedih dilempar kritikan,
Kerja ikhlas tak perlu puji pujian,
Disebalik kesulitan pasti muncul kefahaman,
Itulah hadiah indah sebuah pengorbanan.

*Sharifah Zakiah binti Syed Sahab
JAS Pulau Pinang*

Membeli belah bersama isteri,
Singgah di warung untuk makan;
Pengeluaran bersih oleh industri,
Langkah baik yang perlu digalakkan.

Nukilan: Shazana binti Mohd Ibrahim

Zaman PKP jangan nak merayau,
Tidak boleh keluar nanti disaman;
Saliran pembentungan perlu dipantau,
Supaya tiada yang ambil kesempatan.

Nukilan: Khairul Anuar

Musim kemarau cuaca panas,
Pegawai JAS yang jadi pemerhati;
Virus Corona kian mengganas,
RM1000.00 kompaun menanti.

Nukilan: Mohd Hilmi bin Razali@Ramli

Gelapnya malam tanpa cahaya,
Melihat si kunang-kunang terbang rapat;
Alam sekitar tanggungjawab bersama,
Ayuh premis patuhilah AKAS 1974.

Nukilan: Rosmida binti Ab Razak

Cik Kiah berniaga di bawah khemah,
Jual air jagung dan makanan;
Walaupun bekerja di rumah,
Penguatkuasaan JAS tetap dilaksanakan.

Nukilan: Zulkifli bin Tukiman

Makin banyak madu dipesan,
Makin kurang lebah di hutan;
Makin banyak ilmu penguatkuasaan,
Mengharapkan kurang berlakunya pintasan.

Nukilan: Azman bin Ali

Terima aduan melalui Whatsapp,
JAS bertindak dengan segera;
Dongak ke atas hitamnya asap,
Rupanya alat kawalan tidak diselenggara.

Nukilan: Mohd Ridhuwan bin Ramli

Stay at home jangan curangi,
Cegah COVID-19 guna sanitasi;
Hentikan pencemaran jangan ulangi,
JAS ada sentiasa mengawasi.

Nukilan: Rohaiza binti Ab Aziz

Andai dulu cuma jabatan,
Tapi sekarang ada Kementerian;
Akta diperkemas organisasi diperkasakan,
Penguatkuasaan pasti dapat ditingkatkan.

Nukilan: Mohd Rosaidi bin Yusof

Pagi-pagi menuai di sawah,
Menuai padi sekian lama;
Bumi indah Malaysia bersih,
Kerja kita pikul bersama.

Nukilan: Mazlan bin Mat Ali

Penguatkuasa JAS sangat terhad,
Tidak menghalang untuk berjuang;
Jangan berani melanggar had,
Nanti di mahkamah tak boleh bincang.

Nukilan: Rosli bin Zul

Industri tumbuh bagai cendawan,
Banyak produk terus dihasilkan;
Kawalan pencemaran perlu berkesan,
Menjamin kelestarian dalam kehidupan.

Nukilan: Rosli bin Zul

Buangan terjadual banyak cabaran,
Perlu diurus mengikut perundangan;
Label dan inventori perlu dilaksanakan,
Jangan kelak anda disaman.

Nukilan: Rosli bin Zul

Asap berkepul sangatlah kotor,
Sesak nafas kelam persekitaran;
Penyelenggaraan baik kenderaan bermotor,
Alat kawalan halang pencemaran.

Nukilan: Rosli bin Zul

Pergi ke hutan mencari buah keras,
Dibawa ke pasar untuk dijual;
Mari bersama kita membanteras,
Pelupusan haram buangan terjadual.

Nukilan: Muhamad Rizal bin Ramli

Pelupusan buangan berbahaya perlu kewangan,
Dilupus selamat di premis yang dilesenkan;
Guna pengangkut yang disenaraikan,
Pelupusan haram jangan dilaksanakan.

Nukilan: Rosli bin Zul

Pucuk pegaga dibuat ulam,
Dimakan bersama ikan semilang;
Kita bertugas siang dan malam,
Memastikan alam terus gemilang.

Nukilan: Norsalfarina binti Abd Rahim

Stay at home moga selamat,
COVID-19 perlu dihapuskan;
Akta Alam Sekitar perlu diperketat,
Agar tidak berlaku pencemaran

Nukilan: Mohd Shahreza bin Abdul Majid

Buang pencemar di malam hari,
Sehari kemudian ikan pun mati;
Berpuluh nasihat dan larangan telah JAS beri,
Semoga hukuman yang ESA kami menanti.

Nukilan: Mior Izzuddin bin Baharuddin

Jangan sesekali buat pembakaran terbuka,
Kena denda, poket berduka.

Nukilan: Sulaiman bin Mohd Tahir

Ayam jiran di atas batang,
Aduan pencemaran JAS pasti datang.

Nukilan: Mohd Jefri bin Zainuddin

Pengarah JAS Perlis namanya Azman,
Kelebihannya kalau nak tahu suka saman.

Nukilan: Rosmorni binti Yaakob

Tempoh PKP pejabat JAS tidak beroperasi,
Penjenayah alam sekitar tetap diawasi.

Nukilan: Adzlan bin Abdul Latib

PKP diumumkan larangan bekerja,
JAS Selangor tetap meronda;
Ke sana ke sini mencari punca,
Kesejahteraan alam sekitar perlu dipelihara

Nukilan: Mohd Amir bin Ismail

Kaki terluka terpijak paku,
Pergi hospital naik teksi;
Bising betul ekzos Ysuku,
Habis PKP ku buat operasi.

Nukilan: Che Wan Ruzil bin Wan Abdul Rahman

Kilang haram besi foundri,
Panas membara relau berapi,
Wahai semua pemain industri,
Amalkanlah pematuhan sendiri.

Nukilan: Mohd Radzi bin Ridzuan

COVID-19 hangat diperkata,
Pelbagai bantuan segera diberikan,
Walaupun aduan pencemaran merata-rata,
Kami, JAS sedia untuk siasatan.

Nukilan: Mohd Hadayaddin bin Hisham

Kakitangan JAS menjalankan penguatkuasaan,
Hubungan mesra penuh ketegasan;
Patuhi Peraturan AKAS 1974 sumber rujukan,
Elakkan kompaun elakkan pendakwaan.

Nukilan: Hariyah Ami binti Yahya

Bayam Brazil berwarna hijau,
Mari dimasak bersama bubur;
Kalau JAS buat tak hirau,
Nanti alam hancur lebur.

Nukilan: Roslan bin Azeh

Mangga muda rasanya kelat,
Mana nak sama rasanya cekur;
Pagi hari bergegas ke pejabat,
Hati ikhlas menjaga alam sekitar.

Nukilan: Syed Hafif bin Syed Najibudin

Sungai Kim Kim di Pasir Gudang,
Telah dicemari oleh manusia,
Apabila penjenayah datang mengundang,
JAS bertindak dengan kuasa.

Nukilan: Nurul Jannah binti Che Bahar

Berita TV1 infonya tepat dan benar,
COVID-19 angkara virus Corona,
PKP bukan alasan industri membuat onar,
Tamak haloba punca alam merana.

Nukilan: Siti Rusliza binti Mokhtar

Hari minggu pergi ke Maras,
Niat di hati melihat sarkas;
Begitu berat tanggungjawab JAS
Waktu COVID-19 pun perlu bertugas

Nukilan: Ramli bin Abd Rahman

Alam sekitar digelar jabatan apa saja,
Kuat kuasa undang-undang tak kira masa;
Apa orang kata biarkan sahaja,
Asal kau ikhlas pada Yang Maha Esa.

Nukilan: Siti Rusliza binti Mokhtar

Ke sana ke sini tidak menentu,
Bersihkan diri jangan buat tak ingat;
Khidmat JAS tidak kira waktu,
Demi kesejahteraan alam sejagat.

Nukilan: Siti Rusliza binti Mokhtar

Nasi dibungkus menggunakan paku,
Dibawa pulang untuk anak-anak makan;
Pencemaran alam senantiasa berlaku,
Khidmat JAS amat diperlukan.

Nukilan: Yusnalis binti Yusoff

Berlaku aduan rakyat menyampah,
Dikata jasa buat kerja sambilan;
Direndahkan tak mungkin menjadi sampah,
Disanjung tak mungkin menjadi rembulan.

Nukilan: Siti Rusliza binti Mokhtar

Hutan dan bandar kami lawati,
Untuk mencapai visi dan misi;
Jabatan Alam Sekitar nama diberi,
Semoga perkhidmatan kami mesra di hati.

Nukilan: Yusnalis binti Yusoff

Sungai, laut, tanah dan daratan,
Alam sekitar untuk kehidupan;
Ilmu dan kefahaman harus diberikan,
Itulah tugas penting kita di jabatan.

Nukilan: Yusnalis binti Yusoff

Makcik Kiah turun ke bendang,
Mencari rezeki buat makan;
Jika undang-undang alam sekitar tidak dipandang,
Dunia binasa meranalah badan.

Nukilan: Maisarah binti Mohd Nor

Udara dan air Allah jadikan,
Jangan didusta nikmat yang diberi;
Bersama JAS didikan diberikan,
Agar kemusnahan di dunia dapat dihindari.

Nukilan: Yusnalis binti Yusoff

Belajar tinggi demi masa depan,
Konsep 'Cleaner Production' perlu diterapkan.

Nukilan: Siti Norhidayah binti Abdullah

Dua, tiga kucing bercakar,
Mana nak sama si hitam belang;
Penguatkuasaan alam sekitar makin tercabar,
Mampu dipikul pegawai JAS berkalibar.

Nukilan: Mohd Lokman bin Othman

Malaysia kita negara bersih,
Industri berkembang di sana sini;
Patuhilah standard Udara Bersih,
Jadikan amalan sepanjang operasi.

Nukilan: Bahagian Udara

— ❖ —
Makcik Kiah ada jual pau,
Pesanan dibuat melalui SMS;
Asap kilang perlu dipantau,
Kalau nak senang, pasanglah cems.

Nukilan: Bahagian Udara

E-WASTE DAN KITAR SEMULA

Dari Abu Umamah Al-Bahili r.a., ia berkata, saya mendengar Rasulullah SAW bersabda, “Bacalah al-Quran. Kerana ia pada hari kiamat nanti akan datang untuk memberikan syafaat kepada para pembacanya.” (Hadith sahih, riwayat Muslim)

LANGIT BIRU, BUMI HIJAU

Biru langit dipupuk awan,
Burung nyiong berkicau riang,
Indah permai alam terbentang,
Hijau bumi anugerah Tuhan,

Nun di sana awan berarak megah,
Membawa petanda hujan bakal menyinggah,
Membawa nikmat anugerah Tuhan,
Untuk penghuni penuh melimpah.

Namun kini sisa beracun yang datang menyinggah,
Akibat kerasukan insan bertua.
Padi menghijau, jauh terbentang,
Damai terasa di khaltulistiwa,

Peluh keringat di bawah mentari,
Moga denai itu bakal menyejukan hati,
Duhai insan, duhai teman,

Ayuh bersama lestarikan alam,
pedang perjuangan harus disemat,
Agar bumi menghijau, langit membiru terus dilihat,
Demi anak bangsa generasi terbilang.

*Junaidah binti Hussin
JAS Negeri Sembilan*

Buangan plastik ancaman milenia,
Mencemari alam sehingga sengsara;
Kitar semula selamatkan dunia,
Alam sekitar terus terpelihara.

Nukilan: Khairul Nizam bin Samsuri

Terimalah hadiah daripada kami,
Biarpun murah, tampak cantik;
Marilah kita selamatkan bumi,
Mengitar semula kertas dan plastik.

Nukilan: Shafariza binti Shamsudin

Indah malam terangnya bulan,
Cahaya menyinari alam semesta;
Kitar semula e-waste jadikan amalan,
Barulah alam sekitar kekal terpelihara.

Nukilan: Mazriah Ayu binti Abu Bakar

Buangan merkuri buangan berbahaya,
Buangan klinikal buangan berjangkit;
Menjaga alam tanggungjawab bersama,
Persekitaran bersih jauh penyakit.

Nukilan: Shafariza binti Shamsudin

Anak kucing melintas jalan,
Hampir jatuh ke dalam paya;
Beg kitar semula jadi amalan,
Semasa membeli di pasar raya.

Nukilan: Nurul Syazreen binti Razali

Pokok cendana di tepi kuala,
Pokok petola di tepi terusan;
Galakkan pengguna mengitar semula,
Kempen kitar semula perlu berkesan.

Nukilan: Abu Bakar bin Tajuddin

Anak kecil bermain bola,
Berkejar-kejar dengan pantas;
Apa kata dicuba pula,
Penyedut minuman daripada kertas.

Nukilan: Nurul Syazreen binti Razali

Mari mendaki ke gunung daik,
Melintas alur jurang di tepi;
Buangan terjadual diurus baik,
Kelestarian alam terjaga rapi.

Nukilan: Nor Liza binti Yen

Membeli belah di pasar raya,
Sebagai persiapan menyambut puasa;
Bawalah bersama beg guna semula,
Hindari plastik sekali guna.

Nukilan: Mohd Helmi bin Ahmad

Pergi ke pasar membawa raga,
Membeli barang dapur termasuk halia;
Asingkan barang kitar semula,
Konsep 3R amalan mulia.

Nukilan: Hasinor bin Zainol

Burung nuri terbang tinggi,
Hinggap di pohon dibaham ular;
E-waste ada nilai yang tinggi,
Jangan dibuang atau dibakar.

Nukilan: Azizah binti Mohamed

Banyak buangan kita hasilkan,
Kitar semula kita amalkan;
Amalan baik membawa keuntungan,
Adakah anda telah laksanakan.

Nukilan: Rosli bin Zul

Subuh pagi ayah pergi menjala,
Surat khabar lama dikitar semula.

Nukilan: Dalilah Adriana binti Zolkifli

Go green,
Before the green goes.

Nukilan: Ummi Nadzirah binti Sanusi

Lurus jalan ke Paya Mengkuang,
Kayu jati bertimbal jalan;
Sampah domestik jangan dibuang,
Boleh dikompos banyak kegunaan.

Nukilan: Mohd Ridzuan bin Zainal

Di tepi pantai ombaknya tenang,
Air di tasik berwarna biru;
Buangan terjadual janganlah dibuang,
Agar kesihatan tidak terganggu.

Nukilan: Mohd Zuraidi bin Yahya

Termenung ke luar jendela,
Kitar semula amalan mulia lagi berpahala.

Nukilan: Wan Shahrin Amin bin Wan Mohd Hanafee

Sungai Kim Kim telah tercemar,
Dicemari oleh buangan terjadual;
Sama-sama kita jaga alam sekitar,
Agar khazanah alam dapat kekal.

Nukilan: Muhamad Zamil bin Yusof

Tak nak plastik mudah sahaja,
'Bring your own' amalan kita;
Beg dan botol sendiri bawa,
Jangan lupa straw juga.

Nukilan: Abdul Mazli Hafiz

Pergi ke pasar membawa raga,
Raga dibeli di Singapura;
Kerana plastik, penyu merana,
Hindari plastik, sekali guna.

Nukilan: Hamizan bin Abdullah



PENGHARGAAN

Penasihat:

Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar

Penyunting:

Pn Hajah Mashitah binti Darus

Pn Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon

Pn Zuraini binti Siam

Pn Wan Na'ima binti Wan Nawang

Pn Nuur Aina binti Abdul Manan

Pn Farah Nadiyah binti Mohd Noor

Pn Rosfaruzzah binti Rosali

NAMA	JAWATAN (TAHUN 2020)	JAWATAN TERKINI
Dato' Wan Abdul Latiff bin Wan Jaffar	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)	Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar
Dr. Norhazni binti Mat Sari	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)	Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Pn Hajah Mashitah binti Darus	Pengarah Bahagian Udara	Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Pn Norlin binti Jaafar	Ketua Pengarah Alam Sekitar	Bersara Mantan Ketua Pengarah Alam Sekitar
Pn Hajah Azuri Azizah binti Haji Saedon	Pengarah JAS Negeri Sembilan	Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik
Pn Ani Fazliana binti Dato' Dahri@Abdul Latif	Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan	Pengarah Bahagian Pentadbiran dan Kewangan
Pn. Zuraini binti Ahmad Tajudin	Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik	Pengarah JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
Pn. Hafizah binti Yahya@ Ab Rahim	Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat	Setiausaha Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Sumber Asli, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim
Pn. Hajah Rohimah binti Ayub	Pengarah Bahagian Penilaian	Pengarah Bahagian Penilaian
Tn Hj Shaf'ee bin Yasin	Pengarah Bahagian Penguatkuasa	Pengarah Bahagian Penguatkuasa
Ts. Azlan bin Ahmad	Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya	Pengarah Bahagian Bahan Berbahaya
Tn Hj Rosli bin Zul	Pengarah JAS Negeri Perak	Pengarah Bahagian Udara



NAMA	JAWATAN (TAHUN 2020)	JAWATAN TERKINI
En Rosli bin Osman	Pengarah JAS Negeri Melaka	Pengarah Bahagian Air dan Marin
En Salahudin bin Sidik	Pengarah JAS Negeri Kelantan	Pengarah EiMAS
Dr Mohd Famey bin Yusoff	Pengarah JAS Negeri Johor	Pengarah JAS Negeri Johor
En Rosli bin Mustafa	Pengarah Bahagian Air dan Marin	Pengarah JAS Negeri Melaka
En Hamzah bin Mohamad	Pengarah JAS Negeri Sarawak	Pengarah JAS Negeri Sembilan
Pn Nor Aziah binti Jaafar	Pengarah JAS Negeri Selangor	Pengarah JAS Negeri Selangor
YBhg Dato' Ts. Dr. Hj. Mohammad Ezanni bin Mat Salleh	Pengarah JAS Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Pengarah JAS Negeri Perak
Pn Sharifah Zakiah binti Syed Sahab	Pengarah JAS Negeri Pulau Pinang	Pengarah JAS Negeri Kedah
En Norazizi bin Adinan	Pengarah JAS Negeri Kedah	Pengarah JAS Negeri Pulau Pinang
En Ramli bin Abd. Rahman	Pengarah JAS Negeri Terengganu	Pengarah JAS Negeri Terengganu
En Amirul bin Aripin	Pengarah JAS Negeri Sabah	Pengarah JAS Negeri Sabah
En Wandu Yadzid bin haji Yaakob	Pengarah JAS Negeri Kelantan	Pengarah JAS Negeri Pahang
En Mohd Sani bin Mat Daud	Pengarah JAS Negeri Pahang	Bersara Mantan Pengarah JAS Negeri Pahang
En Wan Aminordin bin Wan Kamaruddin	KPPK Bahagian Udara	Pengarah JAS Negeri Kelantan
En Jamal Affendy bin Shahr	Ketua Penolong Pengarah Bahagian Air dan Marin	Pengarah JAS Negeri Perlis
En Amir Hamzah bin Musa	Pengarah JAS Wilayah Persekutuan Labuan	KPP JAS Negeri Sabah
En John Anak Rampai	Ketua Penolong Pengarah Kanan, JAS Negeri Sabah	Pengarah JAS Negeri Sarawak
En Yaras bin Yusup	Ketua Penolong Pengarah JAS Negeri Sabah	Pengarah JAS Wilayah Persekutuan Labuan

Terima kasih kepada semua penyumbang pantun bagi terbitan Buku Pantun 2023



Autograf

KOLEKSI PUISI ALAM SEKITAR

Hakcipta Karya @Jabatan Alam Sekitar

Hakcipta Koleksi @Jabatan Alam Sekitar

Hakcipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada terbitan ini dalam apa bentuk sekalipun sebelum mendapat keizinan Penerbit dan Penulis tersebut.

Penulis dan Penerbit:

Bahagian Komunikasi Strategik

Jabatan Alam Sekitar

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan Dalam Penerbitan

Pantun Alam Sekitar

ISBN 9789672845102

1. Malay Poetry

2. Alam Sekitar

ISBN 978-967-2845-10-2



9 789672 845102